KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK

# PROGRAM SEMARAK KASIH SPM 2.0 JPN SARAWAK TAHUN 2021

# PRINSIP PERAKAUNAN

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

PROGRAM SEMARAK KASIH SPM 2021

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK

# MATA PELAJARAN ELEKTIF IKHTISAS

# (MPEI)

# PRINSIP PERAKAUNAN

# (3756)

# Pengenalan

Program Semarak Kasih SPM 2021 ini merupakan aktiviti pengisian bagi calon SPM membuat ulangkaji dalam tempoh cuti persekolahan. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak mengambil inisiatif melalui modul pengajaran dan pembelajaran ini yang bersifat pembelajaran kendiri dengan berfokus kepada kemahiran, bidang atau topik mengikut mata pelajaran bagi membantu calon SPM menghadapi peperiksaan SPM. Sampel Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) dan sampel item soalan serta format pentaksiran peperiksaan SPM juga disediakan sebagai panduan guru-guru dalam penyediaan soalan di sekolah. Modul ini mengandungi tiga set soalan kertas satu dan kertas dua untuk mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Ketiga-tiga set soalan kertas 1 dan kertas 2 terdiri daripada set soalan aras kesukaran rendah, sederhana dan tinggi untuk memenuhi tahap penguasaan calon yang berlainan.

# ISI KANDUNGAN


| Bil. | Tajuk | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1 | Pengenalan | 1 |
| 2 | Dihasilkan oleh | 3 |
| 3 | Penyelaras | 4 |
| 4 | Kandungan Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan | 5 |
| 5 | Jadual Konstruk | 6 |
| 6 | Sampel Item Soalan ikut Konstruk | 7 - 26 |
| 7 | Sampel Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) | 27 - 31 |
| 8 | Format Pentaksiran Peperiksaan | 32 |
| 9 | Modul Aras Rendah | 33 - 56 |
| 10 | Peraturan Permarkahan Aras Rendah | 57 - 64 |
| 11 | Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) Aras Rendah | 65 - 70 |
| 12 | Modul Aras Sederhana | 71 - 92 |
| 13 | Peraturan Permarkahan Aras Sederhana | 93 - 102 |
| 14 | Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) Aras Sederhana | 103 - 108 |
| 15 | Modul Aras Tinggi | 109 - 131 |
| 16 | Peraturan Permarkahan Aras Tinggi | 132 - 142 |
| 17 | Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) Aras Tinggi | 143 - 148 |

## DIHASILKAN OLEH

| NAMA GURU | SEKOLAH |
|---|---|
| HII LU LUNG (KETUA) | SMK CHUNG HUA, SIBU |
| HALIFAH BINTI MATADI | SMK TUNKU ABDUL RAHMAN, KUCHING |
| HANIZAH SULAIMAN | SMK DATO PERMAISURI, MIRI |
| LAW SIEW HIE | SMK TUNG HUA, SIBU |
| LIAW HOCK JIN | SMK TRUSAN, LAWAS |
| MALIHA BINTI LUIE | MRSM KUCHING |
| MARIE WONG | SMK CHUNG HUA (CF), MIRI |
| MUHAMAD EZZUL BIN ESA | MRSM MUKAH |
| NOR ‘ASYIKIN BINTI MOHD SHAMSUDIN | SMK KOTA SAMARAHAN, SAMARAHAN |
| SIAW HUONG YIANG | SMK PADUNGAN, KUCHING |
| SITI SUFIA BT SAIBI | SMK BAKONG, MIRI |
| TING CHEK LUENG | SMK BANDAR BINTULU, BINTULU |
| TIONG LANG HIONG | SMK KAMPUNG NANGKA, SIBU |

## PENYELARAS

## UNIT PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL

| NAMA PEGAWAI | JABATAN |
|---|---|
| SATHI SARAVANA A/L SUBRAMANIAM | SEKTOR PEMBELAJARAN, JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK |
| SHARON GRACE PHILIP | SEKTOR PEMBELAJARAN, JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK |
| MOHAMMAD KHAZSRULHAZSMIE BIN HUSAINI | SEKTOR PEMBELAJARAN, JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK |
| MOHAMAD FATHRI BIN RETHUAN | SEKTOR PEMBELAJARAN, JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK |
| ZAMRI BIN SAHAAT | SEKTOR PEMBELAJARAN, JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK |

# KANDUNGAN MATA PELAJARAN PRINSIP PERAKAUNAN

## TINGKATAN 4

| MODUL | TAJUK |
|---|---|
| 1 | Pengenalan kepada Perakaunan |
| 2 | Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan |
| 3 | Dokumen Perniagaan sebagai Sumber Maklumat |
| 4 | Buku Catatan Pertama |
| 5 | Lejar |
| 6 | Imbangan Duga |
| 7 | Penyata Kewangan Milikan Tunggal tanpa Pelarasan |
| 8 | Pelarasan Pada Tarikh Imbangan dan Penyediaan Penyata Kewangan Milikan Tunggal |
| 9 | Pembetulan Kesilapan |

## TINGKATAN 5

| MODUL | TAJUK |
|---|---|
| 1 | Analisis dan Tafsiran Penyata Kewangan untuk Membuat Keputusan |
| 2 | Rekod Tak Lengkap |
| 3 | Perakaunan untuk Kawalan Dalaman |
| 4 | Perakaunan untuk Perkongsian |
| 5 | Perakaunan untuk Syarikat Berhad Menurut Syer |
| 6 | Perakaunan untuk Kelab dan Persatuan |
| 7 | Perakaunan Kos |

# JADUAL KONSTRUK

| KONSTRUK | KETERANGAN |
|---|---|
| **P01** | Pengetahuan tentang Terminalogi |
| **P02** | Pengetahuan tentang Fakta |
| **P03** | Pengetahuan tentang Konvensyen |
| **P04** | Pengetahuan tentang Aliran dan Urutan |
| **P05** | Pengetahuan tentang Pengelasan dan Pengkategorian |
| **P06** | Pengetahuan tentang Kriteria |
| **P07** | Pengetahuan tentang Metodologi |
| **P08** | Pengetahuan tentang Prinsip dan Generalisasi |
| **P09** | Pengetahuan tentang Teori dan Struktur |
| **C01** | Kefahaman |
| **A01** | Aplikasi |
| **N01** | Analisis |
| **V01** | Penilaian |
| **T01** | Sintesis |

## SAMPEL ITEM SOALAN IKUT KONSTRUK

**Mata Pelajaran: Prinsip Perakaunan** **Kod Mata Pelajaran: 3756**

| **Konstruk** | **Konteks** | **Aras Kesukaran** | **Kunci** | **Pembina** |
|---|---|---|---|---|
| P01 | 8.3.1 | R | C | Hii Lu Lung |

**SP Menerangkan maksud Hutang Lapuk, Hutang Lapuk Terpulih dan Peruntukan Hutang Ragu.**

Apakah yang dimaksudkan dengan peruntukan hutang ragu?

A Hutang lapuk dihapuskan

B Hutang yang akan dikutip

C Hutang yang dianggarkan tidak dapat dikutip

D Hutang yang dikutip semula setelah dihapuskan

**Mata Pelajaran: Prinsip Perakaunan** **Kod Mata Pelajaran: 3756**

| Konstruk | Konteks | Aras Kesukaran | Kunci | Pembina |
|---|---|---|---|---|
| P02 | 11.1.1 | R | B | Siaw HY |

**SP Menerangkan sebab rekod perniagaan tidak lengkap**

Manakah situasi di bawah akan menyebabkan berlakunya rekod tak lengkap dalam sesebuah perniagaan?

A Tiada kawalan tunai dalam perniagaan

B Buku-buku akaun telah tercicir atau musnah

C Jumlah imbangan duga tidak dihitung dengan tepat

D Peniaga tidak merancang perbelanjaan dengan baik

**Mata Pelajaran: Prinsip Perakaunan** **Kod Mata Pelajaran: 3756**

| Konstruk | Konteks | Aras Kesukaran | Kunci | Pembina |
|---|---|---|---|---|
| P03 | 8.2.5 | Rendah | B | Marie |

**SP** **Merekod item Belum Terperoleh, Belum Terima, Prabayar dan Belum Bayar ke dalam Penyata Kedudukan Kewangan**

Pasangan manakah yang betul pengelasan aset dan liabiliti bagi kadar bayaran?

| | Aset | Liabiliti |
|---|---|---|
| A | Belum terima | Belum terperoleh |
| B | Prabayar | Belum bayar |
| C | Belum terperoleh | Prabayar |
| D | Belum bayar | Belum terima |

**Mata Pelajaran: Prinsip Perakaunan** **Kod Mata Pelajaran: 3756**

| Konstruk | Konteks | Aras Kesukaran | Kunci | Pembina |
|---|---|---|---|---|
| P04 | 1.1.4 | S | C | Hanizah |

**SP Melakar Kitaran Perakaunan**

**Rajah 1** menunjukkan Kitaran Perakaunan.




**Rajah 1: Kitaran Perakaunan**

Apakah susunan yang betul bagi kitaran tersebut?

A Dokumen Sumber - Lejar - Buku Catatan Pertama - Penyata Kewangan - Pelarasan

B Buku Catatan Pertama - Dokumen Sumber - Lejar - Pelarasan - Penyata Kewangan

C Dokumen Sumber - Buku Catatan Pertama - Lejar - Pelarasan - Penyata Kewangan

D Buku Catatan Pertama - Lejar - Pelarasan - Penyata Kewangan - Dokumen Sumber

**Mata Pelajaran: Prinsip Perakaunan** **Kod Mata Pelajaran: 3756**

| Konstruk | Konteks | Aras Kesukaran | Kunci | Pembina |
|---|---|---|---|---|
| P05 | 12.3.4 | R | B | Maliha Luie |

**SP Mengenal pasti butiran penerimaan dan pembayaran**

Antara berikut, yang manakah butiran penerimaan dalam Belanjawan Tunai?

I Modal

II Belian

III Akaun Belum Bayar

IV Akaun Belum Terima

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

**Mata Pelajaran: Prinsip Perakaunan** **Kod Mata Pelajaran: 3756**

| Konstruk | Konteks | Aras Kesukaran | Kunci | Pembina |
|---|---|---|---|---|
| P06 | 1.5.1 | R | B | Muhamad Ezzul Bin Esa |

**SP Menyenaraikan ciri-ciri perniagaan Milikan Tunggal, Perkongsian, Syarikat Berhad dan Koperasi**

Petikan perbualan dibawah terjadi di dalam kelas semasa perbincangan bertajuk 'Pekerjaan Bapa Saya'.

Ahmad : David, saya dengar bapa kamu seorang jurutera. Betul ke?

David : Ya Ahmad, bapa saya seorang jurutera di sebuah entiti perniagaan. Perniagaan tersebut dimiliki oleh ayah saya dan 2 lagi pakcik saya. Keuntungan perniagaan tersebut akan diagihkan dalam bentuk dividen kepada pemilik. Tanggungan liabiliti perniagaan ini terhad kepada modal yang disumbangkan oleh ayah dan pakcik saya sahaja.

Ahmad : Wah, banyak betul kamu tahu tentang perniagaan ayah kamu ya.

David : Mestilah. Sebab suatu hari nanti saya yang akan memiliki perniagaan tersebut juga.

Berdasarkan petikan dialog di atas, apakah nama perniagaan yang sesuai dengan perniagaan ayah dan pakcik-pakcik David?

A Bina Utama Enterprise

B Exact Engineering Sdn Bhd

C Koperasi Angkatan Bina Bhd

D Amal Platinum Resource Bhd

**Mata Pelajaran: Prinsip Perakaunan** **Kod Mata Pelajaran: 3756**

| Konstruk | Konteks | Aras Kesukaran | Kunci | Pembina |
|---|---|---|---|---|
| P07 | 13.3.1(i) | S | T | Muhamad Ezzul Bin Esa |

**SP Menyediakan Akaun Modal menggunakan Kaedah Modal Berubah**

Rachel dan Sheena ialah pekongsi dalam Perkongsian Rich & Shine yang menjalankan perniagaan di Pahang. Baki berikut diperoleh daripada rekod perakaunan pada 30 Jun 2019.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2019

| | Debit (RM) | Kredit (RM) |
|---|---|---|
| Modal pada 1 Julai 2018 | | |
| Rachel | | 90 000 |
| Sheena | | 60 000 |
| Inventori pada 1 Julai 2018 | 11 500 | |
| Premis | 92 400 | |
| Bank | 9 030 | |
| Perabot | 59 800 | |
| Kenderaan | 80 000 | |
| Susut nilai terkumpul: | | |
| Perabot | | 17 940 |
| Kenderaan | | 16 000 |
| Untung Bersih | | 38 980 |
| Gaji Sheena | 3 500 | |
| Akaun Belum Bayar | | 6 200 |
| Akaun Belum Terima | 6 840 | |
| Ambilan | | |
| Rachel ( 1 Julai 2018 ) | 3 900 | |
| Sheena ( 1 Oktober 2018 ) | 3 600 | |
| Pinjaman Bank 6.5% | | 35 000 |
| Pinjaman Rachel ( 1 April 2019 ) | | 6 000 |
| Peruntukan hutang ragu | | 450 |
| | 270 570 | 270 570 |

**Maklumat tambahan pada 30 Jun 2019:**

Ikatan Perjanjian Perkongsian menyatakan syarat berikut :

- Faedah atas ambilan dikenakan 5% setahun
- Faedah atas modal dibayar 6% setahun
- Faedah atas pinjaman dibayar 7% setahun
- Gaji tahunan Rachel dan Sheena masing-masing RM 9 000 dan RM 6 000
- Untung atau rugi dibahagi kepada pekongsi mengikut nisbah modal masing-masing

**Anda dikehendaki menyediakan:**

Akaun Modal pekongsi menggunakan kaedah berubah (bentuk beruangan)

[ 7 markah]

**Peraturan Pemarkahan**

**Akaun Modal**

| Tarikh | Butir | Rachel | Sheena | | Tarikh | Butir | Rachel | Sheena | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2018 | | RM | RM | | 2018 | | RM | RM | |
| Jul 1 | Ambilan | 3 900 | | | Jul 1 | Baki b/b | 90 000 | 60 000 | |
| Okt 1 | Ambilan | | 3 600 | | 2019 | | | | |
| 2019 | | | | 1m | Jun 30 | Gaji | 9 000 | 2 500 | 1fb |
| Jun 30 | Faedah atas ambilan | 195 | 135 | 1fb | | Faedah atas pinjaman | 105 | | 1m |
| | Baki h/b | 109 596 | 68 489 | | | Faedah atas modal | 5 400 | 3 600 | 1fb |
| | | | | | | Pengasingan Untung Rugi | 9 186 | 6 124 | 1fb |
| | | 113 691 | 72 224 | | | | 113 691 | 72 224 | |
| | | | | | Jul 1 | Baki b/b | 109 596 | 68 489 | 1fb |

**Mata Pelajaran: Prinsip Perakaunan** **Kod Mata Pelajaran: 3756**

| Konstruk | Konteks | Aras Kesukaran | Kunci | Pembina |
|---|---|---|---|---|
| P08 | 11.2.4 | S | S | Maliha Luie |

**SP Menghasilkan Penyata Mengira Modal Awal dan Modal Akhir**

Puan Awlya adalah pemilik Awlya Bakery yang beroperasi di Kuching, Sarawak. Beliau tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Berikut adalah maklumat aset dan liabiliti perniagaan tersebut.

| | **1 April 2020** **RM** | **31 Mac 2021** **RM** |
|---|---|---|
| Lengkapan | 21 000 | 21 000 |
| Kenderaan | 40 000 | ? |
| Akaun Belum Terima | 12 000 | 24 800 |
| Akaun belum Bayar | 7 400 | 10 670 |
| Inventori | 9 450 | 12 980 |
| Bank | 23 600 | 30 100 |
| Tunai | 1 760 | 1 310 |
| Kadar Bayaran Belum Bayar | 350 | 500 |

**Maklumat Tambahan:**

i. Pada 1 Jun 2020, pemilik telah membawa masuk sebuah van milik peribadinya bernilai RM15 000 ke dalam perniagaan.
ii. Peruntukan hutang ragu diselaraskan sebanyak 5% atas Akaun Belum Terima.
iii. Polisi susut nilai:
   - Lengkapan 10% setahun atas kos
   - Kenderaan 20% setahun atas kos
iv. Insurans kedai RM1 200 dibayar untuk tempoh setahun berakhir 30 Jun 2021.
v. Gaji pekerja untuk bulan Mac 2021 sebanyak RM1 500 belum dibayar.

**Anda dikehendaki menyediakan**:

a) Penyata Mengira Modal pada 1 April 2020.

[3 markah]

b) Penyata Mengira Modal pada 31 Mac 2021.

[7 markah]

**Peraturan Pemarkahan**

**Penyata Mengira Modal pada 1 April 2020**

| | RM | RM | |
|---|---|---|---|
| **Aset** | | | |
| Lengkapan | | 21 000 | |
| Kenderaan | | 40 000 | |
| Akaun Belum Terima | | 12 000 | **1m** |
| Inventori | | 9 450 | |
| Bank | | 23 600 | |
| Tunai | | 1 760 | |
| | | 107 810 | |
| ***Tolak*: Liabiliti** | | | |
| Akaun Belum Bayar | 7 400 | **1m** | |
| Kadar Bayaran Belum Bayar | 350 | | |
| | | 7 750 | |
| **Modal pada 1 April 2020** | | 100 060 | **1OF** |

**Penyata Mengira Modal pada 31 Mac 2021**

| | RM | RM | |
|---|---|---|---|
| **Aset** | | | |
| Lengkapan (21 000 – 2 100) | | 18 900 | **1m** |
| Kenderaan (40 000 + 15 000 – 10 500) | | 44 500 | **1+1OF** |
| Akaun Belum Terima (24 800 – 1 240) | | 23 560 | **1m** |
| Inventori | | 12 980 | |
| Insurans Prabayar (1 200 – 900) | | 300 | **1m** |
| Bank | | 30 100 | |
| Tunai | | 1 310 | |
| | | 131 650 | |
| ***Tolak*: Liabiliti** | | | |
| Akaun Belum Bayar | 10 670 | | |
| Kadar Bayaran Belum Bayar | 500 | | |
| Gaji Belum Bayar | 1 500 | **1m** | |
| | | 12 670 | |
| **Modal pada 31 Mac 2021** | | 118 980 | **1OF** |

**Mata Pelajaran: Prinsip Perakaunan** **Kod Mata Pelajaran: 3756**

| Konstruk | Konteks | Aras Kesukaran | Kunci | Pembina |
|---|---|---|---|---|
| P09 | 12.2.4 | S | S | Hanizah |

**SP Menghasilkan Penyata Penyesuaian Bank tanpa mengemas kini Buku Tunai**

Buku Tunai Corina Trading menunjukkan baki yang berbeza dengan Penyata Bank pada 31 Mei 2021. Berikut ialah Buku Tunai dan Penyata Bank pada tarikh tersebut.

**Buku Tunai (Ruangan Bank sahaja)**

| Tarikh 2021 | Perkara | RM | Tarikh 2021 | No. Cek | Perkara | RM |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Mei 1 | Baki b/b | 7 350 | Mei 2 | 101183 | Sewa | 850 |
| 3 | Jualan | 2 550 | 4 | 101184 | Baiki kenderaan | 500 |
| 5 | Anding Bhd. | 870 | 6 | 101185 | Komisen | 590 |
| 8 | Farah | 1 450 | 10 | 101186 | Angkutan masuk | 220 |
| 25 | Bob Bhd. | 2 530 | 24 | 101187 | Fitri & Co. | 2 477 |
| 28 | Perniagaan Adam | 1 770 | 27 | 101188 | Mas Sdn Bhd | 5 633 |
| 29 | Peruncit Zahid | 2 430 | 29 | 101189 | Sarawak Energy | 120 |
| 30 | Jerry | 499 | 31 | 101190 | Syarikat Linda | 8 700 |
| | | | | 101191 | Boh Trading | 240 |
| | | | | | Baki h/b | 119 |
| | | **19 449** | | | | **19 449** |

**Bank NZA Bhd : Penyata Bank untuk Corina Trading**

| Tarikh 2021 | Perkara | Cek | Debit (RM) | Kredit (RM) | Baki (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| Mei 1 | Baki | | | | 8 150 |
| 5 | Cek | 101183 | 850 | | 7 300 |
| 10 | Cek | 101184 | 500 | | 6 800 |
| 11 | Deposit | | | 2 550 | 9 350 |
| | Deposit | | | 870 | 10 220 |
| 12 | Cek | 101182 | 800 | | 9 420 |
| | Buku Cek | | 15 | | 9 405 |
| 14 | Cek | 101186 | 220 | | 9 185 |
| 16 | Deposit | | | 1 450 | 10 635 |
| 28 | Cek | 101188 | 5 633 | | 5 002 |
| | Cek | 101187 | 2 747 | | 2 255 |
| 29 | Deposit | | | 1 770 | 4 025 |
| 30 | Dividen Syarikat Jazmin | | | 1 560 | 5 585 |
| | Syarikat Teh (Pindahan kredit) | | | 2 300 | 7 885 |
| 31 | Deposit | | | 2 430 | 10 315 |

- Berlaku kesilapan dalam Buku Tunai bagi cek bernombor 101187.
- Cek yang diterima daripada Jerry telah dipulangkan oleh bank dengan catatan Rujuk Penyuruh Bayar.

**Anda dikehendaki :**

(a) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mei 2021 tanpa mengemas kini Buku Tunai.

[13 markah ] A01, N01

(b) Menyatakan 2 sebab berlakunya perbezaan baki di Buku Tunai dengan baki di Penyata Bank.

[2 markah] P09

**Peraturan Pemarkahan:**

**Corina Trading**

**(a) Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mei 2021**

| | RM | RM |
|---|---|---|
| Baki **Debit** di **Buku Tunai** | **1m + W** | 119 |
| | | |
| Tambah: Cek Belum Dikemukakan | | |
| Komisen | 590 | **1m** |
| Sarawak Energy | 120 | **1m** |
| Syarikat Linda | 8 700 | **1m** |
| Boh Trading | 240 | **1m** |
| Dividen Syarikat Jazmin | 1 560 | **1m** |
| Syarikat Teh (Pindahan Kredit) | 2 300 | **1m** |
| | | 13 510 |
| | **1m** | **13 629** |
| | | |
| Tolak: Deposit Belum Dikreditkan | | |
| Bob Bhd | 2 530 | **1m** |
| Jerry (Cek Tak Layan) | 499 | **1m** |
| Buku Cek | 15 | **1m** |
| Fitri & Co. (Kesilapan) | 270 | **1m** |
| | | (3 314) |
| Baki **Kredit** di **Penyata Bank** | **1m + W** | **10 315** |
| | | |

[13 markah ]

**(b) Sebab perbezaan baki di Buku Tunai dengan baki di Penyata Bank**

| | | |
|---|---|---|
| Cek belum dikemukakan | **1m** | **Mana-mana 2** |
| Deposit belum dikreditkan | **1m** | |
| Kesilapan catatan di Buku Tunai | **1m** | |
| Cek tak layan | **1m** | |
| Pembayaran bank bagi pihak pelanggan: | | |
| *Buku cek* | **1m** | |
| *Caj bank* | **1m** | |
| *Faedah atas overdraf* | **1m** | |
| *Perintah sedia ada* | **1m** | |
| Penerimaan bank bagi pihak pelanggan: | | |
| *Faedah atas simpanan* | **1m** | |
| *Dividen* | **1m** | |
| *Pindahan kredit* | **1m** | |

[2 markah]

**Mata Pelajaran: Prinsip Perakaunan** **Kod Mata Pelajaran: 3756**

| Konstruk | Konteks | Aras Kesukaran | Kunci | Pembina |
|---|---|---|---|---|
| C01 | 10.1.1 | T | S | Marie |

**SP Menerangkan jenis nisbah dalam Analisis Penyata Kewangan**

Kenal pasti jenis nisbah yang sesuai untuk pernyataan yang berikut.

| | Pernyataan | Jenis nisbah |
|---|---|---|
| a. | Kadar ini boleh dibandingkan dengan kadar faedah yang dibayar oleh bank | |
| b. | Menunjukkan kecekapan operasi dalam pengurusan inventori | |
| c. | Semakin tinggi peratus, semakin berkesan pengawalan kos jualan | |

**Peraturan Pemarkahan**

| | Pernyataan | Jenis nisbah | Markah |
|---|---|---|---|
| a. | Kadar ini boleh dibandingkan dengan kadar faedah yang dibayar oleh bank | Pulangan atas modal | 2m |
| b. | Menunjukkan kecekapan operasi dalam pengurusan inventori | Tokokan | 2m |
| c. | Semakin tinggi peratus, semakin berkesan pengawalan kos jualan | Kadar pusing ganti inventori | 2m |

**Mata Pelajaran: Prinsip Perakaunan** **Kod Mata Pelajaran: 3756**

| Konstruk | Konteks | Aras Kesukaran | Kunci | Pembina |
|---|---|---|---|---|
| A01 | 10.1.2 / 10.1.4 | R | S | Siaw HY |

**SP Mengira Nisbah Keberuntungan / Nisbah Kecekapan**

Perniagaan Sunshine adalah sebuah perniagaan runcit. Berikut ialah maklumat kewangan perniagaan tersebut pada 30 Jun 2021:

| | RM |
|---|---|
| Akaun Belum Bayar | 14 320 |
| Untung bersih | 4 480 |
| Akaun Belum Terima | 4 560 |
| Pinjaman bank | 15 000 |
| Kenderaan | 55 000 |
| Overdraf bank | 3 788 |
| Tunai | 656 |
| Inventori purata | 15 000 |
| Untung kasar | 30 600 |
| Sewa belum bayar | 2 100 |
| Jualan | 128 600 |
| Komisen belum | 305 |
| terperoleh | 48 000 |
| Modal 1 Julai 2020 | 756 |
| Perabot | |

**Anda dikehendaki menghitung perkara-perkara berikut bagi Perniagaan Sunshine:**

(a) Kos jualan [2 markah]

(b) Tokokan [2 markah]

(c) Margin untung kasar [2 markah]

(d) Kadar pusing ganti inventori [2 markah]

(e) Pulangan atas modal [2 markah]

**Peraturan Permarkahan**

(a) Kos Jualan = Jualan – Untung Kasar

= RM 128 600 – RM 30 600

= RM 98 000

[2 markah]

(b) Tokokan = $\frac{\text{Untung kasar}}{\text{Kos Jualan}} \times 100$

$= \frac{\text{RM 30 600}}{\text{RM 98 000}} \times 100$

= 31.22 %

[2 markah]

(c) Margin Untung Kasar = $\frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Jualan}} \times 100$

$= \frac{\text{RM 30 600}}{\text{RM 128 600}} \times 100$

= 23.79%

[2 markah]

(d) Kadar Pusing Ganti Inventori = $\frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Inventori Purata}}$

$= \frac{\text{RM 98 000}}{\text{RM 15 000}}$

= 6.5 kali

[2 markah]

(e) Pulangan Atas Modal = $\frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Modal Awal}} \times 100$

$= \frac{\text{RM 4 480}}{\text{RM 48 000}} \times 100$

= 9.33 %

[2 markah]

**Mata Pelajaran: Prinsip Perakaunan** **Kod Mata Pelajaran: 3756**

| Konstruk | Konteks | Aras Kesukaran | Kunci | Pembina |
|---|---|---|---|---|
| N01 | 10.1.3 | R | C | Hii Lu Lung |

**SP Mengira dan mentafsir Nisbah Kecairan**

Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Syarikat Lily.

| Tahun | 2017 (RM) | 2018 (RM) | 2019 (RM) | 2020 (RM) |
|---|---|---|---|---|
| Aset Semasa | 30 000 | 35 000 | 32 000 | 40 000 |
| Liabiliti Semasa | 20 000 | 25 000 | 20 000 | 33 000 |

Tahun manakah yang menunjukkan keupayaan Syarikat Lily membayar hutang jangka pendeknya yang baik?

A 2017

B 2018

C 2019

D 2020

**Mata Pelajaran: Prinsip Perakaunan** **Kod Mata Pelajaran: 3756**

| Konstruk | Konteks | Aras Kesukaran | Kunci | Pembina |
|---|---|---|---|---|
| V01 | 8.4.9 | S | S | Muhamad Ezzul Bin Esa |

**SP** **Menerangkan kesan penggunaan kaedah penentuan Susut nilai yang berlainan terhadap Penyata Kewangan dengan menunjukkan contoh berkaitan**

Berikut ialah petikan imbangan duga bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 Perniagaan Kenali.

**Imbangan Duga pada 31 Disember 2020 (Petikan)**

| | Debit RM | Kredit RM |
|---|---|---|
| Kenderaan (1 Januari 2019) | 80 000 | |
| Susut Nilai Terkumpul - Kenderaan | | 4 000 |

**Maklumat Tambahan:**

(a) Kadar susut nilai kenderaan adalah pada kadar 5 % setahun.

**Anda dikehendaki:**

(a) Menyediakan petikan Penyata Kedudukan Kewanagan pada 31 Disember 2020 dengan mengambilkira susut nilai kenderaan menggunakan kaedah:

(i) Kaedah atas kos [4 markah]

(ii) Kaedah baki berkurangan [4 markah]

(b) Apakah perbezaan kesan penggunaan kedua-dua kaedah penentuan susut nilai di atas terhadap Penyata Kedudukan Kewanagn Perniagaan Kenali [2 markah]

**Peraturan Pemarkahan**

(a) (i)

Perniagaan Kenali

Penyata Kedudukan Kewangan 31 Disember 2020 (Petikan)

| **Aset Bukan Semasa** | RM | |
|---|---|---|
| Kenderaan | 80 000 | [1] |
| *Tolak* : Susut Nilai Terkumpul- Kenderaan | 8 000 | [1 + 1 OF] |
| | 72 000 | [1 OF] |

[4 markah]

(a) (ii)

Perniagaan Kenali

Penyata Kedudukan Kewangan 31 Disember 2020 (Petikan)

| **Aset Bukan Semasa** | RM | |
|---|---|---|
| Kenderaan | 80 000 | [1] |
| *Tolak* : Susut Nilai Terkumpul- Kenderaan | 7 800 | [1 + 1 OF] |
| | 72 200 | [1 OF] |

[4 markah]

(b) Kesan yang terjadi ke atas Penyata Kedudukan Kewangan Perniagaan Kenali ialah nilai buku Aset Bukan Semasa yang berbeza antara kedua-dua penggunaan kaedah susut nilai tersebut. Nilai buku Aset Bukan Semasa yang menggunakan kaedah atas kos lebih kecil berbanding nilai yang menggunakan kaedah baki berkurangan. [2 markah]

**atau**

Penolakan susut nilai terkumpul aset bukan semasa yang menggunakan kaedah atas kos lebih besar berbanding penolakan susut nilai terkumpul aset bukan semasa yang menggunakan kaedah atas baki berkurangan pada tahun kedua tempoh perakaunan peniagaan. [2 markah]

**atau**

Susut nilai kenderaan yang menggunakan kaedah atas kos akan sentiasa sama setiap tahun berbanding susut nilai kenderaan yang menggunakan kaedah baki berkurangan tidak sama setiap tahun dan akan berkurangan dari tahun ke tahun.

[2 markah]

**Mata Pelajaran: Prinsip Perakaunan** **Kod Mata Pelajaran: 3756**

| Konstruk | Konteks | Aras Kesukaran | Kunci | Pembina |
|---|---|---|---|---|
| T01 | 6.2.7 | T | T | Hii Lu Lung |

**SP** **Merumuskan hubungan Imbangan Duga dan inventori akhir (sistem inventori berkala) dalam penyediaan Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan.**

Maklumat berikut dipetik daripada Perniagaan Kedai Teresa pada 31 Julai 2021.

| Jenis barang | Kuantiti | Harga Kos (RM) | Harga Pasaran (RM) |
|---|---|---|---|
| Air kotak – Sedap | 30 | 14 | 13 |
| Air kotak – Segar | 50 | 16 | 18 |
| Air kotak – Enak | 40 | 12 | 15 |

**Anda dikehendaki:**

(a) Menghitung nilai inventori akhir untuk Kedai Teresa.

[2 markah] A01, N01

(b) Bandingkan hubungan antara nilai inventori, kos jualan dan untung kasar perniagaan Kedai Teresa sekiranya Puan Teresa membuat penilaian inventori berdasarkan nilai harga barang yang lebih tinggi.

[3 markah] T01

**Peraturan Permarkahan:**

(a) Inventori akhir = (30 unit x RM 13) + (50 unit x RM 16) + (40 unit x RM 12)

= RM 1 670

[2 markah]

(b) Sekiranya penilaian inventori berdasarkan nilai harga barang yang lebih tinggi, nilai inventori akhir akan menjadi tinggi. Ini akan menyebabkan nilai kos jualan menjadi rendah manakala nilai untung kasar akan menjadi tinggi.

[3 markah]

# SAMPEL JSU
# JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)
# MATA PELAJARAN: PRINSIP PERAKAUNAN

| TAJUK / KONSTRUK | | | BAHAGIAN A | | | | | | | | | ARAS SOALAN | JUMLAH | JUMLAH MARKAH | BAHAGIAN B | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | PENGETAHUAN | | | | | | | | | | | | KEMAHIRAN | | | | |
| | | | P01 | P02 | P03 | P04 | P05 | P06 | P07 | P08 | P09 | | | | C01 | A01 | N01 | V01 | T01 |
| **1** | **Pengenalan Kepada Perakaunan** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 1.1 | Perakaunan, sub bidang perakaunan, kerjaya dan badan profesional | / | / | | / | / | / | | / | | | | | / | | | | |
| | 1.2 | Sejarah perakaunan dan perkembangannya | / | | | / | | | | | | | | | / | | | | |
| | 1.3 | Penyata Kewangan | / | / | | | | / | | | | | | | / | | / | | |
| | 1.4 | Andaian, Prinsip dan Batasan dalam perakaunan | | / | | | | | | / | | | | | / | | / | | |
| | 1.5 | Entiti perniagaan | | | | | | / | | | | | | | / | | / | | |
| **2** | **Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 2.1 | Komponen Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan | | | | | | / | | | | | | | | | | | |
| | 2.2 | Item setiap komponen Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan | / | | | | / | / | | | | | | | / | | / | | |
| | 2.3 | Persamaan Perakaunan | | / | | | | | | | | | | | | / | / | | |
| | 2.4 | Catatan Kontra dan Carta Akaun | / | / | | | | / | | | | | | | / | / | / | / | |

| TAJUK / KONSTRUK | | BAHAGIAN A PENGETAHUAN | | | | | | | | | ARAS SOALAN | JUMLAH | JUMLAH MARKAH | BAHAGIAN B KEMAHIRAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | P01 | P02 | P03 | P04 | P05 | P06 | P07 | P08 | P09 | | | | C01 | A01 | N01 | V01 | T01 |
| **3** | **Dokumen Perniagaan sebagai Sumber Maklumat** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 3.1 Dokumen Perniagaan | / | / | | / | / | | | | | | | | | | | | |
| | 3.2 Dokumen Sumber | | / | / | | | | | | | | | | | / | / | | |
| | 3.3 Dokumen Bukan Sumber | / | / | | | | | | | | | | | | | | | |
| **4** | **Buku Catatan Pertama** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 4.1 Buku Catatan Pertama | / | / | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 4.2 Jurnal Am | | / | | | | | | | | | | | | / | / | | |
| | 4.3 Jurnal Khas | | / | | | | | | / | | | | | | | | | |
| | 4.4 Buku Tunai | | / | | | | | | | | | | | | / | / | | |
| | 4.5 Buku Tunai Runcit | | / | | | | | | | | | | | | / | | | |
| **5** | **Lejar** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 5.1 Lejar | | / | | | / | | | | | | | | | | | | |
| | 5.2 Sistem Catatan Bergu | / | / | | | / | | | | | | | | / | / | / | | |
| | 5.3 Akaun Kawalan | / | / | | | | | | | | | | | / | / | / | | |
| **6** | **Imbangan Duga** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 6.1 Imbangan Duga | / | / | | | / | | | / | | | | | | | | | |
| | 6.2 Hubungan antara Imbangan Duga, Inventori Akhir dan Penyata Kewangan | / | / | | | | | | / | | | | | | | | | / |

| TAJUK / KONSTRUK | | | BAHAGIAN A PENGETAHUAN | | | | | | | | | ARAS SOALAN | JUMLAH | JUMLAH MARKAH | BAHAGIAN B KEMAHIRAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | P01 | P02 | P03 | P04 | P05 | P06 | P07 | P08 | P09 | | | | C01 | A01 | N01 | V01 | T01 |
| **7** | **Penyata Kewangan Milikan Tunggal Tanpa Pelarasan** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 7.1 | Akaun Perdagangan dan Untung Rugi (bentuk "T" dan format penyata) | | / | | / | / | | / | / | | | | | | / | | | |
| | 7.2 | Penyata Kedudukan Kewangan | | / | | / | / | | / | / | | | | | | / | | | |
| | 7.3 | Penutupan akaun hasil, akaun belanja dan akaun inventori pada akhir tempoh kewangan | | / | | / | | | / | / | | | | | / | / | | | |
| **8** | **Pelarasan pada Tarikh Imbangan dan Penyediaan Penyata Kewangan Milikan Tunggal** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 8.1 | Perakaunan asas tunai dan asas akruan serta jenis-jenis pelarasan | / | / | / | | | | | | | | | | | | | | |
| | 8.2 | Pelarasan akaun nominal | / | / | / | | / | | | | | | | | / | / | / | / | |
| | 8.3 | Hutang Lapuk, Hutang Lapuk Terpulih dan Peruntukan Hutang Ragu | / | / | / | | / | | | | | | | | / | / | / | / | |
| | 8.4 | Susut Nilai dan Susut Nilai Terkumpul | / | / | / | | | | | | | | | | / | / | | / | |
| | 8.5 | Pelupusan Aset Bukan Semasa secara tunai | / | / | / | | | | | | | | | | / | / | / | / | |
| | 8.6 | Imbangan Duga Terselaras | / | / | | | | | | | | | | | | / | | | |
| | 8.7 | Penyata Kewangan dengan pelarasan | | | | | | / | | | / | | | | | / | / | | / |

| TAJUK / KONSTRUK | | | BAHAGIAN A | | | | | | | | | ARAS SOALAN | JUMLAH | JUMLAH MARKAH | BAHAGIAN B | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | PENGETAHUAN | | | | | | | | | | | | KEMAHIRAN | | | | |
| | | | P01 | P02 | P03 | P04 | P05 | P06 | P07 | P08 | P09 | | | | C01 | A01 | N01 | V01 | T01 |
| 9 | **Pembetulan Kesilapan** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 9.1 | Pembetulan Kesilapan | / | / | | | | | | | | | | | / | / | / | | |
| | 9.2 | Penyata Kewangan selepas pembetulan kesilapan | | | | | | | | | | | | | | / | / | | |
| 10 | **Analisis dan Tafsiran Penyata Kewangan untuk Membuat Keputusan** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 10.1 | Analisis Penyata Kewangan dan Perbandingan Prestasi | | / | | | | | | / | | | | | / | / | / | | |
| 11 | **Rekod Tak Lengkap** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 11.1 | Pengenalan Rekod Tak Lengkap | / | / | | | | | | | | | | | / | | | | |
| | 11.2 | Kaedah Perbandingan | | / | | | / | | | / | | | | | / | / | / | | |
| | 11.3 | Kaedah Analisis | | / | | | / | | | | | | | | / | / | / | | |
| 12 | **Perakaunan untuk Kawalan Dalaman** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 12.1 | Kawalan Tunai | | / | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 12.2 | Penyata Penyesuaian Bank | | / | | | | | | | / | | | | | / | | | |
| | 12.3 | Belanjawan Tunai | / | / | | | / | | | | | | | | | / | | | |
| 13 | **Perakaunan untuk Perkongsian** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 13.1 | Perniagaan Perkongsian | / | / | | | | / | | | | | | | | | | | |
| | 13.2 | Akaun Pengasingan Untung Rugi | | / | | | | | | | | | | | | / | / | | |
| | 13.3 | Ekuti Pemilik dan Penyata Kewangan Perkongsian | | | | | | | | / | | | | | | / | / | | |
| | 13.4 | Pembubaran Perkongsian | | | | / | | | | | | | | | | / | / | | |

| TAJUK / KONSTRUK | | BAHAGIAN A | | | | | | | | | ARAS SOALAN | JUMLAH | JUMLAH MARKAH | BAHAGIAN B | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PENGETAHUAN | | | | | | | | | | | | KEMAHIRAN | | | | |
| | | P01 | P02 | P03 | P04 | P05 | P06 | P07 | P08 | P09 | | | | C01 | A01 | N01 | V01 | T01 |
| **14** | **Perakaunan untuk Syarikat Berhad Menurut Syer** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 14.1 | Pengenalan kepada Syarikat Berhad Menurut Syer | | / | | / | / | / | | | | | | | | | / | | |
| 14.2 | Jenis modal dan terbitan syer | | | | | | / | | | | | | | | / | | | |
| 14.3 | Ekuiti Pemilik Syarikat Berhad Menurut Syer | | | | | | | | / | | | | | | / | | | |
| 14.4 | Dividen tunai | / | / | | | | | | | | | | | | / | | | |
| **15** | **Perakaunan untuk Kelab dan Persatuan** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 15.1 | Kelab dan Persatuan | / | / | | | | / | | / | | | | | | | | | |
| 15.2 | Akaun Penerimaan dan Pembayaran | | / | | | | | | / | | | | | | / | / | | |
| 15.3 | Akaun Yuran Ahli | / | | | | | | | | | | | | | / | / | | |
| 15.4 | Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan | / | / | | | / | | | | | | | | | / | / | | |
| 15.5 | Penyata Kedudukan Kewangan Kelab dan Persatuan | / | / | | | | | | / | | | | | | / | / | | |
| **16** | **Perakaunan Kos** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 16.1 | Jenis kos dan Kerja Dalam Proses | / | | | | / | | | / | | | | | | / | / | | |
| 16.2 | Akaun Pengeluaran | | / | | | / | | | | | | | | | / | / | | |
| 16.3 | Analisis Titik Pulang Modal | / | | | | / | | | | | | | | | / | / | | |

# FORMAT PENTAKSIRAN PEPERIKSAAN PRINSIP PERAKAUNAN (3756)

| Bil. | Perkara | Kertas 1 (3756/1) | Kertas 2 (3756/2) | Kertas 3 (3756/3) |
|---|---|---|---|---|
| **1** | Jenis Instrumen | Ujian Objektif | Ujian Subjektif | Projek |
| **2** | Jenis Item | Aneka Pilihan | Respons Terhad dan Struktur | Tugasan perakaunan |
| **3** | Bilangan Soalan | 40 soalan<br>(Wajib) | **Bahagian A**<br>3 soalan (Wajib)<br>(60 markah)<br>**Bahagian B**<br>3 soalan (Pilih 2) (40 markah) | Satu tugasan |
| **4** | Jumlah Markah | 40 | 100 | 100 |
| **5** | Tempoh Ujian | 1 jam 15 minit | 2 jam 30 minit | Tingkatan 5 :<br>Mac - Mei |
| **6** | Wajaran | 20% | 60% | 20% |
| **7** | Konstruk | Mengingat dan memahami<br><br>Kemahiran mengaplikasi | Mengingat dan memahami<br><br>Kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta | Kemahiran ICT, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta, menyelesaikan masalah, membuat keputusan<br><br>Nilai |
| **8** | Cakupan Konteks | Bidang pembelajaran Tingkatan 4 dan 5 | | |
| **9** | Aras Kesukaran | **R : S : T**<br>5 : 3 : 2 | | |
| **10** | Kaedah Penskoran | Dikotomus | Analitik | Rubrik penskoran |
| **11** | Alatan Tambahan | Kalkulator saintifik | Kalkulator saintifik | Kalkulator saintifik dan Peralatan ICT |

# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

## PRINSIP PERAKAUNAN

## 3756/1

## Aras Rendah

**Kertas 1**

**1 1/4 jam**

**Satu jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.
4. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

1. Siapakah yang memperkenalkan sistem catatan bergu?
A Adam Smith
B Luca Pacioli
C Isaac Newton
D Galileo Galilei

2. Maklumat diperoleh daripada Perniagaan Wawasan Trading.

- Memulakan perniagaan pada 1 Mac 20X1.
- Tempoh perakaunan berakhir setiap dua belas bulan.

Tempoh perakaunan Perniagaan Wawasan Trading ialah…
A 1 Mac 20X1 hingga 1 Mac 20X2
B 1 Mac 20X1 hingga 31 Mac 20X2
C 1 Mac 20X1 hingga 1 Februari 20X2
D 1 Mac 20X1 hingga 28 Februari 20X2

3. Butiran manakah yang merupakan belanja operasi perniagaan?
A Gaji
B Insurans peribadi
C Faedah simpanan tetap
D Rugi atas jualan aset bukan semasa

4. Apakah pengelasan bagi gadai janji?
A Aset
B Hasil
C Liabiliti
D Belanja

5. Catatan kontra akan mengurangkan nilai akaun induknya.
Apakah akaun kontra bagi aset bukan semasa?
A Ambilan
B Pulangan Keluar
C Susut Nilai Terkumpul
D Peruntukan Hutang Ragu

6. Apakah dokumen yang terlibat dalam urus niaga berikut?

Membeli alatan pejabat secara kredit

A Cek
B Invois
C Bil tunai
D Resit rasmi

7. Mengapakah penyata akaun dikeluarkan oleh pembekal kepada pembeli?
A Untuk menunjukkan baki tunai di bank
B Untuk direkodkan ke dalam buku catatan pertama
C Untuk memberi ringkasan urus niaga kepada pembeli
D Untuk menggalakkan pembeli membuat pembelian secara kredit

8. Urus niaga manakah yang direkodkan dalam Jurnal Am?
I Ambilan tunai
II Ambilan barang niaga
III Belian barang niaga secara kredit
IV Jualan aset bukan semasa secara kredit

A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV

9. Petikan Buku Tunai berikut diperoleh daripada Kedai Buku Ceria.

**Debit** **Buku Tunai (petikan)**

| **Tarikh** | **Butir** | **Tunai** | **Bank** | **Tarikh** |
|---|---|---|---|---|
| 2021 | | RM | RM | |
| Ogos 1 | Baki b/b | 2 200 | 5 400 | |
| 2 | X | | 1 500 | |

Apakah X?
A Gaji
B Belian
C Jualan
D Pembekal

10. Buku Tunai Runcit berikut diperoleh daripada Aisya Enterprise.

Buku Tunai Runcit

| **Tarikh** | **Butir** | **Fol** | **Penerimaan** | **Pembayaran** | **Analisis Bayaran** | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | **Belanja Pos** | **Belanja Pejabat** |
| 2021 | | | RM | RM | RM | RM |
| Jun 1 | Baki b/b | | 45 | | | |
| 1 | Bank | | 155 | | | |
| 10 | Bunga pejabat | | | 55 | | 55 |
| 20 | Setem | | | 25 | 25 | |
| 24 | Pos berdaftar | | | 18 | 18 | |
| 26 | Minuman pelanggan | | | 30 | | 30 |
| | | | 200 | 128 | 43 | 85 |
| 30 | Baki h/b | | | ? | | |
| | | | 200 | 200 | | |

Berapakah baki akhir Buku Tunai Runcit Aisya Enterprise?
A RM 45
B RM 72
C RM 128
D RM 200

11. Petikan Buku Tunai berikut diambil daripada sebuah perniagaan.

**Debit** **Buku Tunai (petikan)**

| **Tarikh** | **Butir** | **Tunai** | **Bank** | **Tarikh** |
|---|---|---|---|---|
| 2021 | | RM | RM | |
| Jun 1 | Maya Enterprise | | 780 | |

Bagaimana catatan pengeposan dalam lejar?

A

Maya Enterprise

| Tarikh | Butir | Jumlah | Tarikh | Butir | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| 2021 | | RM | | | |
| Jun 1 | Bank | 780 | | | |

B

Maya Enterprise

| Tarikh | Butir | Jumlah | Tarikh | Butir | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | 2021 | | RM |
| | | | Jun 1 | Bank | 780 |

C

Maya Enterprise

| Tarikh | Butir | Jumlah | Tarikh | Butir | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| 2021 | | RM | | | |
| Jun 1 | Tunai | 780 | | | |

D

Maya Enterprise

| Tarikh | Butir | Jumlah | Tarikh | Butir | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | 2021 | | RM |
| | | | Jun 1 | Tunai | 780 |

12. Akaun Kawalan Belum Bayar berikut diambil daripada buku perniagaan Helmi Enterprise.

Akaun Kawalan Belum Bayar

| Tarikh | Butir | Jumlah | Tarikh | Butir | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| 2021 | | RM | 2021 | | RM |
| Mac 31 | Diskaun diterima | 370 | Mac 1 | Baki b/b | 7 100 |
| | Pulangan Belian | 600 | | | |
| | X | 5 000 | | | |

Apakah X?

A Bank
B Cek tak layan
C Angkutan masuk
D Faedah dikenakan oleh pembekal

13. Akaun manakah direkodkan di sebelah debit Imbangan Duga?

I Modal dan overdraf bank
II Ambilan dan susut nilai alatan
III Pinjaman bank dan kadar bayaran
IV Hutang lapuk dan angkutan masuk

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

14. Antara berikut, yang manakah perlu disediakan untuk mengetahui kedudukan aset dan liabiliti perniagaan?

A Akaun Modal
B Akaun Untung Rugi
C Akaun Perdagangan
D Penyata Kedudukan Kewangan

15. Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Fateemah pada 31 Julai 2021.

| | RM |
|---|---|
| Inventori awal | 5 300 |
| Inventori akhir | 2 300 |
| Belian | 14 540 |
| Pulangan masuk | 280 |
| Duti belian | 150 |
| Angkutan keluar | 354 |

Berapakah kos jualan?
A RM 17 000
B RM 17 410
C RM 17 690
D RM 18 044

16. Jumlah sewa dibayar di Imbangan Duga ialah sebanyak RM 4 200. Sewa tahunan adalah RM 1 600. Berapakah nilai yang akan ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan?
A Sewa prabayar RM 2 600
B Sewa prabayar RM 4 200
C Sewa belum bayar RM 1 600
D Sewa belum bayar RM 2 600

17. Al-Bukhari Trading membeli sebuah lori bernilai RM 80 000. Penggunaan lori dijangka selama 10 tahun. Pada akhir tempoh penggunaan, nilai skrap lori dianggarkan RM 9 800.
Berapakah susut nilai tahunan lori tersebut?
A RM 1 700
B RM 6 300
C RM 7 020
D RM 8 000

18. Apakah yang dimaksudkan dengan hutang lapuk terpulih?
A Hutang yang telah dihapuskan
B Hutang yang tidak dapat dikutip
C Anggaran hutang yang tidak dapat dikutip
D Hutang yang telah dikutip semula setelah dihapuskan

19. Maklumat di bawah ini diperoleh daripada buku Kedai Haziq pada 31 Mei 2021.

| | RM |
|---|---|
| Mesin (kos) | 40 000 |
| Susut nilai terkumpul mesin | 8 000 |

Jika mesin tersebut dijual pada harga RM 31 600 pada 31 Mei 2021, berapakah untung atau rugi mesin tersebut?
A Rugi pelupusan RM 400
B Rugi pelupusan RM 600
C Untung pelupusan RM 400
D Untung pelupusan RM 600

20. Apakah maksud Sewa Belum Terperoleh?
A Sewa yang belum diterima pada tempoh perakaunan semasa
B Sewa yang belum dijelaskan dalam tempoh perakaunan semasa
C Sewa yang terlebih bayar awal untuk tempoh perakaunan akan datang
D Sewa yang diterima terlebih awal untuk tempoh perakaunan akan datang

21. Berikut ialah memo Kim Enterprise.

**MEMO**

Kim Enterprise
Lot 10, No. 23-G, Jalan Song
93350 Kuching, Sarawak

Kepada: Kerani Akaun Tarikh:14/7/2021

Pemilik telah mengeluarkan wang untuk kegunaan sendiri sebanyak RM305.

***Kim***
Pengurus

Kerani akaun telah merekod ambilan RM 350 dalam Buku Tunai.
Apakah jenis kesilapan yang berlaku?

A Kesilapan Amaun
B Kesilapan Komisen
C Kesilapan Songsang
D Kesilapan Ketinggalan

22. Pernyataan manakah yang menerangkan maksud kadar pusing ganti inventori?

A Penjualan inventori dan perbelanjaan perniagaan
B Berapa kali inventori dinilai dalam satu tempoh perakaunan
C Berapa kali inventori digantikan dalam satu tempoh perakaunan
D Pusing ganti inventori yang tinggi dapat mengurangkan kos penyimpanan

23. Rajah berikut digunakan untuk mengukur kecairan sesuatu perniagaan.




Apakah P dan Q?

| | P | Q |
|---|---|---|
| A | Aset | Liabiliti |
| B | Aset Semasa | Liabiliti Semasa |
| C | Aset Semasa | Aset Bukan Semasa |
| D | Aset Bukan Semasa | Liabiliti Bukan Semasa |

24. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Zita.

| | RM |
|---|---|
| Jualan tunai | 2 090 |
| Jualan kredit | 8 560 |

Berapakah nilai jualan yang akan dipindahkan ke Akaun Perdagangan?

A RM 2 090
B RM 6 470
C RM 8 560
D RM 10 650

25. Banjir besar di Batu 7, Bandar Kuching telah menyebabkan sebahagian rekod perakaunan Perniagaan Butik Ellen musnah.
Apakah kaedah yang digunakan dalam penentuan pendapatan bagi Perniagaan Butik Ellen?
A Kaedah Garis Lurus
B Kaedah Perbandingan
C Kaedah Penilaian Semula
D Kaedah Baki Berkurangan

26. Mengapakah tugas pengendalian tunai perlu diasingkan daripada tugas merekod urus niaga tunai?
A Memastikan perniagaan mendapat keuntungan maksimum
B Menjimatkan masa merekod ke dalam buku-buku perakaunan
C Memudahkan kerja merekod ke dalam buku-buku perakaunan
D Mengelakkan daripada berlakunya penyalahgunaan wang tunai

27. Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Excellent Sendirian Berhad.

| | RM |
|---|---|
| Baki Buku Tunai (Overdraf) | 16 800 |
| Cek belum dikemukakan | 2 240 |
| Deposit belum dikreditkan | 980 |

Berapakah baki akhir Penyata Bank?
A RM 15 540
B RM (15 540)
C RM 18 060
D RM (18 060)

28. Butiran manakah yang diambil kira dalam penyediaan belanjawan tunai?
I Pinjaman Bank
II Komisen Diterima
III Peruntukan Hutang Ragu
IV Susut Nilai Alatan Pejabat

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

29. Maklumat berikut diperoleh daripada Perkongsian Double Y yang dimiliki oleh Yasni dan Yvonne.

| | RM |
|---|---|
| Untung bersih | 18 800 |
| Faedah atas modal | 1 600 |
| Faedah atas ambilan | 2 400 |
| Untung dibahagi sama rata | |

Berapakah kongsi untung bagi setiap pekongsi?
A RM 9 000
B RM 9 400
C RM 9 800
D RM 11 400

30. Apakah dokumen yang perlu dirujuk oleh pekongsi sekiranya tiada sebarang perjanjian dibuat?
A Ikatan Perkongsian
B Perjanjian Perkongsian
C Akta Perkongsian 1961
D Akta Pendaftaran Perniagaan 1956

31. Berikut merupakan langkah-langkah yang perlu dilakukan ketika membubarkan perkongsian.

Menutup semua Akaun Aset kecuali Akaun **X**
(Aset perlu dijual atau diambil alih oleh pekongsi)

↓

Menjelaskan semua liabiliti perniagaan

↓

Perkongsian membayar kepada pekongsi atau pekongsi membayar kepada perkongsian mengikut baki dalam Akaun Modal dan Akaun Semasa

↓

Membatalkan nama perkongsian di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

Nyatakan Akaun **X** yang dimaksudkan di atas.
A Akaun Realisasi
B Akaun Bank / Tunai
C Akaun Belum Bayar
D Akaun Belum Terima

32. Manakah antara yang berikut tidak menunjukkan perbezaan sebenar antara Syarikat Sendirian Berhad dan Syarikat Awam Berhad?

| | **Syarikat Persendirian** | **Ciri-ciri** | **Syarikat Awam Berhad** |
|---|---|---|---|
| A | Minimum seorang | Bilangan Pengarah | Minimum 2 orang |
| B | Minimum seorang dan maksimum 20 orang | Bilangan Ahli | Minimum seorang dan maksimum 50 orang |
| C | Syer tidak boleh disenaraikan atau di urus niaga di Bursa Malaysia | Status Syer | Syer boleh disenaraikan dan diniagakan secara bebas di Bursa Malaysia |
| D | Syer tidak boleh dipindah milik tanpa persetujuan daripada pemegang syer yang lain | Pindah Milik Syer | Syer bebas dipindah milik dan mudah dijual beli melalui broker syer di bursa saham. |

33. Yang manakah antara yang berikut merupakan Syarikat Sendirian Berhad?
A Maju Jaya Enterprise
B Syarikat Sime Darby Berhad
C Syarikat Warisan Maju Sdn Bhd
D Syarikat ROMAN dan rakan-rakan

34. Kenalpasti manakah antara yang berikut merupakan langkah-langkah penubuhan syarikat mengikut susunan yang betul.
A Membuat carian nama dan permohonan nama – Menyerah simpan permohonan pemerbadanan syarikat – Membayar fi pendaftaran – Menerima Notis Pemerbadanan
B Menyerah simpan permohonan pemerbadanan syarikat – Membayar fi pendaftaran – Menerima Notis Pemerbadanan – Membuat carian nama dan permohonan nama
C Membayar fi pendaftaran – Menerima Notis Pemerbadanan – Membuat carian nama dan permohonan nama – Menyerah simpan permohonan pemerbadanan syarikat
D Menerima Notis Pemerbadanan – Membuat carian nama dan permohonan nama – Menyerah simpan permohonan pemerbadanan syarikat – Membayar fi pendaftaran

35. Kenalpasti di antara yang berikut, manakah merupakan sumber utama kewangan bagi Kelab dan Persatuan.
A Yuran Ahli
B Faedah atas pelaburan
C Sewa diterima kerana penyewaan kemudahan kelab
D Keuntungan perniagaan yang dikendalikan oleh kelab dan Persatuan

36. Tentukan kategori pendapatan atau perbelanjaan bagi perkara-perkara berikut bagi Kelab dan Persatuan.

- Derma Khas
- Peruntukan Khas Kerajaan

A Pendapatan Hasil
B Perbelanjaan Hasil
C Pendapatan Modal
D Perbelanjaan Modal

37. Maklumat berikut diperoleh daripada Akaun Penerimaan dan Pembayaran Kelab Badminton SMK Kuala Lipis pada 31 Disember 2021.

| | RM |
|---|---|
| Yuran Ahli | 7 000 |
| Kadar Bayaran | 1 500 |
| Gaji | 1 200 |
| Bayaran masuk | 500 |

Hitung baki akhir tahun Akaun Penerimaan dan Pembayaran.
A RM 3 800
B RM 4 800
C RM 6 200
D RM 6 800

38. Rumus berkaitan dengan pengiraan kos pengeluaran adalah seperti berikut

Kos Bahan langsung + Kos Buruh Langsung + **X** + Kos Overhed + Kerja Dalam Proses Awal + Kerja Dalam Proses Akhir

Apakah **X**?
A Kos Tetap
B Kos Prima
C Kos Berubah
D Belanja langsung

39. Item manakah yang diambil kira dalam menghitung Kos Overhed?
I Insurans Kilang
II Susut nilai mesin
III Gaji operator kilang
IV Kadar Bayaran Pejabat

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

40. Maklumat berikut berkaitan dengan produk yang baru dikeluarkan oleh Syarikat An-Nur Kosmetik.

| | |
|---|---|
| Kos Tetap | RM 20 000 |
| Kos Berubah Seunit | RM 15 |
| Harga Jualan Seunit | RM 25 |

Hitung Margin caruman seunit produk tersebut.

A RM 10
B RM 15
C RM 25
D RM 40

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

## PRINSIP PERAKAUNAN

## 3756/2

## Aras Rendah

**Kertas 2**

**2 1/2 jam**

**Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B.**
3. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
4. **Tunjukkan kerja mengira.** Ini membantu anda mendapatkan markah.
5. Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

## Bahagian A

[60 markah]

*Jawab* **semua** *soalan.*

1. (a) Nyatakan akaun yang terlibat berdasarkan urus niaga di bawah ini.

| Urus niaga | Akaun Didebitkan | Akaun Dikreditkan |
|---|---|---|
| Ambil barang niaga untuk didermakan kepada pusat kebajikan Sarawak. | | |

[2 markah ]

(b) Nyatakan dokumen sumber yang sesuai bagi urus niaga yang berikut.

| | Urus niaga | Dokumen |
|---|---|---|
| i. | Pengurus Kedai Perabot Abu telah mengambil satu set sofa dari inventori bernilai RM 3 000 untuk kegunaan pejabat. | |
| ii. | Pemilik menghantar dokumen kepada pelanggannya untuk mengenakan bayaran tambahan bagi pengangkutan. | |

[2 markah]

(c) Namakan konsep dan prinsip perakaunan yang berkaitan bagi pernyataan yang berikut.

| | Pernyataan | Prinsip |
|---|---|---|
| i. | Kadar susut nilai bagi kenderaan pada tahun 2016 ialah 10% setahun mengikut baki berkurangan. Kadar ini masih digunakan pada tahun 2021. | |
| ii. | Aset bukan semasa Syarikat Bermuda direkodkan pada harga kos dan bukan pada harga pasaran. | |
| iii. | Merekod pembelian 5 unit meja pejabat secara tunai daripada Shinestar Supplier dengan harga RM 20 seunit. | |

[3 markah]

(d) Maklumat di bawah ini diperoleh daripada Perniagaan Superstar.

| | RM |
|---|---|
| Inventori pada 1 Julai 2020 | 4 600 |
| Inventori pada 30 Jun 2021 | 5 200 |
| Jualan | 46 800 |
| Belian | 28 500 |
| Diskaun diterima | 280 |
| Angkutan keluar | 350 |

**Hitungkan:**

(i) Kos jualan [1 markah]

(ii) Untung kasar [1 markah]

(iii) Untung bersih [1 markah]

2. Lee Enterprise merupakan perniagaan kepunyaan Puan Lee seorang peniaga tunggal yang menjalankan perniagaan di Sibu, Sarawak. Imbangan Duga berikut diambil daripada buku perniagaan beliau:

**Lee Enterprise**
**Imbangan Duga pada 30 Jun 2021**

| | **Debit** RM | **Kredit** RM |
|---|---|---|
| Inventori awal | 23 000 | |
| Kenderaan (kos) | 38 000 | |
| Jualan | | 231 140 |
| Belian | 113 660 | |
| Alat tulis | 120 | |
| Pulangan belian | | 180 |
| Angkutan keluar | 620 | |
| Kelengkapan (kos) | 5 200 | |
| Akaun Belum Terima | 25 600 | |
| Akaun Belum Bayar | | 15 160 |
| Modal awal | | 73 350 |
| Pulangan jualan | 540 | |
| Insurans | 2 400 | |
| Gaji dan upah | 12 000 | |
| Kadar bayaran | 2 170 | |
| Hutang lapuk terpulih | | 5 000 |
| Belanja membaiki kenderaan | 230 | |
| Komisen jurujual | 5 500 | |
| Tunai | 6 400 | |
| Bank | 19 270 | |
| Pinjaman bank (jangka pendek) | | 2 200 |
| Pinjaman bank (jangka panjang) | | 20 000 |
| Duti atas belian | 380 | |
| Ambilan | 500 | |
| Susut Nilai Terkumpul Kenderaan | | 7 600 |
| Peruntukan Hutang Ragu | | 960 |
| Bangunan | 100 000 | |
| | **355 590** | **355 590** |

**Maklumat tambahan :**

(i) Inventori akhir bernilai RM 12 700.
(ii) Kenderaan dan kelengkapan disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
(iii) Kadar bayaran belum bayar ialah RM 300.
(iv) Insurans prabayar RM 200.
(v) Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 4% atas Akaun Belum Terima.
(vi) Pulangan belian RM 50 terlupa rekod.
(vii) Lee mengambil tunai di kedai sebanyak RM 250 untuk bayar yuran tuisyen anaknya.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

(a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2021.
[13 markah]
(b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2021.
[12 markah]

3 Maklumat berikut menunjukkan kos yang direkodkan dalam buku Kilang Pakaian I-Wear pada 31 Julai 2021:

| | RM |
|---|---|
| Inventori awal bahan langsung | 16 200 |
| Kerja dalam proses awal | 12 400 |
| Belian bahan langsung | 165 700 |
| Belian bahan tak langsung | 1 220 |
| Pulangan belian bahan langsung | 6 850 |
| Belanja alat-alat kecil | 450 |
| Gaji kerani pejabat | 30 000 |
| Gaji operator kilang | 72 000 |
| Gaji penyelia kilang | 18 000 |
| Gaji pengurus kilang | 24 000 |
| Upah tak langsung | 2 100 |
| Royalti kilang | 1 500 |
| Angkutan keluar | 3 000 |
| Angkutan masuk bahan langsung | 2 870 |
| Insurans atas belian bahan langsung | 2 340 |
| Susut nilai mesin | 1 870 |
| Kadar bayaran kilang | 890 |
| Sewa kilang | 2 000 |
| Insurans kilang | 2 400 |
| Promosi | 5 000 |
| Belanja membaiki mesin | 1 640 |
| Belanja am kilang | 1 230 |
| Inventori akhir bahan langsung | 14 330 |
| Kerja dalam proses akhir | 11 940 |

**Sediakan** Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Julai 2021.

[25 markah]

## Bahagian B

[40 markah]

*Jawab mana-mana* **dua** *soalan sahaja.*

4. Pada 1 Januari 2021, Puan Harissa, pemilik Segar Enterprise memulakan perniagaan sebuah nurseri membekalkan anak pokok bunga dan anak pokok buah - buahan di Kuching. Modal perniagaannya terdiri daripada tunai di bank RM 45 000 dan tunai di tangan RM 1 000.

   Sepanjang bulan Januari 2021, urus niaga yang berlaku adalah berdasarkan dokumen - dokumen perniagaan berikut:-

**ASAL**

**BIL TUNAI**

No: C2111

MEKAR ENTERPRISE
No. 97, Jln Sultan Tengah,
Petra Jaya, Kuching.
Tel. No.: 082-444986

Tarikh: 3 Jan 2021

**Kepada:**
Segar Enterprise,
Lot 2678, Jalan Bunga Raya,
Petra Jaya, Kuching.

| Bil | Butir | Kuantiti | Harga Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Anak pokok pelbagai jenis | 1 | 280.00 | 280.00 |
| | | | **JUMLAH** | **280.00** |

Ringgit Malaysia: Dua ratus lapan puluh sahaja
Tunai / ~~No. cek:~~

*Liza*
........................................
Pengurus

Dokumen 1

**ASAL**

# INVOIS

No: A 2310

Ivory Nursery
909, Jalan Matahari, Kuching.
Tel. No.: 082-255668

Tarikh: 5 Jan 2021

**Kepada:**
Segar Enterprise,
Lot 2678, Jalan Bunga Raya,
Petra Jaya, Kuching.

| Bil | Butir | Kuantiti | Harga Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Bunga Kekwa | 500 | 5.00 | 2 500.00 |
| 2. | Bunga Mawar Putih | 200 | 4.00 | 800.00 |
| 3. | Anak Pokok Durian | 100 | 10.00 | 1 000.00 |
| | | | | 4 300.00 |
| | | | *Tolak :* Diskaun Niaga 20% | 860.00 |
| | | | **JUMLAH** | **3 440.00** |

Ringgit Malaysia: Tiga ribu empat ratus empat puluh sahaja

10% 5 hari, 5% 10 hari
K.& K. di K.

*Harissa* — Penerima

*Monisha* — Pengurus

Dokumen 2

**ASAL**

# INVOIS

No: SN 315

Isma Nurseri
549, Jalan Permata, Kuching.
Tel. No.: 082-233111

Tarikh: 9 Jan 2021

**Kepada:**
Segar Enterprise,
Lot 2678, Jalan Bunga Raya,
Petra Jaya, Kuching.

| **Bil** | **Butir** | **Kuantiti** | **Harga Seunit (RM)** | **Jumlah (RM)** |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Bunga Ros Merah Jambu | 500 | 4.00 | 2 000.00 |
| 2. | Bunga Mawar Putih | 500 | 4.00 | 2 000.00 |
| 3. | Bunga Ros Jepun | 500 | 4.00 | 2 000.00 |
| | | | | 6 000.00 |
| | | | *Tolak :* Diskaun Niaga 20% | 1 200.00 |
| | | | **JUMLAH** | **4 800.00** |

Ringgit Malaysia: Empat ribu lapan ratus sahaja

10% 5 hari, 5% 14 hari
K.&K. di K.

*Harissa* — Penerima

*Isma* — Pengurus

Dokumen 3

**MEMO**

No: 811

Segar Enterprise,
Lot 2678, Jalan Bunga Raya,
Petra Jaya, Kuching.

Tarikh: 12 Jan 2021

**Kepada :**
Kerani akaun

Pemilik mengambil anak pokok bernilai RM 500.00 untuk tujuan promosi.

*Harissa*
.....................
(Pengurus)

Dokumen 4

**RESIT RASMI**

Isma Nurseri
549, Jalan Permata, Kuching.

**Asal**
No: A340
Tarikh : 16 Jan 2021

Diterima daripada : *Segar Enterprise*
Sebanyak : *Empat ribu lima ratus enam puluh sahaja*
Untuk bayaran : *Menjelaskan invois SN315 (Diskaun RM240)*

RM4 560.00
~~Tunai~~/No. Cek: 000501

*Isma*
…………………………..
(Pengurus)

Dokumen 5

**SALINAN**

# INVOIS

No: SB001

Segar Enterprise,
Lot 2678, Jalan Bunga Raya,
Petra Jaya, Kuching
Tel. No.: 082-447439

Tarikh: 20 Jan 2021

**Kepada:**
Harum Bunga Sdn. Bhd.
Lot 254, Jalan TAR,
93500 Kuching.

| Bil | Butir | Kuantiti | Harga Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Bunga Ros Jepun | 200 | 5.00 | 1 000.00 |
| 2. | Bunga Mawar Putih | 200 | 7.00 | 1 400.00 |
| 3. | Bunga Kekwa | 200 | 7.00 | 1 400.00 |
| | | | | 3 800.00 |
| | | | *Tolak :* Diskaun Niaga 20% | 760.00 |
| | | | **JUMLAH** | **3 040.00** |

Ringgit Malaysia: Tiga ribu empat puluh sahaja

10% 5 hari, 5% 14 hari
K.&K. di K.

*Aisyah*
...........................
Penerima

*Harissa*
.......................................
Pengurus

Dokumen 6

**SALINAN**

# INVOIS

No: SB002

Segar Enterprise,
Lot 2678, Jalan Bunga Raya,
Petra Jaya, Kuching
Tel. No.: 082-447439

Tarikh: 21 Jan 2021

**Kepada:**
Suria Berhad
48, Jalan Matang,
93050 Kuching.

| Bil | Butir | Kuantiti | Harga Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Bunga Ros Jepun | 150 | 4.00 | 600.00 |
| 2. | Bunga Ros Merah Jambu | 150 | 7.00 | 1 050.00 |
| 3. | Bunga Mawar Putih | 150 | 7.00 | 1 050.00 |
| | | | | 2 700.00 |
| | | | *Tolak :* Diskaun Niaga 20% | 540.00 |
| | | | **JUMLAH** | **2 160.00** |

Ringgit Malaysia: Dua ribu satu ratus enam puluh sahaja

10% 5 hari, 5% 14 hari
K.&K. di K.

Zie ........................... Penerima

Harissa ........................................ Pengurus

Dokumen 7

**SALINAN**

# BIL TUNAI

No: 1001

Segar Enterprise,
Lot 2678, Jalan Bunga Raya,
Petra Jaya, Kuching
Tel. No.: 082-447439

Tarikh: 23 Jan 2021

**Kepada:**
Haslina Ali

| Bil | Butir | Kuantiti | Harga Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Bunga Ros Jepun | 100 | 5.00 | 500.00 |
| | | | **JUMLAH** | **500.00** |

Ringgit Malaysia: Lima ratus sahaja
Tunai / ~~No. cek:~~

Harissa ........................................ Pengurus

Dokumen 8

**ASAL**

# NOTA KREDIT

No: NK3140

Ivory Nursery
909, Jalan Matahari, Kuching.
Tel. No.: 082-255668

Tarikh: 24 Jan 2021

**Kepada:**
Segar Enterprise,
Lot 2678, Jalan Bunga Raya,
Petra Jaya, Kuching.

| Bil | Butir | Kuantiti | Harga Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Anak Pokok Durian | 18 | 10.00 | 180.00 |
| | | | | 180.00 |
| | | | *Tolak :* Diskaun Niaga 20% | 36.00 |
| | | | **JUMLAH** | **144.00** |

Ringgit Malaysia: Seratus empat puluh empat sahaja

*Harissa* — Penerima

*Monisha* — Pengurus

Dokumen 9

**SALINAN**

# NOTA DEBIT

No: ND 0001

Segar Enterprise,
Lot 2678, Jalan Bunga Raya,
Petra Jaya, Kuching.
Tel. No.: 082-447439

Tarikh: 25 Jan 2021

**Kepada:**
Suria Berhad
48, Jalan Matang,
93050 Kuching.

| Bil | Butir | Kuantiti | Harga Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Bunga Ros Jepun (Terkurang caj RM1.00) | 150 | 1.00 | 150.00 |
| | | | | 150.00 |
| | | | *Tolak :* Diskaun Niaga 20% | 30.00 |
| | | | **JUMLAH** | **120.00** |

Ringgit Malaysia: Seratus dua puluh sahaja

*Harissa* — Penerima

*Monisha* — Pengurus

Dokumen 10

**RESIT RASMI** | **Salinan**

Segar Enterprise,
Lot 2678, Jalan Bunga Raya,
Petra Jaya, Kuching
Tel. No.: 082-447439

No: 0001
Tarikh : 29 Jan 2021

Diterima daripada : *Suria Berhad*
Sebanyak : *Seribu sembilan ratus tiga puluh lapan sahaja*
Untuk bayaran : *Menjelaskan semua hutang (tolak diskaun RM102)*

RM 1 938.00
~~Tunai~~ / No. Cek: 356900

*Harissa*
……………………………..
(Pengurus)

Dokumen 11

**ASAL** **BAUCAR BAYARAN** No: 001/1

Segar Enterprise,
Lot 2678, Jalan Bunga Raya,
Petra Jaya, Kuching

Tarikh:30 Jan 2021

**Kepada:**
Pn. Fatimah

| Bil | Keterangan | Jumlah (RM) |
|---|---|---|
| 1. | Gaji Januari 2021 | 1 350.00 |
| | **JUMLAH** | **1 350.00** |

**Ringgit Malaysia:** Seribu tiga ratus lima puluh sahaja.

~~Tunai~~ / No. Cek : 000502

*Fatimah* *Harissa*
........................ ....................
(Penerima) (Pengurus)

Dokumen 12

**Anda dikehendaki menyediakan:**

(a) Jurnal Am (keterangan tidak diperlukan) [4 markah]

(b) Jurnal Belian [3 markah]

(c) Jurnal Jualan [4 markah]

(d) Jurnal Pulangan Belian [2 markah]

(e) Buku Tunai [7 markah]

5. En Rizalmi adalah pemilik Agro Nusery yang beroperasi di Mukah telah menjalankan perniagaannya semenjak tahun 2016. Berikut adalah maklumat yang telah disediakan oleh beliau untuk tujuan penyediaan belanjawan tunai peniagaannya.

(i) Baki pada 30 Jun 2021 adalah seperti berikut :

| | **RM** |
|---|---|
| Tunai di tangan | 954 |
| Tunai di bank | 73 561 |
| Akaun Belum Terima | 15 000 |

(ii) Jualan pada bulan Jun ialah RM 50 000 dan nilai jualan dijangka akan meningkat 4% setiap bulan daripada bulan sebelumnya. 30% daripada jualan setiap bulan merupakan jualan kredit.

(iii) Belian pada bulan Julai RM 30 000 dan dijangka belian setiap bulan akan meningkat 2% daripada bulan sebelumnya. Semua belian adalah secara tunai.

(iv) Polisi kredit bagi Agro Nusery ialah 30 hari.

(v) Sebuah van terpakai milik En Rizalmi berharga RM 20 000 dijangka akan dibawa masuk ke dalam perniagaan pada awal bulan Ogos 2021.

i. Jangkaan penerimaan hasil
   - Komisen diterima pada bulan Julai dijangka RM 1 100 dan akan meningkat 10% pada bulan Ogos dan dijangka terus stabil hingga September.
   - Sewa kenderaan mulai Ogos RM 800 sebulan.

ii. Pelbagai pembayaran:
   - Insurans RM 2 400 setahun dibayar secara bulanan mulai April 2021.
   - Kos pembajaan RM 500 setiap bulan mulai Julai.
   - Promosi akan dibuat pada bulan Ogos dengan kos RM 600
   - Kadar bayaran bulan Julai dan Ogos ialah RM 2 850 dan RM 2 900, seterusnya kekal untuk bulan September.
   - Gaji pekerja kekal RM 6 350 sehingga Ogos. Mulai September naik 2% sebulan.

Sediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi Agro Nusery bagi tiga bulan berakhir 30 September 2021.

[20 markah]

6(a) Maklumat berikut dipetik daripada buku Syarikat Maju Jaya Berhad pada 1 Januari 2021.

| |
|---|
| **Modal pada 1 Januari 2021** |
| 3 000 000 unit 5% Syer Keutamaan RM 6 000 000 |
| 4 000 000 unit Syer Biasa RM 4 000 000 |

Semua syer yang diterbit telah dilanggan dan dibayar penuh oleh pemohon.

Pada 30 Jun 2021, Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan pembayaran Dividen Interim untuk Syer Keutamaan dan 3 sen sesyer untuk Syer Biasa .

Pada akhir tempoh perakaunan 31 Disember 2021, syarikat mengisytiharkan dividen kepada pemegang syer keutamaan dan dividen akhir 6 sen kepada pemegang syer biasa.

**Anda dikehendaki :**

(a) Menghitung :
- (i) Modal diterbitkan dan Berbayar Penuh [2 markah]
- (ii) Jumlah Dividen interim [2 markah]
- (iii) Jumlah Dividen Akhir [2 markah]

(b) Apakah maksud:
- (i) Dividen Interim [1 markah]
- (ii) Dividen Akhir [1 markah]

(c) Menunjukkan bahagian Ekuiti Pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 [2 markah]

6(b) Berikut adalah aset dan liabiliti bagi Encik Mahmood pada 1 Januari 2021 dan 31 Disember 2021.

| | 1 Januari 2021 | 31 Disember 2021 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Tunai di tangan | 2 000 | 5 500 |
| Akaun Belum Terima | 3 750 | 6 560 |
| Akaun Belum Bayar | 2 300 | 1 900 |
| Inventori | 4 200 | 5 500 |
| Alatan pejabat | 3 800 | 5 100 |
| Kenderaan | 60 000 | ? |
| Sewa diterima belum terperoleh | - | 200 |

Sepanjang tahun 2021,

(i) Pemilik Encik Mahmood telah mengeluarkan wang tunai berjumlah RM 2 000 untuk membayar sewa rumah persendiriannya dan mengambil barang - barang bernilai RM 50 sebulan untuk kegunaan peribadi.

(ii) Sebuah perabot lama berharga RM 3 000 telah dibawa masuk ke dalam perniagaan untuk kegunaan di pejabat.

(iii) Encik Mahmood telah membeli sebuah kenderaan terpakai bernilai RM 20 000 untuk kegunaan pekerja pada 1 Ogos 2021.

**Anda dikehendaki :**

(i) Mengira modal pada 1 Januari 2021 [3 markah]

(ii) Mengira modal pada 31 Disember 2021 [4 markah]

(iii) Menyediakan Penyata Mengira Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 [3 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**PERATURAN PERMARKAHAN**

**ARAS RENDAH**

**PRINSIP PERAKAUNAN KERTAS 1**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1 | B | 21 | A |
| 2 | D | 22 | C |
| 3 | A | 23 | B |
| 4 | C | 24 | D |
| 5 | C | 25 | B |
| 6 | B | 26 | D |
| 7 | C | 27 | B |
| 8 | D | 28 | A |
| 9 | C | 29 | C |
| 10 | B | 30 | C |
| 11 | B | 31 | B |
| 12 | A | 32 | B |
| 13 | C | 33 | C |
| 14 | D | 34 | A |
| 15 | C | 35 | A |
| 16 | A | 36 | C |
| 17 | C | 37 | B |
| 18 | D | 38 | D |
| 19 | A | 39 | A |
| 20 | D | 40 | A |

# PERATURAN PERMARKAHAN

# ARAS RENDAH

# PRINSIP PERAKAUNAN KERTAS 2

1(a)

| Akaun Didebitkan | Akaun Dikreditkan |
|---|---|
| Derma | Belian |
| 1 | 1 |

[2 markah]

(b) (i) Memo 1
(ii) Nota debit 1

[2 markah]

(c) (i) Ketekalan 1
(ii) Prinsip Kos 1
(iii) Wang sebagai ukuran 1

[3 markah]

(d)

Akaun perdagangan dan untung rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2021

| | RM | | | RM |
|---|---|---|---|---|
| Inventori awal | 4 600 | | Jualan | 46 800 |
| Tambah: Belian | 28 500 | | | |
| | 33 100 | | | |
| Tolak:Inventori akhir | (5 200) | | | |
| **Kos Jualan** | **27 900** | 1 | | |
| **Untung kasar** | **18 900** | 1 | | |
| | 46 800 | | | 46800 |
| Angkutan keluar | 350 | | Untung kasar | 18 900 |
| **Untung bersih** | **18 830** | 1 | Diskaun diterima | 280 |
| | 19 180 | | | 19 180 |

[3 markah]

2(a)

Lee Enterprise
Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2021

| | RM | | RM | | RM | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Jualan | | | 231 140 | | | |
| Tolak: Pulangan jualan | | | (540) | | | |
| Jualan Bersih | | | | | 230 600 | 1 |
| **Tolak : Kos Jualan** | | | | | | |
| Inventori awal | | | 23 000 | | | |
| Belian | 113 660 | | | | | |
| Tolak : Pulangan belian (180 + 50) | (230) | 1 | | | | |
| Belian Bersih | 113 430 | | | | | |
| Tambah : Duti atas belian | 380 | 1 | | | | |
| Kos Belian | | | 113 810 | | | |
| Kos Barang Untuk Dijual | | | 136 810 | | | |
| Tolak : Inventori akhir | | | (12 700) | 1 | | |
| Kos Jualan | | | | | (124 110) | 1 |
| Untung Kasar | | | | | 106 490 | 1 |
| **Tambah : Hasil** | | | | | | |
| Hutang lapuk terpulih | | | | | 5 000 | 1 |
| | | | | | 111 490 | |
| **Tolak : Belanja** | | | | | | |
| Alat tulis | | | 120 | | | |
| Angkutan keluar | | | 620 | | | |
| Insurans (2 400 - 200) | | | 2 200 | 1 | | |
| Gaji dan upah | | | 12 000 | | | |
| Kadar bayaran (2 170 + 300) | | | 2 470 | 1 | | |
| Belanja membaiki kenderaan | | | 230 | | | |
| Komisen jurujual | | | 5 500 | | | |
| Pertambahan peruntukan hutang ragu | | | 64 | 1 | | |
| Susut nilai kenderaan | | | 3800 | 1 | | |
| Susut nilai kelengkapan | | | 520 | 1 | | |
| | | | | | (27 524) | |
| Untung Bersih | | | | | 83 966 | 1 |

[13 markah]

2(b)

Lee Enterprise
Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2021

| | RM<br>Kos | RM<br>Susut Nilai Terkumpul | RM<br>Nilai Buku | | RM | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Aset Bukan Semasa** | | | | | | |
| Kenderaan | 38 000 | (11 400) | 26 600 | 1 | | |
| Kelengkapan | 5 200 | (520) | 4 680 | 1 | | |
| Bangunan | | | 100 000 | | | |
| | | | | | 131 280 | 1 |
| **Aset Semasa** | | | | | | |
| Akaun Belum Terima | 25 600 | | | | | |
| Tolak: Peruntukan Hutang Ragu | (1 024) 1 | | | | | |
| | | | 24 576 | 1 | | |
| Inventori akhir | | | 12 700 | | | |
| Bank | | | 19 270 | | | |
| Tunai (6 400 - 250) | | | 6 150 | 1 | | |
| Insurans prabayar | | | 200 | 1 | | |
| | | | 62 896 | | | |
| **Tolak: Liabiliti Semasa** | | | | | | |
| Akaun Belum Bayar (15 160 - 50) | | 15 110 1 | | | | |
| Pinjaman bank (jangka pendek) | | 2 200 | | | | |
| Kadar bayaran belum bayar | | 300 1 | | | | |
| | | | (17 610) | | | |
| Modal Kerja | | | | | 45 286 | 1 |
| | | | | | 176 566 | |
| Dibiayai oleh: | | | | | | |
| **Ekuiti Pemilik** | | | | | | |
| Modal awal | | | | | 73 350 | |
| Tambah: Untung Bersih | | | | | 83 966 | |
| | | | | | 157 316 | |
| Tolak: Ambilan (500 + 250) | | | | | (750) | 1 |
| Modal akhir | | | | | 156 566 | 1 |
| **Liabiliti Bukan Semasa** | | | | | | |
| Pinjaman bank (jangka panjang) | | | | | 20 000 | |
| | | | | | 176 566 | |

[12 markah]

3.

**Kilang Pakaian I-Wear**
**Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Julai 2021**

| | RM | | RM | |
|---|---|---|---|---|
| **Kos Bahan Langsung** | | | | |
| Inventori awal bahan langsung | | | 16 200 | 1 |
| Belian bahan langsung | 165 700 | 1 | | |
| Tolak : Pulangan belian bahan langsung | (6 850) | 1 | | |
| | 158 850 | | | |
| Tambah : Angkutan masuk bahan langsung | 2 870 | 1 | | |
| Insurans atas belian bahan langsung | 2 340 | 1 | | |
| | | | 164 060 | |
| | | | 180 260 | |
| Tolak : Inventori akhir bahan langsung | | | (14 330) | 1 |
| Kos Bahan Langsung Digunakan | | | 165 930 | 1 |
| **Kos Buruh Langsung** | | | | |
| Gaji operator kilang | | | 72 000 | 1 |
| **Belanja Langsung** | | | | |
| Royalti kilang | | | 1 500 | 1 |
| **Kos Prima** | | | 239 430 | 1 + w |
| **Kos Overhed** | | | | |
| Bahan tak langsung | 1 220 | 1 | | |
| Belanja alat-alat kecil | 450 | 1 | | |
| Gaji penyelia kilang | 18 000 | 1 | | |
| Gaji pengurus kilang | 24 000 | 1 | | |
| Upah tak langsung | 2 100 | 1 | | |
| Susut nilai mesin | 1 870 | 1 | | |
| Kadar bayaran kilang | 890 | 1 | | |
| Sewa kilang | 2 000 | 1 | | |
| Insurans kilang | 2 400 | 1 | | |
| Belanja membaiki mesin | 1 640 | 1 | | |
| Belanja am kilang | 1 230 | 1 | | |
| | | | 55 800 | 1 |
| | | | 295 230 | |
| Tambah : Kerja dalam proses awal | | | 12 400 | 1 |
| | | | 307 630 | |
| Tolak : Kerja dalam proses akhir | | | (11 940) | 1 |
| **Kos Pengeluaran** | | | 295 690 | 1 + w |

Nota:

[1 + w] = perkataan dan angka mesti tepat

[25 markah]

4(a)

Jurnal Am

| Tarikh | Butir | Folio | Debit | Kredit | |
|---|---|---|---|---|---|
| 2021 | | | RM | RM | |
| Jan 1 | Tunai | | 1 000 | | |
| | Bank | | 45 000 | | 1fa |
| | Modal | | | 46 000 | 1 |
| | (merekod aset dan ekuiti pemilik pada tarikh ini) | | **46 000** | **46 000** | |
| 12 | Promosi | | 500 | | 1 |
| | Belian | | | 500 | 1 |
| | (mengambil barang niaga untuk tujuan promosi) | | | | |

[4 markah]

Jurnal Belian

| Tarikh | Butir | Folio | No. Dokumen | Jumlah | |
|---|---|---|---|---|---|
| 2021 | | | | RM | |
| Jan 5 | Ivory Nursery | | A2310 | 3 440 | 1 |
| 9 | Isma Nurseri | | SN315 | 4 800 | 1 |
| 31 | Akaun Belian (dt) | | | 8 240 | 1 |

[3 markah]

Jurnal Jualan

| Tarikh | Butir | Folio | No. Dokumen | Jumlah | |
|---|---|---|---|---|---|
| 2021 | | | | RM | |
| Jan 20 | Harum Bunga Sdn. Bhd. | | SB0001 | 3 040 | 1 |
| 21 | Suria Berhad | | SB0002 | 2 160 | 1 |
| 25 | Suria Berhad | | ND0001 | 120 | 1 |
| 31 | Akaun Jualan (kt) | | | 5 320 | 1 |

[4 markah]

Jurnal Pulangan Belian

| Tarikh | Butir | Folio | No. Dokumen | Jumlah | |
|---|---|---|---|---|---|
| 2021 | | | | RM | |
| Jan 24 | Ivory Nursery | | NK3140 | 144 | 1 |
| 31 | Akaun Pulangan Belian [kt] | | | 144 | 1 |

[2 markah]

Buku Tunai

| Tarikh | Butir | Disk | | Tunai | | Bank | | Tarikh | Butir | Disk | | Tunai | | Bank | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2021 | | RM | | RM | | RM | | 2021 | | RM | | RM | | RM | |
| Jan 1 | Modal | | | 1 000 | | 45 000 | | Jan 3 | Belian | | | 280 | 1 | | |
| 22 | Jualan | | | 500 | 1 | | | 16 | Isma Nurseri | 240 | 1 | | | 4 560 | 1 |
| 29 | Suria Berhad | 102 | 1 | | | 1 938 | 1 | 30 | Gaji | | | | | 1 350 | 1 |
| | | | | | | | | 31 | Baki h/b | | | 1 220 | | 41 028 | |
| | | | | 1 500 | | 46 938 | | | | | | 1 500 | | 46 938 | |
| Feb 1 | Baki b/b | | | 1 220 | | 41 028 | | | | | | | | | |

[7 markah]

5.

Agro Nusery
Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 September 2021

| **Butir** | **Julai**<br>**RM** | **Ogos**<br>**RM** | **September**<br>**RM** | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Baki awal** | 74 515 | 87 115 **[1of]** | 101 431 **[1of]** | **[rujuk baki Akhir]** | 2 |
| **Penerimaan** | | | | | |
| Jualan | 36 400 **[1m]** | 37 856 **[1m]** | 39 370 **[1m]** | | 3 |
| Akaun Belum Terima | 15 000 **[1m]** | 15 600 **[1m]** | 16 224 **[1m]** | | 3 |
| Komisen diterima | 1 100 | 1 210 | 1 210 | **1fb** | 1 |
| Sewa kenderaan | **-** | 800 | 800 | **1fb** | 1 |
| **Jumlah Penerimaan** | 52 500 | 55 466 | 57 604 | | |
| **Pembayaran** | | | | | |
| Belian | 30 000 | 30 600 **[1m]** | 31 212 **[1m]** | | 2 |
| Insurans | 200 | 200 | 200 | **1fa** | 1 |
| Kos pembajaan | 500 | 500 | 500 | **1fa** | 1 |
| Promosi | **-** | 600 **[1m]** | **-** | | 1 |
| Kadar bayaran | 2 850 | 2 900 | 2 900 **[1m]** | | 1 |
| Gaji pekerja | 6 350 | 6 350 | 6 477 **[1m]** | | 1 |
| **Jumlah pembayaran** | 39 900 | 41 150 | 41 289 | | |
| **Lebihan / (Kurangan)** | 12600 **[1of]** | 14316 **[1of]** | 16315 **[1of]** | | 3 |
| **Baki akhir** | 87 115 | 101 431 | 117 746 | | |

[20 markah]

6(a) (i) Modal diterbitkan = Saham Keutamaan + Saham Biasa
= RM 6 000 000 + RM 4 000 000
= RM 10 000 000

[2 markah]

(ii) Jumlah Dividen Interim
Dividen Interim Saham Keutamaan = RM 6 000 000 x 5% x 6/12
= RM 150 000 **1**

**atau**

Dividen Interim Saham Biasa = 4 000 000 x RM 0.03
= RM 120 000 **1**

**atau**

Jumlah Dividen Interim = RM 150 000 + RM 120 000
= RM 270 000 **2**

[2 markah]

(iii) Jumlah Dividen Akhir
Dividen Akhir Saham Keutamaan = RM 6 000 000 x 5% x 6/12
= RM 150 000 **1**

**atau**

Dividen Akhir Saham Biasa = 4 000 000 x RM 0.60
= RM 240 000 **1**

**atau**

Jumlah Dividen Akhir = RM 150 000 + RM 240 000
= RM 390 000 **2**

[2 markah]

(b) (i) Dividen yang dibayar sebelum keuntungan sebenar diketahui **1**
Pembayaran dibuat sebelum tempoh perakaunan berakhir **1**

[*mana-mana 1 markah]

(ii) Dividen yang diisytiharkan selepas keuntungan sebenar diketahui **1**
Pembayaran dibuat selepas tempoh perakaunan berakhir **1**

[*mana-mana 1 markah]

(c)

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021

| **Ekuiti Pemilik** | **RM** | |
|---|---|---|
| **Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh** | | |
| 3 000 000 unit 5% Syer Keutamaan | 6 000 000 | **1** |
| 4 000 000 unit Syer Biasa | 4 000 000 | **1** |

[2 markah]

6(b) (i)

**Penyata Mengira Modal pada 1 Januari 2021**

| | RM | RM | |
|---|---|---|---|
| **Aset:** | | | |
| Tunai di tangan | 2 000 | | |
| Akaun Belum Terima | 3 750 | | |
| Inventori | 4 200 | | 1fa |
| Alatan Pejabat | 3 800 | | |
| Kenderaan | 60 000 | | |
| | | 73 750 | |
| **Tolak: Liabiliti :** | | | |
| Akaun Belum Bayar | 2 300 | | 1 |
| | | (2 300) | |
| Modal pada 1 Januari 2021 | | 71 450 | 1of |

[3 markah]

(ii)

**Penyata Mengira Modal pada 31 Disember 2021**

| | RM | RM | |
|---|---|---|---|
| **Aset:** | | | |
| Tunai di tangan | 5 500 | | |
| Akaun Belum Terima | 6 560 | | 1fa |
| Inventori | 5 500 | | |
| Alatan Pejabat | 5 100 | | |
| Perabot | 3 000 | | |
| Kenderaan (RM 60 000+ RM 20 000) | 80 000 | | 1 |
| | | 105 660 | |
| **Tolak: Liabiliti :** | | | |
| Akaun Belum Bayar | 1 900 | | 1fb |
| Sewa diterima belum terperoleh | 200 | | |
| | | (2 100) | |
| Modal pada 31 Disember 2021 | | 103 560 | 1of |

[4 markah]

(iii)

**Penyata Mengira Untung Rugi pada 31 Disember 2021**

| | RM | RM | |
|---|---|---|---|
| **Modal akhir** | | 103 560 | |
| **Tambah:** | | | |
| Ambilan (RM 2 000 + RM 50 X 12) | | 2 600 | 1 |
| | | 106 160 | |
| **Tolak :** | | | |
| Modal Awal | 71 450 | | |
| Modal Tambahan | 3 000 | | 1 |
| | | (74 450) | |
| **Untung Bersih** | | 31 710 | 1of |

[3 markah]

**SKEMA PERMARKAHAN TAMAT**

**JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)**

**ARAS RENDAH**

**PRINSIP PERAKAUNAN KERTAS 1**

| **TAJUK / KONSTRUK** | | | **BAHAGIAN A PENGETAHUAN** | | | | | | | | | **ARAS SOALAN** | **JUMLAH** | **JUMLAH MARKAH** | **BAHAGIAN B KEMAHIRAN** | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | **P01** | **P02** | **P03** | **P04** | **P05** | **P06** | **P07** | **P08** | **P09** | | | | **C01** | **A01** | **N01** | **V01** | **T01** |
| **1** | **Pengenalan Kepada Perakaunan** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 1.2 | Sejarah perakaunan dan perkembangannya | | / | | | | | | | | R | 1 | 1 | | | | | |
| | 1.4 | Andaian, Prinsip dan Batasan dalam perakaunan | | / | | | | | | | | R | 1 | 1 | | | | | |
| **2** | **Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 2.2 | Item setiap komponen Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan | | / | | | / | | | | | R | 2 | 2 | | | | | |
| | 2.4 | Catatan Kontra dan Carta Akaun | | / | | | | | | | | R | 1 | 1 | | | | | |
| **3** | **Dokumen Perniagaan sebagai Sumber Maklumat** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 3.2 | Dokumen Sumber | | | | | | / | | | | R | 1 | 1 | | | | | |
| | 3.3 | Dokumen Bukan Sumber | | | | | | | | | / | R | 1 | 1 | | | | | |
| **4** | **Buku Catatan Pertama** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 4.2 | Jurnal Am | | | | | / | | | | | R | 1 | 1 | | | | | |
| | 4.4 | Buku Tunai | | / | | | | | | | | R | 1 | 1 | | | | | |
| | 4.5 | Buku Tunai Runcit | | | | | | | | | | R | 1 | 1 | | / | | | |

| TAJUK / KONSTRUK | | BAHAGIAN A | | | | | | | | | ARAS SOALAN | JUMLAH | JUMLAH MARKAH | BAHAGIAN B | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PENGETAHUAN | | | | | | | | | | | | KEMAHIRAN | | | | |
| | | P01 | P02 | P03 | P04 | P05 | P06 | P07 | P08 | P09 | | | | C01 | A01 | N01 | V01 | T01 |
| 5 | **Lejar** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 5.2 Sistem Catatan Bergu | | | | | | | | | | R | 1 | 1 | | / | | | |
| | 5.3 Akaun Kawalan | | / | | | | | | | | R | 1 | 1 | | | | | |
| 6 | **Imbangan Duga** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 6.1 Imbangan Duga | | | | | / | | | | | R | 1 | 1 | | | | | |
| 7 | **Penyata Kewangan Milikan Tunggal Tanpa Pelarasan** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 7.1 Akaun Perdagangan dan Untung Rugi (bentuk "T" dan format penyata) | | | | | | | | | | R | 1 | 1 | | / | | | |
| | 7.2 Penyata Kedudukan Kewangan | / | | | | | | | | | R | 1 | 1 | | | | | |
| 8 | **Pelarasan pada Tarikh Imbangan dan Penyediaan Penyata Kewangan Milikan Tunggal** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 8.2 Pelarasan akaun nominal | / | | | | | | | / | | R | 2 | 2 | | | | | |
| | 8.3 Hutang Lapuk, Hutang Lapuk Terpulih dan Peruntukan Hutang Ragu | / | | | | | | | | | R | 1 | 1 | | | | | |
| | 8.4 Susut Nilai dan Susut Nilai Terkumpul | | | | | | | | | | R | 1 | 1 | | / | | | |
| | 8.5 Pelupusan Aset Bukan Semasa secara tunai | | | | | | | | / | | R | 1 | 1 | | | | | |

| | TAJUK / KONSTRUK | BAHAGIAN A PENGETAHUAN | | | | | | | | | ARAS SOALAN | JUMLAH | JUMLAH MARKAH | BAHAGIAN B KEMAHIRAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | P01 | P02 | P03 | P04 | P05 | P06 | P07 | P08 | P09 | | | | C01 | A01 | N01 | V01 | T01 |
| **9** | **Pembetulan Kesilapan** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 9.1 Pembetulan Kesilapan | | / | | | | | | | | R | 1 | 1 | | | | | |
| **10** | **Analisis dan Tafsiran Penyata Kewangan untuk Membuat Keputusan** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 10.1 Analisis Penyata Kewangan dan Perbandingan Prestasi | / | | / | | | | | | | R | 2 | 2 | | | | | |
| **11** | **Rekod Tak Lengkap** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 11.2 Kaedah Perbandingan | | / | | | | | | | | R | 1 | 1 | | | | | |
| | 11.3 Kaedah Analisis | | | / | | | | | | | R | 1 | 1 | | | | | |
| **12** | **Perakaunan untuk Kawalan Dalaman** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 12.1 Kawalan Tunai | | | | | | | | | | R | 1 | 1 | / | | | | |
| | 12.2 Penyata Penyesuaian Bank | | | | | | | | | | R | 1 | 1 | | / | | | |
| | 12.3 Belanjawan Tunai | | / | | | | | | | | R | 1 | 1 | | | | | |
| **13** | **Perakaunan untuk Perkongsian** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 13.1 Perniagaan Perkongsian | | / | | | | | | | | R | 1 | 1 | | | | | |
| | 13.2 Akaun Pengasingan Untung Rugi | | | | | | | | | | R | 1 | 1 | | / | | | |
| | 13.4 Pembubaran Perkongsian | | | / | | | | | | | R | 1 | 1 | | | | | |

| TAJUK / KONSTRUK | | BAHAGIAN A PENGETAHUAN | | | | | | | | | ARAS SOALAN | JUMLAH | JUMLAH MARKAH | BAHAGIAN B KEMAHIRAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | P01 | P02 | P03 | P04 | P05 | P06 | P07 | P08 | P09 | | | | C01 | A01 | N01 | V01 | T01 |
| **14** | **Perakaunan untuk Syarikat Berhad Menurut Syer** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 14.1 Pengenalan kepada Syarikat Berhad Menurut Syer | | / | | / | / | | | | | R | 3 | 3 | | | | | |
| **15** | **Perakaunan untuk Kelab dan Persatuan** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 15.1 Kelab dan Persatuan | | | | | | / | | | | R | 1 | 1 | | | | | |
| | 15.2 Akaun Penerimaan dan Pembayaran | | | | | / | | | | | R | 1 | 1 | | | | | |
| | 15.4 Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan | | | | | | | | | | R | 1 | 1 | | / | | | |
| **16** | **Perakaunan Kos** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 16.1 Jenis kos dan Kerja Dalam Proses | | / | / | | | | | | | R | 2 | 2 | | | | | |
| | 16.3 Analisis Titik Pulang Modal | | | | | | | | / | | R | 1 | 1 | | | | | |
| | **JUMLAH** | **4** | **12** | **4** | **1** | **5** | **2** | **0** | **3** | **1** | | **40** | **40** | **1** | **7** | **0** | **0** | **0** |

# JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)

## ARAS RENDAH

## PRINSIP PERAKAUNAN KERTAS 2

| TAJUK / KONSTRUK | | | BAHAGIAN A | | | | | | | | | ARAS SOALAN | JUMLAH | JUMLAH MARKAH | BAHAGIAN B | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | PENGETAHUAN | | | | | | | | | | | | KEMAHIRAN | | | | |
| | | | P01 | P02 | P03 | P04 | P05 | P06 | P07 | P08 | P09 | | | | C01 | A01 | N01 | V01 | T01 |
| **1** | **Pengenalan Kepada Perakaunan** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 1.4 | Andaian, Prinsip dan Batasan dalam perakaunan | | / | | | | | | | | R | 0.25 | 3 | | | | | |
| **3** | **Dokumen Perniagaan sebagai Sumber Maklumat** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 3.2 | Dokumen Sumber | | / | | | | | | | | R | 0.25 | 2 | | | | | |
| **4** | **Buku Catatan Pertama** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 4.2 | Jurnal Am | | | | | | | | | | R | 0.2 | 4 | | / | | | |
| | 4.3 | Jurnal Khas | | | | | | | | | | R | 0.6 | 9 | | / | | | |
| | 4.4 | Buku Tunai | | | | | | | | | | R | 0.2 | 7 | | / | | | |
| **5** | **Lejar** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 5.2 | Sistem Catatan Bergu | | | / | | | | | | | R | 0.25 | 2 | | | | | |
| **7** | **Penyata Kewangan Milikan Tunggal Tanpa Pelarasan** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 7.1 | Akaun Perdagangan dan Untung Rugi (bentuk "T" dan format penyata) | | | | | | | | / | | R | 0.25 | 3 | | | | | |

| TAJUK / KONSTRUK | | BAHAGIAN A | | | | | | | | | ARAS SOALAN | JUMLAH | JUMLAH MARKAH | BAHAGIAN B | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PENGETAHUAN | | | | | | | | | | | | KEMAHIRAN | | | | |
| | | P01 | P02 | P03 | P04 | P05 | P06 | P07 | P08 | P09 | | | | C01 | A01 | N01 | V01 | T01 |
| **8** | **Pelarasan pada Tarikh Imbangan dan Penyediaan Penyata Kewangan Milikan Tunggal** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 8.7 Penyata Kewangan dengan pelarasan | | | | | | | | | | R | 1 | 25 | | / | | | |
| **11** | **Rekod Tak Lengkap** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 11.2 Kaedah Perbandingan | | | | | | | | | | R | 0.5 | 10 | / | / | | | |
| **12** | **Perakaunan untuk Kawalan Dalaman** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 12.3 Belanjawan Tunai | | | | | | | | | | R | 1 | 20 | | / | | | |
| **14** | **Perakaunan untuk Syarikat Berhad Menurut Syer** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 14.2 Jenis modal dan terbitan syer | | | | | | | | / | | R | 0.1 | 2 | | | | | |
| | 14.3 Ekuiti Pemilik Syarikat Berhad Menurut Syer | | | | | | | | | | R | 0.1 | 2 | | / | | | |
| | 14.4 Dividen tunai | | | | | | | | / | | R | 0.3 | 6 | | | | | |
| **16** | **Perakaunan Kos** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 16.2 Akaun Pengeluaran | | | | | | | | | | R | 1 | 25 | | / | | | |
| | | | | | | | | | | | **JUMLAH** | **6** | **120** | | | | | |

# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

## PRINSIP PERAKAUNAN

**3756/1**

**Aras Sederhana**

**Kertas 1**

**1 1/4 jam**

**Satu jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.
4. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

1. Puan Annie memulakan perniagaan Kedai Runcit Annie pada 1 Ogos 2021 dan tempoh perakaunannya berakhir setiap setengah tahun.
Bilakah tempoh perakaunan perniagaan tersebut akan berakhir?
A 1 Januari 2022
B 1 Februari 2022
C 31 Januari 2022
D 28 Februari 2022

2. Perniagaan **Z** mempunyai ciri-ciri yang berikut.

| | |
|---|---|
| **Bilangan pemilik** | Maksimum 50 orang |
| **Keuntungan** | Diagihkan dalam bentuk dividen |

Apakah perniagaan **Z**?
A Pasar Mini Yin Yang
B Syarikat Hans Sdn. Bhd
C Koperasi Berjaya Berhad
D Klinik Arif dan Rakan-rakan

3. Pemilik Perniagaan Sweety telah menggunakan tunai peribadinya untuk membeli barang niaga perniagaan.
Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

| | **Aset** | **Liabiliti** | **Ekuiti Pemilik** |
|---|---|---|---|
| A | Berkurang | Tiada kesan | Berkurang |
| B | Berkurang | Berkurang | Tiada kesan |
| C | Bertambah | Tiada kesan | Bertambah |
| D | Bertambah | Bertambah | Tiada kesan |

4. Pada akhir tempoh perakaunan, Kedai Mini mempunyai baki perniagaan seperti yang diberikan.

| | RM |
|---|---|
| Aset | 21 100 |
| Liabiliti | 6 200 |

Berapakah modal awal jika Kedai Mini mengalami kerugian sebanyak RM 2 200?
A RM 12 700
B RM 17 100
C RM 25 100
D RM 29 500

5. Maklumat yang berikut menunjukkan sebahagian dari sistem kod yang digunakan oleh sebuah perniagaan.

| Kod | Item |
|---|---|
| 1000 - 1999 | Aset |
| 2000 - 2999 | Liabiliti |
| 3000 - 3999 | Belanja |
| 4000 - 4999 | Hasil |

Item manakah yang dilabelkan dengan kod yang betul?

| | Kod | Item |
|---|---|---|
| I | 1201 | Bank |
| II | 2301 | Pinjaman |
| III | 3501 | Sewa diterima |
| IV | 4001 | Akaun belum bayar |

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

6. Kedai Cahaya membekalkan buku nota berharga RM 2 seunit. Diskaun niaga yang ditawarkan ialah 10% bagi belian antara 200 hingga 800 unit dan 20% bagi belian lebih daripada 800 unit.
Berapakah jumlah diskaun niaga jika seorang pelanggan membeli 1 200 unit?
A RM 240
B RM 480
C RM 1 920
D RM 2 160

7. Situasi berikut berlaku dalam Kedai Runcit Anson.

| |
|---|
| Encik Anson telah menghantar e-mel kepada Ting Trading untuk membekalkan 50 paket biskut Julie secara kredit. |

Pilih aliran dokumen yang betul.
A Pesanan belian → Bil tunai → Resit
B Pesanan belian → Nota Serahan → Invois
C Pesanan belian → Nota Serahan → Invois → Bil Tunai
D Pesanan belian → Makluman Debit → Nota Serahan → Invois

8. Apakah Buku Catatan Pertama yang digunakan untuk mencatatkan urusan pembayaran sewa premis dengan menggunakan cek peribadi pemilik?
A Jurnal Am
B Jurnal Belian
C Buku Tunai Runcit
D Jurnal Pembayaran Tunai

9. Dokumen di bawah menunjukkan keratan cek yang direkodkan oleh seorang kerani akaun Beauty Cosmetics Trading.

Tarikh : 15 Julai 2021

Penerima : Beauty Cosmetics Trading

Kerana : Kegunaan pejabat

| | Ringgit | Sen |
|---|---|---|
| **Baki akhir** | 8 000 | 00 |
| **Dimasukkan** | 2 000 | 00 |
| **Jumlah** | 10 000 | 00 |
| **Cek ini** | 1 800 | 00 |
| **Baki** | 8 200 | 00 |

987543

Catatan di Buku Tunai yang perlu dibuat oleh kerani ialah

| | Debit | Kredit |
|---|---|---|
| A | Akaun Tunai | Akaun Bank |
| B | Akaun Ambilan | Akaun Bank |
| C | Akaun Ambilan | Akaun Tunai |
| D | Akaun Bank | Akaun Tunai |

10. Maklumat berikut diambil daripada Buku Tunai Runcit Syarikat Murni bagi bulan Julai 2021.

| | RM |
|---|---|
| Jumlah penerimaan | 250 |
| Jumlah pembayaran | 189 |
| Baki akhir bulan | 61 |

Berapakah jumlah wang yang dibayar balik mengikut Sistem Panjar?

A RM 61
B RM 189
C RM 250
D RM 311

11. Antara berikut, yang manakah direkodkan dalam Lejar Subsidiari Kedai Perabot Soonlee?

I Syarikat Automobil Bhd
II Syarikat Telekom Malaysia
III Syarikat Home Decoration Bhd
IV Syarikat Perabot Dayang Sdn Bhd

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

12. Berikut adalah Akaun Kawalan Belum Terima bagi Kedai Bakti.

Akaun Kawalan Belum Terima

| 2021 | | RM | 2021 | | RM |
|---|---|---|---|---|---|
| Mei 1 | Baki b/b | 2 310 | Mei 31 | **X** | 37 020 |
| 31 | Jualan | 38 510 | | Pulangan Jualan | 1 140 |
| | | | | Baki h/b | 2 660 |
| | | 40 820 | | | 40 820 |

Butiran yang paling sesuai untuk **X** ialah

A Bank
B Kontra
C Hutang lapuk
D Diskaun Diberi

13. Petikan Imbangan Duga berikut diperoleh daripada buku perniagaan Kedai Yusof.

**Imbangan Duga pada 31 Mac 2021**

| | **Debit RM** | **Kredit RM** |
|---|---|---|
| Sewa | 330 | |
| Jualan | | 45 000 |
| Pinjaman | | 10 000 |
| **H** | 23 000 | |
| **J** | | 20 500 |

Apakah **H** dan **J**?

| | **H** | **J** |
|---|---|---|
| A | Belian | Hutang lapuk |
| B | Kenderaan | Pulangan jualan |
| C | Kelengkapan | Modal |
| D | Diskaun diterima | Diskaun diberi |

14. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Happy Enterprise.

| | RM |
|---|---|
| Inventori akhir | 42 480 |
| Akaun belum terima | 34 020 |
| Alatan pejabat | 69 120 |
| Akaun belum bayar | 22 680 |
| Gaji belum bayar | 4 140 |

Berapakah modal kerja?

A RM 49 680
B RM 53 820
C RM 96 120
D RM 118 800

15 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Kenneth pada 31 Julai 2021.

| | RM |
|---|---|
| Untung kasar | 20 400 |
| Hutang lapuk terpulih | 540 |
| Gaji | 1 100 |
| Sewa | 2 700 |
| Angkutan keluar | 800 |

Berapakah nilai untung bersih?

A RM 15 260
B RM 16 340
C RM 16 060
D RM 17 140

16. Rajah berikut menunjukkan akaun gaji sebuah firma.

Akaun Gaji

| 2021 | | RM | 2021 | | RM |
|---|---|---|---|---|---|
| Dis 31 | Bank | 2 600 | Jan 1 | Baki b/b | 400 |
| | Baki h/b | 650 | Dis 31 | Untung Rugi | 2 850 |
| | | 3 250 | | | 3 250 |

Berapakah nilai gaji tahunan firma ini?

A RM 400
B RM 650
C RM 2 600
D RM 2 850

17. Maklumat berikut berkaitan dengan Akaun Belum Terima.

| Akaun belum terima | Jumlah hutang |
|---|---|
| Bryan | RM 850 |
| Benjamin | RM 730 |
| Bernard | RM 490 |

Bryan meminta penangguhan hutang, Benjamin telah meninggal dunia dan Bernard telah ditangkap polis.
Berapakah hutang lapuk yang direkodkan dalam Akaun Untung Rugi?

A RM 730
B RM 850
C RM 1 580
D RM 2 070

18. Sempurna Enterprise membeli sebuah mesin bernilai RM 77 000. Penggunaan kenderaan dijangka selama 10 tahun. Pada akhir tempoh perniagaan, nilai skrap kenderaan dianggarkan sebanyak RM 7 000.
Susut nilai mesin dikira dengan kaedah?

A Kaedah garis lurus
B Kaedah ansuran tetap
C Kaedah penilaian semula
D Kaedah baki berkurangan

19. Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Pelangi pada 31 Disember 2021.

| | RM |
|---|---|
| Alatan pejabat | 12 000 |
| Susut nilai terkumpul Alatan pejabat | 3 600 |

Alatan pejabat tersebut dijual pada harga RM 9 300 pada 31 Disember 2021.
Berapakah untung atau rugi pelupusan alatan pejabat tersebut?

A Rugi pelupusan RM 900
B Rugi pelupusan RM 2 700
C Untung pelupusan RM 900
D Untung pelupusan RM 2 700

20. Pada 31 Julai 2021, inventori akhir Apple Enterprise dinilaikan RM 29 600 pada harga kos dan RM 26 900 pada harga pasaran.
Berapakah inventori yang dicatat dalam Akaun Perdagangan dan Penyata Kedudukan Kewangan pada tarikh tersebut?

| | **Akaun Perdagangan** | **Penyata Kedudukan Kewangan** |
|---|---|---|
| A | RM 26 900 | RM 26 900 |
| B | RM 29 600 | RM 29 600 |
| C | RM 26 900 | RM 29 600 |
| D | RM 29 600 | RM 26 900 |

21. Pernyataan yang berikut menunjukkan kesilapan yang dilakukan oleh kerani sebuah kedai.

| |
|---|
| Ambilan barang niaga terlebih catat RM100 dalam Akaun Ambilan dan Akaun Belian. |

Apakah jenis kesilapan tersebut?

A Kesilapan prinsip
B Kesilapan songsang
C Kesilapan saling mengimbangi
D Kesilapan perekodan di sebelah yang sama

22. Prestasi perniagaan boleh ditentukan oleh Pulangan Atas Modal, dengan membandingkan Pulangan Atas Modal dengan kadar faedah yang perlu dibayar oleh bank. Berikut ialah catatan bagi Ekutiti Pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan yang diperoleh daripada Syam Enterprise.

| **Ekuiti Pemilik** | RM |
|---|---|
| Modal awal | 50 000 |
| (+) Untung bersih | 25 300 |
| | 75 300 |
| (-) Ambilan | (3 000) |
| Modal akhir | 72 300 |

Berapakah nilai Pulangan atas Modal bagi Syam Enterprise?

A 33.6%
B 35.0%
C 50.6%
D 69.2%

23. Petikan berikut diambil daripada Akaun Perdagangan Perniagaan Lucy bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

| | RM |
|---|---|
| Inventori pada 1 Januari 2021 | 3 200 |
| Inventori pada 31 Disember 2021 | 5 500 |
| Jualan | 12 500 |
| Untung kasar | 6 000 |

Berapakah Kadar Pusing Ganti Inventori?
A 1.38 kali
B 1.49 kali
C 2.08 kali
D 2.87 kali

24. Kenalpasti yang manakah perlu disediakan untuk mengetahui kedudukan Aset dan Liabiliti perniagaan?
A Akaun Modal
B Akaun Untung Rugi
C Penyata Kedudukan Kewangan
D Penyata Mengira Untung atau Rugi

25. Berikut merupakan maklumat berkaitan dengan Komisen Belum Terperoleh daripada Syarikat Sofea.

| | RM |
|---|---|
| 1 Januari 2021 | 500 |
| 31 Disember 2021 | 350 |

Hitung Komisen Diterima untuk tahun 2021 jika nilai yang dibankkan sepanjang tempoh tersebut ialah RM 6 500?
A RM 5 650
B RM 6 350
C RM 6 650
D RM 7 350

26. Maklumat berikut diperoleh dairpada Perniagaan Yunus Sendirian Berhad.

| | RM |
|---|---|
| Baki debit Buku Tunai | 7 500 |
| Cek Belum Dikemukakan | 2 600 |
| Deposit Belum Dikreditkan | 5 670 |

Berapakah baki akhir di Penyata Bank?
A RM 4 430 (Dt)
B RM 4 430 (Kt)
C RM 10 570 (Dt)
D RM 10 570 (Kt)

27. Penyata Bank menunjukkan baki debit RM500. Apakah maksud baki debit dalam Penyata Bank?
A Baki akhir Buku Tunai menunjukkan baki sebanyak RM 500
B Baki akhir Penyata Bank menunjukkan baki sebanyak RM 500
C Baki akhir Buku Tunai menunjukkan overdraf sebanyak RM 500
D Baki akhir Penyata Bank menunjukkan overdraf sebanyak RM 500

28. Encik Adib memohon pinjaman daripada Bank MC Berhad sebanyak RM 50 000 dengan kadar faedah 2.0% setahun selama 10 tahun. Kirakan bayaran bulanan yang perlu dijelaskan oleh Encik Adib jika pinjaman diluluskan.
A RM 500
B RM 1 000
C RM 6 000
D RM 10 000

29. Maklumat berikut diperoleh daripada Perkongsian Ayi dan Ayit.

| |
|---|
| Modal Ayi pada 1 Januari 2021 ialah RM 20 000. Pada 1 Jun 2021, Ayi telah membawa masuk modal tambahan sebanyak RM 6 000. Faedah atas modal adalah 4% setahun. Tempoh kewangan berakhir pada 31 Disember setiap tahun. |

Berapakah faedah atas modal Ayi?
A RM 140
B RM 800
C RM 940
D RM 1 040

30. Perkongsian Soraya dan Indah telah memberikan maklumat berikut pada 31 Disember 2021.

| **Indah** | |
|---|---|
| | RM |
| Kongsi untung | 10 200 |
| Ambilan | 2 000 |
| Faedah atas modal | 5 000 |

Hitung baki akaun semasa Indah.
A RM 3 200
B RM 7 200
C RM 13 200
D RM 17 200

31. Maklumat berikut diperolehi daripada Akaun semasa Suraj yang merupakan salah seorang daripada pekongsi Perniagaan Suraj dan Ravi.

| | RM |
|---|---|
| Baki pada 1 Januari 2021 | 2 100 |
| Faedah Atas Modal | 1 500 |
| Ambilan | 700 |
| Faedah Atas Ambilan | 70 |
| Akaun Pengasingan Untung Rugi | **X** |

Berapakah nilai X sekiranya baki Akaun Semasa Suraj pada 31 Disember 2021 sebanyak RM4 020?
A RM 1 120
B RM 1 190
C RM 1 370
D RM 1 850

32. Gambar berikut merujuk kepada situasi di dalam sebuah mesyuarat lembaga pengarah Rasa Enak Sdn. Bhd.




Berdasarkan situasi di atas, berapakah jumlah modal yang diterbitkan oleh Rasa Enak Sdn. Bhd?

A RM 466 000
B RM 500 000
C RM 600 000
D RM 650 000

33. Pada 1 Mac 2020, Syarikat Pak Ali telah memutuskan untuk menerbitkan 2 000 000 unit 6% saham keutamaan pada nilai tara RM 2.00 sesyer kepada orang awam untuk tujuan mendapatkan modal tambahan.
Catatan bergu yang manakah betul untuk merekod terbitan syer tersebut?

**Jurnal Am**

| | **Butiran** | **Debit RM** | **Kredit RM** |
|---|---|---|---|
| A | Permohonan Syer Keutamaan | 240 000 | |
| | Modal Syer Keutamaan | | 240 000 |
| B | Modal Syer Keutamaan | 240 000 | |
| | Permohonan Syer Keutamaan | | 240 000 |
| C | Permohonan Syer Keutamaan | 4 000 000 | |
| | Modal Syer Keutamaan | | 4 000 000 |
| D | Modal Syer Keutamaan | 4 000 000 | |
| | Permohonan Syer Keutamaan | | 4 000 000 |

34. Syarikat Tapapa Berhad telah menerbitkan 500 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer dan 200 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada 1 Februari 2021.
Pada 30 Jun 2021, lembaga pengarah telah memutuskan untuk membayar dividen interim kepada Syer Keutamaan dan 5% Syer Biasa.
Hitungkan jumlah dividen interim yang perlu dibayar kepada pemegang Syer Biasa dan Syer Keutamaan.
A RM 29 000
B RM 30 000
C RM 35 000
D RM 45 000

35. Akaun Penerimaan dan Pembayaran di bawah diperolehi daripada Kelab Futsal Lacoste bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

Kelab Futsal Lacoste
Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

| | RM | | RM |
|---|---|---|---|
| Baki b/b | 24 200 | | |
| **Penerimaan** | | **Pembayaran** | |
| Yuran Ahli | 12 000 | Lengkapan | 3 000 |
| Sewa Loker | 2 000 | Insurans | 1 200 |
| **X** | 15 650 | **Y** | 5 200 |
| | | Alat Tulis | 300 |
| | | Kadar Bayaran | 980 |
| | | Baki h/b | 43 170 |
| | 53 850 | | 53 850 |
| Baki b/b | 43 170 | | |

Apakah yang mungkin mewakili **X** dan **Y?**

| | X | Y |
|---|---|---|
| A | Sewa Gelanggang | Honorarium |
| B | Derma | Yuran Pendaftaran |
| C | Belanja Am | Sewa Gelanggang |
| D | Penyelenggaraan Gelanggang | Yuran Masuk |

36. Maklumat berikut dipetik daripada buku sebuah Kelab Rakan Motor

| | **1 Jan 2021**<br>**RM** | **31 Dis 2021**<br>**RM** |
|---|---|---|
| Akaun Belum Terima | 1 000 | 860 |

**Maklumat tambahan:**
(i) Menerima cek bernilai RM 5 800 daripada Akaun Belum Terima untuk bayaran invois INV23432.
(ii) Jualan tunai yang diterima sepanjang tahun berjumlah RM 13 200.

Berapakah jumlah jualan Kelab Rakan Motor tersebut bagi tahun berakhir 31 Disember 2021?
A RM 5 660
B RM 13 200
C RM 18 860
D RM 19 140

37. Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Runcit Kelab Rasta.

| | RM |
|---|---|
| Inventori pada 1 April 2020 | 2 360 |
| Inventori 31 Mac 2021 | 4 620 |
| Jualan | 24 700 |
| Belian | 15 890 |
| Upah Pekerja | 9 000 |

Berapakah untung kedai tersebut?
A RM 2 070
B RM 2 450
C RM 10 830
D RM 15 700

38. Antara yang berikut, yang manakah digolongkan sebagai kos overhed?
I Upah Operator
II Susut nilai perabot
III Gaji Penyelia Kilang
IV Susut nilai Loji dan Mesin

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

39. Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Papan Sepadu.

| | RM |
|---|---|
| Kos Overhed | 5 240 |
| Barang Siap | 2 300 |
| Upah Langsung | 3 000 |
| Upah kerani pejabat | 1 500 |
| Kos Bahan Langsung | 4 270 |
| Kerja Dalam Proses awal | 450 |
| Kerja Dalam Proses akhir | 680 |

Hitungkan kos pengeluaran Kilang Papan Sepadu.
A RM 12 280
B RM 12 510
C RM 16 080
D RM 16 310

40. Syarikat Rafifah telah memberikan maklumat berikut mengenai keluaran bakulnya.

| | RM |
|---|---|
| Harga Jualan Seunit | 12.00 |
| Kos Berubah Seunit | 5.00 |
| | |
| Titik Pulang Modal | 1 850 unit |

Berapakah kos tetap bagi pengeluaran tersebut?
A RM 9 250
B RM 12 950
C RM 22 200
D RM 31 450

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

## PRINSIP PERAKAUNAN

## 3756/2

## Aras Sederhana

**Kertas 2**

**2 1/2 jam**

**Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B.**
3. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
4. **Tunjukkan kerja mengira.** Ini membantu anda mendapatkan markah.
5. Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

## Bahagian A

[60 markah]

*Jawab* **semua** *soalan.*

1. (a) Urus niaga berikut diambil daripada Kedai Buku Momoko. Tunjukkan kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan dengan menyatakan akaun yang terlibat berserta dengan nilainya.

| **Urus niaga** | **Aset** | **Liabiliti** | **Ekuiti Pemilik** |
|---|---|---|---|
| Menjelaskan hutang RM 4 700 dengan cek bernilai RM 4 350. | | | |

[2 markah]

(b) Maklumat yang berikut diperoleh daripada Pembekal Lee Tan.

> Pembekal Lee Tan menjual barang secara kredit kepada Lian Enterprise yang berkos RM 12 000 pada 8 Jun 2021. Syarat diskaun tunai ialah 5% jika dibayar dalam tempoh 7 hari.

Hitung jumlah yang perlu dibayar oleh Lian Enterprise pada 14 Jun 2021.

[2 markah]

(c) Kesilapan yang berikut telah dikesan dalam buku perakaunan seorang peniaga.

> Belian sebanyak RM 3 240 daripada Perniagaan Amirul telah tersilap catat ke Perniagaan Fazirul.

Betulkan kesilapan di atas melalui catatan jurnal (abaikan keterangan).

[2 markah]

(d) Maklumat berikut diperoleh daripada Belanjawan Tunai YC Trading.

| | |
|---|---|
| Mac 2021 | RM |
| Baki awal tunai | **X** |
| Jumlah penerimaan tunai | 67 520 |
| Jumlah pembayaran tunai | 40 030 |

Hitungkan nilai **X**, jika baki akhir tunai pada bulan Mac 2021 berjumlah RM 37 900.

[2 markah]

(e) Vincy dan Elly ialah pekongsi dalam Perkongsian Viel. Maklumat berikut menunjukkan ambilan yang telah dibuat oleh kedua-dua pekongsi dan mereka telah menetapkan faedah atas ambilan sebanyak 5% setahun.

| **Pekongsi** | **RM** | **Tarikh ambilan** |
|---|---|---|
| Vincy | 720 | 1 Mei 2021 |
| Elly | 960<br>2 400 | 1 Disember 2020<br>1 Ogos 2021 |

Hitung faedah atas ambilan bagi Perkongsian Viel bagi tahun berakhir 31 Ogos 2021.

[2 markah]

2. Kedudukan kewangan Kelab Sukan Taman Midah pada 1 Januari 2021 adalah seperti berikut:

| | RM |
|---|---|
| Inventori restoran | 3 180 |
| Lengkapan | 2 200 |
| Kadar bayaran belum bayar | 350 |
| Tunai di bank | 34 360 |
| Yuran belum terima | 3 800 |

Berikut ialah Akaun Penerimaan dan Pembayaran Kelab Sukan Taman Midah bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

**Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2021**

| | **RM** | | **RM** |
|---|---|---|---|
| Baki b/b | 34 360 | Lengkapan | 4 300 |
| Yuran tahun 2020 | 3 400 | Kadar bayaran | 3 130 |
| Yuran tahun 2021 | 59 900 | Belanja am | 7 400 |
| Yuran tahun 2022 | 950 | Insurans | 720 |
| Jualan restoran | 30 500 | Belian restoran | 12 300 |
| Sewa kedai | 5 500 | Alat tulis | 220 |
| Yuran masuk | 2 200 | Gaji | 17 100 |

**Maklumat tambahan :**

(i) Inventori pada 31 Disember 2021 bernilai RM 5 600.
(ii) Inventori alat tulis pada 31 Disember 2021 adalah RM 70.
(iii) Yuran masuk hendaklah dianggap sebagai pendapatan hasil.
(iv) Lengkapan disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
(v) Yuran belum terima pada 31 Disember 2021 ialah RM 3 620.
(vi) Yuran tahun 2020 yang tidak dapat dikutip dihapuskan sebagai yuran lapuk.
(vii) Kadar bayaran belum bayar ialah RM 450.
(viii) Insurans dibayar adalah untuk setahun berakhir 31 Mac 2022.
(ix) Sebanyak RM 5 200 daripada gaji adalah untuk upah pekerja restoran.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

(a) Akaun Yuran Ahli.
[5 markah]

(b) Akaun Perdagangan Restoran bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.
[3 markah]

(c) Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.
[10 markah]

(d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021.
[7 markah]

3. Mimi dan Lily merupakan pekongsi dalam Perkongsian ML Trading. Imbangan Duga yang berikut diambil dari buku-buku perkongsian pada 31 Ogos 2021.

Ikatan perjanjian:

(i) Untung atau rugi dikongsi sama rata.
(ii) Faedah atas modal 10% setahun.
(iii) Faedah atas ambilan 15% setahun.
(iv) Mimi dan Lily dibayar gaji tahunan RM 3 000 dan RM 2 000.

**Imbangan Duga pada 31 Ogos 2021**

| | **Debit RM** | **Kredit RM** |
|---|---|---|
| Inventori | 5 500 | |
| Belian dan jualan | 16 970 | 36 710 |
| Pulangan | 1 100 | 820 |
| Diskaun | 780 | 740 |
| Sewa dibayar | 1 650 | |
| Angkutan keluar | 798 | |
| Tunai di tangan | 1 450 | |
| Tunai di bank | 3 042 | |
| Akaun belum terima | 4 900 | |
| Akaun belum bayar | | 3 810 |
| Gaji | 5 750 | |
| Kenderaan | 30 000 | |
| Akaun Modal: | | |
| Mimi | | 16 500 |
| Lily | | 16 500 |
| Akaun Semasa: | | |
| Mimi | | 960 |
| Lily | 700 | |
| Ambilan: | | |
| Mimi | 2 100 | |
| Lily | 1 300 | |
| | 76 040 | 76 040 |

**Maklumat tambahan:**

(i) Inventori pada 31 Ogos 2021 dinilaikan dengan RM 8 900 pada harga kos dan RM 9 800 pada harga pasaran.
(ii) Kenderaan disusut nilai 10% setahun dengan kaedah atas kos.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

(a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2021. [8 markah]

(b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2021. [5 markah]

(c) Akaun Semasa pekongsi (beruangan) [5 markah]

(d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2021. [7 markah]

## Bahagian B

[40 markah]

*Jawab mana-mana* **dua** *soalan sahaja.*

4. Berikut merupakan maklumat yang diperoleh daripada Kedai Burger Hariz.

| 2021 | | RM |
|---|---|---|
| Januari 1 | Akaun Belum Terima (dt) | 6 211 |
| | Akaun Belum Terima (kt) | 206 |
| | Akaun Belum Bayar (dt) | 300 |
| | Akaun Belum Bayar (kt) | 5 245 |
| Disember 31 | Akaun Belum Terima (dt) | 3 040 |
| | Akaun Belum Terima (kt) | 156 |
| | Akaun Belum Bayar (dt) | 210 |
| | Akaun Belum Bayar (kt) | 4 546 |

Baki-baki berikut dipetik daripada lejarnya pada 31 Disember 2021.

| | RM |
|---|---|
| Jualan tunai | 15 600 |
| Belian tunai | 11 000 |
| Tunai diterima daripada pelanggan (termasuk hutang lapuk terpulih RM 520) | 22 000 |
| Tunai dibayar kepada pembekal | 13 555 |
| Diskaun diberi | 530 |
| Diskaun diterima | 240 |
| Pulangan keluar | 420 |
| Cek daripada pelanggan dipulangkan oleh bank dengan tanda “Rujuk Penyuruh Bayar” | 520 |
| Diskaun tunai yang telah diberikan ditarik balik | 100 |
| Baki Akaun Belum Bayar dipindahkan ke Akaun Belum Terima | 486 |
| Mewujudkan peruntukan hutang ragu | 250 |
| Faedah dikenakan terhadap pelanggan | 168 |
| Angkutan dikenakan oleh pembekal | 358 |

(a) Anda dikehendaki menyediakan:

(i) Akaun Kawalan Belum Terima [9 markah]

(ii) Akaun Kawalan Belum Bayar [7 markah]

(b) Hitung jumlah jualan dan belian bagi Kedai Burger Hariz. [2 markah]

(c) Nyatakan dua implikasi jika Akaun Kawalan tidak dibuat? [2 markah]

5(a). Maklumat berikut merupakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020. Perniagaan Kostarika yang menjalankan perniagaan alatan sukan.

Perniagaan Kostarika

Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2020

| | RM | | RM |
|---|---|---|---|
| Kelengkapan | 20 000 | Akaun Belum Bayar | 3 230 |
| Inventori | 8 400 | Sewa Belum Bayar | 1 200 |
| Akaun Belum Terima | 2 800 | Pinjaman | 10 000 |
| Tunai di Bank | 16 320 | Modal | 28 900 |
| Tunai di Tangan | 1 240 | Untung Bersih | 5 430 |
| | 48 760 | | 48 760 |

Urusniaga berikut telah berlaku pada sepanjang tahun 2021:

(i) Menjual 1/4 barang niaga dengan harga RM 2 800. cek telah diterima hasil daripada jualan tersebut.
(ii) Menjelaskan invois berjumlah RM 1 500 yang bertarikh 23 Disember 2020 menggunakan cek.
(iii) Membayar sewa yang tertunggak berjumlah RM 600 secara tunai.
(iv) Membeli peralatan sukan berjumlah RM 2 260 secara kredit daripada Al-Ikhsan Sdn. Bhd.
(v) Menerima pinjaman daripada bank berjumlah RM 10 000 dan wang telah dimasukkan terus ke dalam akaun bank.
(vi) Menjelaskan semua baki Akaun Belum Bayar yang tinggal dengan mengeluarkan cek berjumlah RM 3 591.
(vii) Menerima komisen jualan tiket bola sepak berjumlah RM 500 secara tunai.

**Anda dikehendaki melengkapkan** jadual persamaan perakaunan di **Lampiran A** untuk menunjukkan kesan urusniaga yang telah berlaku.

[10 markah]

5(b) Imbangan Duga Berikut diperolehi daripada Telaga Putih Trading Pada 30 Jun 2021

Imbangan Duga Pada 30 Jun 2021

| | Debit RM | Kredit RM |
|---|---|---|
| Kenderaan | 23 000 | |
| Kelengkapan | 8 600 | |
| Alatan Pejabat | 4 320 | |
| Bank | 18 460 | |
| Belian dan Jualan | 32 480 | 68 200 |
| Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar | 16 720 | 7 500 |
| Inventori pada 1 Julai 2020 | 8 240 | |
| Modal pada 1 Julai 2020 | | 59 240 |
| Pulangan | 280 | 360 |
| Gaji | 15 000 | |
| Insurans | 1 000 | |
| Sewa | 7 200 | |
| | 135 300 | 135 300 |

Kesilapan-kesilapan berikut telah dikesan setelah imbangan duga di atas disediakan.

(i) Jualan sebanyak RM 2 400 secara kredit kepada Perniagaan Safwar telah direkodkan ke dalam Akaun Perniagaan Safwan.

(ii) Nota Kredit yang telah diserahkan kepada pelanggan berjumlah RM 220 tertinggal rekod.

(iii) Bayaran insurans berjumlah RM 580 menggunakan cek kepada Syarikat Murad tersilap rekod sebagai RM 508.

**Anda dikehendaki:**

(i) Membetulkan kesilapan-kesilapan di atas melalui Jurnal Am (keterangan tidak diperlukan).

[6 markah]

(ii) Menyediakan Imbangan Duga pada 30 Jun 2021 selepas semua pembetulan telah dilakukan.

[4 markah]

6(a). Saadiah dan Fatimah merupakan pekongsi bagi Kedai Bakery SaFa. Mereka bersetuju untuk membahagikan untung atau rugi mengikut nisbah 3:1. Pada 31 Julai 2021, Kedai Bakery SaFa dibubarkan. Penyata Kedudukan Kewangan yang dilantik pada tarikh tersebut adalah seperti berikut:

**Kedai Bakery SaFa**
**Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2021**

| | RM | | RM |
|---|---|---|---|
| **Aset Bukan Semasa** | | **Ekuiti Pemilik** | |
| Kenderaan | 15 000 | Akaun Modal Saadiah | 15 000 |
| Lengkapan | 12 570 | Akaun Modal Fatimah | 10 000 |
| | | | |
| **Aset Semasa** | | **Liabiliti Semasa** | |
| Inventori | 15 000 | Akaun Belum Bayar | 18 500 |
| Akaun Belum Terima | 8 300 | Overdraf Bank | 7 370 |
| | 50 870 | | 50 870 |

**Maklumat Tambahan:**
Semua aset telah direalisasikan dengan jumlah RM 39 744. Akaun Belum Bayar bersetuju untuk memberi diskaun sebanyak 20% semasa hutang perkongsian diselesaikan. Belanja realisasi adalah berjumlah RM 650 telah dijelaskan.

Semua wang yang diterima telah dibankkan dan semua bayaran dijelaskan melalui cek.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

(i) Akaun Realisasi [4 markah]

(ii) Akaun Modal pekongsi (beruangan) [2 markah]

(iii) Akaun Bank [4 markah]

(b). Maklumat berikut adalah berkaitan dengan dua buah mesin yang dimiliki oleh Suka Rasa Trading.

| Aset | Tarikh Belian | Kos (RM) |
|---|---|---|
| Mesin A | 1 April 2019 | 8 000 |

**Maklumat Tambahan:**

(i) Polisi perniagaan menetapkan semua mesin hendaklah disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
(ii) Mesin B telah dibeli pada 1 Januari 2021 daripada Syarikat Automotif Khaz secara kredit dengan harga RM 10 000.
(iii) Pada 31 Disember 2021, Mesin A telah dijual dengan harga RM 5 600.
(iv) Tempoh perakaunan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

(i) Akaun Mesin untuk tahun 2021 [3 markah]

(ii) Akaun Susut Nilai Terkumpul Mesin untuk tahun 2021 [3 markah]

(iii) Akaun Pelupusan Mesin [4 markah]

**LAMPIRAN A**

| Urus Niaga | ASET | | | | | LIABILITI + EKUITI PEMILIK | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Kelengkapan | Inventori | Akaun Belum Terima | Bank | Tunai | Akaun Belum Bayar | Sewa Belum Bayar | Pinjaman | Modal | Untung Bersih |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | |
| Baki h/b | | | | | | | | | | |

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**PERATURAN PERMARKAHAN**

**ARAS SEDERHANA**

**PRINSIP PERAKAUNAN KERTAS 1**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1 | C | 21 | C |
| 2 | B | 22 | C |
| 3 | C | 23 | B |
| 4 | B | 24 | C |
| 5 | A | 25 | C |
| 6 | B | 26 | B |
| 7 | B | 27 | D |
| 8 | A | 28 | A |
| 9 | A | 29 | C |
| 10 | B | 30 | C |
| 11 | D | 31 | B |
| 12 | A | 32 | D |
| 13 | C | 33 | C |
| 14 | A | 34 | C |
| 15 | B | 35 | A |
| 16 | D | 36 | C |
| 17 | A | 37 | A |
| 18 | C | 38 | D |
| 19 | C | 39 | A |
| 20 | A | 40 | B |

**PERATURAN PERMARKAHAN**

**ARAS SEDERHANA**

**PRINSIP PERAKAUNAN KERTAS 2**

1. (a)

| **Aset** | **Liabiliti** | **Ekuiti Pemilik** |
|---|---|---|
| Bank<br>- RM 4 350 | Akaun Belum Bayar<br>- RM 4 700 | Modal / Untung bersih<br>+ RM 350 |
| 1 | 1 | 1 |

[*mana-mana 2 markah]

(b)

| | | |
|---|---|---|
| Jumlah yang perlu dibayar | = RM12 000 - (5% x RM12 000)<br><br>= RM12 000 - RM600<br><br>= RM11 400 | 1<br>atau<br>1<br>atau<br>2 |

[2 markah]

(c)

Jurnal Am

| Butir | Debit | Kredit | |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | |
| Perniagaan Fazirul | 3 240 | | 1 |
| Perniagaan Amirul | | 3 240 | 1 |

[2 markah]

(d)

| | | |
|---|---|---|
| Baki awal **X** | = RM 37 900 - (RM 67 520 - RM 40 030)<br><br>= RM 37 900 - RM 67 520 + RM 40 030<br><br>= RM 10 410 | 1<br>atau<br>1<br>atau<br>2 |

[2 markah]

(e)

| | | |
|---|---|---|
| Faedah atas ambilan | = (5% x RM 720 x 4/12) + (5% x RM 960 x 9/12) + (5% x RM 2400 x 1/12)<br><br>= RM 12 + RM 36 + RM 10<br><br>= RM 58 | 1<br>atau<br>1<br>atau<br>2 |

[2 markah]

2(a)

Akaun Yuran Ahli

| 2021 | | RM | | 2021 | | RM | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Jan 1 | Yuran belum terima | 3 800 | | Dis 31 | Bank* | 64 250 | 1 |
| Dis 31 | Pendapatan dan Perbelanjaan | 63 520 | 1 | | Yuran lapuk* | 400 | 1 |
| | Yuran belum terperoleh | 950 | 1 | | Yuran belum terima | 3 620 | 1 |
| | | 68 270 | | | | 68 270 | |

*Bank = 3400 + 59900 + 950
*Yuran lapuk = 3800 - 3400

[5 markah]

(b)

Kelab Sukan Taman Midah
Akaun Perdagangan Restoran bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

| | RM | | RM | |
|---|---|---|---|---|
| Jualan | | | 30 500 | |
| Tolak: Kos Jualan | | | | |
| Inventori awal | 3 180 | | | |
| Belian | 12 300 | | | |
| | 15 480 | | | |
| Tolak Inventori akhir | (5 600) | 1 | | |
| | 9 880 | | | |
| Tambah Belanja Pengendalian | | | | |
| Upah pekerja restoran | 5 200 | 1 | | |
| Kos Jualan | | | (15 080) | |
| Untung restoran | | | 15 420 | 1 |

[3 markah]

(c)

Kelab Sukan Taman Midah
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

| **Pendapatan Hasil:** | RM | | RM | |
|---|---|---|---|---|
| Yuran ahli | | | 63 520 | 1 |
| Untung restoran | | | 15 420 | 1 |
| Sewa kedai | | | 5 500 | |
| Yuran masuk | | | 2 200 | 1 |
| | | | 86 640 | |
| **Tolak Perbelanjaan Hasil:** | | | | |
| Susut nilai lengkapan [10% x (2 200 + 4 300)] | 650 | 1 | | |
| Kadar bayaran (3 130 + 450 - 350) | 3 230 | 1 | | |
| Belanja am | 7 400 | | | |
| Insurans (9/12 x 720) | 540 | 1 | | |
| Alat tulis (220 - 70) | 150 | 1 | | |
| Gaji (17 100 - 5 200) | 11 900 | 1 | | |
| Yuran lapuk (3 800 - 3 400) | 400 | 1 | | |
| | | | (24 270) | 1 |
| Lebihan | | | 62 370 | |

[10 markah]

(d)

Kelab Sukan Taman Midah
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021

| | RM<br>**Kos** | RM<br>**Susut nilai terkumpul** | RM<br>**Nilai buku** | |
|---|---|---|---|---|
| **<u>Aset Bukan Semasa</u>** | | | | |
| Lengkapan (2 200 + 4 300) | 6 500 | (650) | 5 850 | 1 |
| | | | | |
| **<u>Aset Semasa</u>** | | | | |
| Bank (136 810 - 45 170) | | 91 640 1 | | |
| Inventori | | 5 600 | | |
| Inventori alat tulis | | 70 | | |
| Yuran belum terima | | 3 620 | | |
| Insurans prabayar (3/12 x 720) | | 180 1 | | |
| | | 101 110 | | |
| <u>Tolak **Liabiliti Semasa**</u> | | | | |
| Kadar bayaran belum bayar | 450 } 1 | | | |
| Yuran belum terperoleh | 950 | | | |
| | | (1 400) | | |
| Modal kerja | | | 99 710 | 1 |
| | | | 105 560 | |
| **<u>Dana Terkumpul</u>** | | | | |
| Dana terkumpul awal (43 540 - 350) | | | 43 190 | 1 |
| Tambah Lebihan | | | 62 370 | |
| Dana terkumpul akhir | | | 105 560 | 1 |

[7 markah]

3(a)

Perkongsian ML Trading
Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2021

| | RM | RM | RM | |
|---|---|---|---|---|
| Jualan | | | 36 710 | |
| Tolak: Pulangan Jualan | | | (1 100) | |
| Jualan bersih | | | 35 610 | 1 |
| | | | | |
| **Tolak:Kos Jualan** | | | | |
| Inventori awal | | 5 500 | | |
| Belian | 16 970 | | | |
| Tolak:Pulangan belian | (820) | | | |
| Belian bersih | | 16 150 1 | | |
| Kos barang untuk dijual | | 21 650 | | |
| Tolak:Inventori akhir | | (8 900) 1 | | |
| Kos jualan | | | (12 750) | 1 |
| Untung kasar | | | 22 860 | 1 |
| | | | | |
| **Tambah: Hasil** | | | | |
| Diskaun diterima | | | 740 | |
| | | | 23 600 | |
| | | | | |
| **Tolak: Belanja** | | | | |
| Diskaun diberi | | 780 | | |
| Sewa dibayar | | 1 650 | | |
| Angkutan keluar | | 798 | | |
| Gaji | | 5 750 | | |
| Susut nilai Kenderaan (30 000x10%) | | 3 000 1 | | |
| | | | (11 978) | 1 |
| Untung bersih | | | 11 622 | 1 |

[8 markah]

(b)

Perkongsian ML Trading
Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2021

| | RM | RM | RM | |
|---|---|---|---|---|
| Untung bersih | | | 11 622 | |
| Tambah: Faedah atas ambilan | | | 510 | 1 |
| | | | 12 132 | |
| | | | | |
| Tolak: Faedah atas Modal | | 3 300 1 | | |
| Gaji pekongsi | | 5 000 1 | | |
| | | | 8 300 | |
| | | | 3 832 | |
| Tolak: | | | | |
| Akaun Semasa Mimi | | 1 916 1 | | |
| Akaun Semasa Lily | | 1 916 1 | | |
| | | | (3 832) | |
| | | | 0 | |

[5 markah]

(c)

Akaun Semasa (beruangan)

| Tarikh | Butir | Mimi | Lily | | Tarikh | Butir | Mimi | Lily | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2020 | | RM | RM | | 2020 | | RM | RM | |
| Sept 1 | Baki b/b | - | 700 | | Sept 1 | Baki b/b | 960 | - | |
| 2021 | | | | | 2021 | | | | |
| Ogos 31 | Ambilan | 2 100 | 1 300 | 1fb | Ogos 31 | Faedah atas Modal | 1 650 | 1 650 | 1fb |
| | Faedah atas Ambilan | 315 | 195 | 1fb | | Gaji | 3 000 | 2 000 | 1fb |
| | Baki h/b | 5 111 | 3 371 | | | Pengasingan untung rugi | 1 916 | 1 916 | 1offb |
| | | 7 526 | 5 566 | | | | 7 526 | 5 566 | |
| | | | | | Sept 1 | Baki b/b | 5 111 | 3 371 | |

[5 markah]

(d)

Perkongsian ML Trading
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2021

| | RM<br>Kos | RM<br>Susut nilai terkumpul | RM<br>Nilai buku | RM |
|---|---|---|---|---|
| **Aset bukan Semasa** | | | | |
| Kenderaan | 30 000 | (3 000) | 27 000 | 27 000 1 |
| | | | | |
| **Aset Semasa** | | | | |
| Tunai | | | 1 450 | |
| Bank | | | 3 042 | |
| Akaun belum terima | | | 4 900 | |
| Inventori akhir | | | 8 900 | |
| | | | 18 292 1 | |
| | | | | |
| **Tolak:Liabiliti Semasa** | | | | |
| Akaun belum bayar | | | (3 810) | |
| Modal kerja | | | | 14 482 1 |
| | | | | 41 482 |
| **Ekuiti Pemilik** | | | | |
| Akaun Modal Mimi | | | | 16 500 |
| Akaun Modal Lily | | | | 16 500 |
| | | | | 33 000 1 |
| Akaun Semasa Mimi | | | 5 111 1 | |
| Akakun Semasa Lily | | | 3 371 1 | |
| | | | | 8 482 1 |
| | | | | 41 482 |

[7 markah]

4 (a) (i)

**Akaun Kawalan Belum Terima**

| 2021 | | RM | | 2021 | | RM | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Jan 1 | Baki b/b | 6 211 | | Jan 1 | Baki b/b | 206 | |
| Dis 31 | Bank (cek tak laku) | 520 | 1 | Dis 31 | Tunai (22 000 – 520) | 21 480 | 1 |
| | Diskaun diberi (dibatalkan) | 100 | 1 | | Diskaun diberi | 530 | 1 |
| | Faedah | 168 | 1 | | Kontra | 486*** | 1fb*** |
| | Jualan | 18 587 | 1 | | Baki h/b | 3 040* | |
| | Baki h/b | 156** | | | | | |
| | | 25 742 | | | | 25 742 | |
| 2022 | | | | 2022 | | | |
| Jan 1 | Baki b/b | 3 040* | 1fb* | Jan 1 | Baki b/b | 156** | 1fb** |

[9 markah]

4 (a) (ii)

**Akaun Kawalan Belum Bayar**

| 2021 | | RM | | 2021 | | RM | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Jan 1 | Baki b/b | 300 | | Jan 1 | Baki b/b | 5 245 | |
| Dis 31 | Tunai | 13 555 | 1 | Dis 31 | Angkutan | 358 | 1 |
| | Diskaun diterima | 240 | 1 | | Belian | 13 734 | 1 |
| | Pulangan keluar | 420 | 1 | | Baki h/b | 210^ | |
| | Kontra | 486*** | | | | | |
| | Baki h/b | 4 546^^ | | | | | |
| | | 19 547 | | | | 19 547 | |
| 2022 | | | | 2022 | | | |
| Jan 1 | Baki b/b | 210^ | 1fb^ | Jan 1 | Baki b/b | 4 546^^ | 1fb^^ |

[7 markah]

4 (b) Jumlah jualan = RM15 600 + RM18 587 = RM34 187 **1**
Jumlah belian = RM11 000 + RM13 734 = RM24 734 **1**

[2 markah]

4 (c)
- Sukar untuk mengenalpasti kesilapan menjumlahkan Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar **1**
- Sukar untuk mengenalpasti kesilapan ketinggalan catatan berlaku. **1**
- Sukar untuk mengenalpasti memindahkan catatan daripada Buku Catatan Pertama ke Lejar. **1**

[*mana-mana 2 markah]

5(a)

| Urus Niaga | ASET | | | | | LIABILITI + EKUITI PEMILIK | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Kelengkapan | Inventori | Akaun Belum Terima | Bank | Tunai | Akaun Belum Bayar | Sewa Belum Bayar | Pinjaman | Modal | Untung Bersih | |
| | 20 000 | 8 400 | 2 800 | 16 320 | 1 240 | 3 230 | 1 200 | 10 000 | 28 900 | 5 430 | **1 For All** |
| i) | | (2 100) | | 2 800 | | | | | | 700 | |
| | | | **(1 For Both)** | | | | | | | **(1)** | **2** |
| ii) | | | | (1 500) | | (1 500) | | | | | **1 For Both** |
| iii) | | | | | (600) | | (600) | | | | **1 For Both** |
| iv) | | 2 260 | | | | 2 260 | | | | | **1 For Both** |
| v) | | | | 10 000 | | | | 10 000 | | | **1 For Both** |
| vi) | | | | (3 591) | | (3 990) | | | | 399 | |
| | | | | | **(1 For Both)** | | | | | **(1)** | **2** |
| vii) | | | | | 500 | | | | | 500 | **1 For Both** |
| | 20 000 | 8 560 | 2 800 | 24 029 | 1 140 | 0 | 600 | 20 000 | 28 900 | 7 029 | |

[10 markah]

5(b)

(i) **Jurnal Am**

| **Urus Niaga** | **Butiran** | **Debit RM** | **Kredit RM** | |
|---|---|---|---|---|
| (i) | Perniagaan Safwar | 2 400 | | 1 |
| | Perniagaan Safwan | | 2 400 | 1 |
| (ii) | Pulangan Jualan | 220 | | 1 |
| | Akaun Belum Terima | | 220 | 1 |
| (iii) | Insurans | 72 | | 1 |
| | Bank | | 72 | 1 |

[6 markah]

(ii)

Telaga Putih Trading
Imbangan Duga Pada 31 Jun 2021

| | **Debit RM** | | **Kerdit RM** |
|---|---|---|---|
| Kenderaan | 23 000 | | |
| Kelengkapan | 8 600 | | |
| Alatan Pejabat | 4 320 | | |
| Bank | 18 388 | 1 | |
| Belian | 32 480 | | |
| Jualan | | | 68 200 |
| Akaun Belum Terima | 16 500 | 1 | |
| Akaun Belum Bayar | | | 7 500 |
| Inventori pada 1 Julai 2020 | 8 240 | | |
| Modal pada 1 Julai 2020 | | | 59 240 |
| Pulangan Jualan | 500 | 1 | |
| Pulangan Belian | | | 360 |
| Gaji | 15 000 | | |
| Insurans | 1 072 | 1 | |
| Sewa | 7 200 | | |
| | 135 300 | | 135 300 |

[4 markah]

6
(a)(i)

**Akaun Realisasi**

| 2021 | | RM | | 2021 | | RM | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Jul 31 | Kenderaan | 15 000 | | Jul 31 | Bank | 39 744 | 1 |
| | Lengkapan | 12 570 | | | Akaun Belum Bayar | | |
| | Inventori | 15 000 | | | (18 500 x 20%) | 3 700 | 1 |
| | Akaun Belum Terima | 8 300 | | | Modal Saadiah | | |
| | Bank (belanja realisasi) | 650 | 1 | | (3/4 x 8 076) | 6 057 | |
| | | | | | Modal Fatimah | | 1offb |
| | | | | | (1/4 x 8 076) | 2 019 | |
| | | 51 520 | | | | 51 520 | |

[4 markah]

(ii)

**Akaun Modal (beruangan)**

| Tarikh | Butir | Saadiah | Fatimah | | Tarikh | Butir | Saadiah | Fatimah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2021 | | RM | RM | | 2021 | | RM | RM |
| Jul 31 | Realisasi | 6 057 | 2 019 | 1offb | Jul 31 | Baki b/b | 15 000 | 10 000 |
| | Bank | 8 943 | 7 981 | 1offb | | | | |
| | | 15 000 | 10 000 | | | | 15 000 | 10 000 |

[2 markah]

(iii)

**Akaun Bank**

| 2021 | | RM | | 2021 | | RM | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Jul 31 | Realisasi | 39 744 | 1 | Jul 31 | Baki b/b | 7 370 | |
| | | | | | Realisasi | 650 | 1 |
| | | | | | Akaun Belum Bayar | 14 800 | 1 |
| | | | | | Modal Saadiah | 8 943 | 1offb |
| | | | | | Modal Fatimah | 7 981 | |
| | | 39 744 | | | | 39 744 | |

[4 markah]

(b)(i)

Akaun Mesin

| 2021 | | RM | | 2021 | | RM | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Jan 1 | Baki b/b | 8 000 | | Dis 31 | Pelupusan Mesin | 8 000 | 1 |
| | Syarikat Automotif Khaz | 10 000 | 1 | | Baki h/b | 10 000 | |
| | | 18 000 | | | | 18 000 | |
| 2022 | | | | | | | |
| Jan 1 | Baki b/b | 10 000 | 1 | | | | |

[3 markah]

(ii)

Akaun Susut Nilai Terkumpul Mesin

| 2021 | | RM | | 2021 | | RM | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Dis 31 | Pelupusan Mesin | 2 200 | 1 | Jan 1 | Baki b/b | 1 400 | |
| | Baki h/b | 1 000 | | Dis 31 | Susut nilai Mesin | 1 800 | 1 |
| | | 3 200 | | | | 3 200 | |
| | | | | 2022 | | | |
| | | | | Jan 1 | Baki b/b | 1 000 | 1 |

[3 markah]

(iii)

Akaun Pelupusan Mesin

| 2021 | | RM | | 2021 | | RM | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Dis. 31 | Mesin | 8 000 | 1 | Dis 31 | Susut Nilai Terkumpul Mesin | 2 200 | 1 |
| | | | | | Bank | 5 600 | 1 |
| | | | | | Rugi Pelupusan Mesin | 200 | 1 |
| | | 8 000 | | | | 8 000 | |

[4 markah]

**SKEMA PERMARKAHAN TAMAT**

## JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)

## ARAS SEDERHANA

## PRINSIP PERAKAUNAN KERTAS 1

| TAJUK / KONSTRUK | | | BAHAGIAN A PENGETAHUAN | | | | | | | | | ARAS SOALAN | JUMLAH | JUMLAH MARKAH | BAHAGIAN B KEMAHIRAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | P01 | P02 | P03 | P04 | P05 | P06 | P07 | P08 | P09 | | | | C01 | A01 | N01 | V01 | T01 |
| **1** | **Pengenalan Kepada Perakaunan** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 1.4 | Andaian, Prinsip dan Batasan dalam perakaunan | | / | | | | | | | | S | 1 | 1 | | | | | |
| | 1.5 | Entiti perniagaan | | | | | | / | | | | S | 1 | 1 | | | | | |
| **2** | **Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 2.3 | Persamaan Perakaunan | | | | | | | | / | | S | 2 | 2 | | | / | | |
| | 2.4 | Catatan Kontra dan Carta Akaun | | | | | / | | | | | S | 1 | 1 | | | | | |
| **3** | **Dokumen Perniagaan sebagai Sumber Maklumat** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 3.1 | Dokumen Perniagaan | | | | | | | | / | | S | 1 | 1 | | | | | |
| | 3.2 | Dokumen Sumber | | | | / | | | | | | S | 1 | 1 | | | | | |
| **4** | **Buku Catatan Pertama** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 4.2 | Jurnal Am | | | / | | | | | | | S | 1 | 1 | | | | | |
| | 4.4 | Buku Tunai | | | | | | | | | / | S | 1 | 1 | | | | | |
| | 4.5 | Buku Tunai Runcit | | | | | | | | / | | S | 1 | 1 | | | | | |
| **5** | **Lejar** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 5.1 | Lejar | | | | | / | | | | | S | 1 | 1 | | | | | |
| | 5.3 | Akaun Kawalan | | | / | | | | | | | S | 1 | 1 | | | | | |

| TAJUK / KONSTRUK | | | BAHAGIAN A | | | | | | | | | ARAS SOALAN | JUMLAH | JUMLAH MARKAH | BAHAGIAN B | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | PENGETAHUAN | | | | | | | | | | | | KEMAHIRAN | | | | |
| | | | P01 | P02 | P03 | P04 | P05 | P06 | P07 | P08 | P09 | | | | C01 | A01 | N01 | V01 | T01 |
| 6 | **Imbangan Duga** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 6.1 | Imbangan Duga | | | / | | | | | | | S | 1 | 1 | | | | | |
| 7 | **Penyata Kewangan Milikan Tunggal Tanpa Pelarasan** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 7.1 | Akaun Perdagangan dan Untung Rugi (bentuk "T" dan format penyata) | | | | | | | | / | | S | 1 | 1 | | | | | |
| | 7.2 | Penyata Kedudukan Kewangan | | | | | | | | / | | S | 1 | 1 | | | | | |
| 8 | **Pelarasan pada Tarikh Imbangan dan Penyediaan Penyata Kewangan Milikan Tunggal** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 8.2 | Pelarasan akaun nominal | | | | | | | | / | | S | 1 | 1 | | | | | |
| | 8.3 | Hutang Lapuk, Hutang Lapuk Terpulih dan Peruntukan Hutang Ragu | | | | | | | | / | | S | 1 | 1 | | | | | |
| | 8.4 | Susut Nilai dan Susut Nilai Terkumpul | | | / | | | | | | | S | 1 | 1 | | | | | |
| | 8.5 | Pelupusan Aset Bukan Semasa secara tunai | | | | | | | | / | | S | 1 | 1 | | | | | |
| | 8.7 | Penyata Kewangan dengan pelarasan | | | | | | | | | / | S | 1 | 1 | | | | | |
| 9 | **Pembetulan Kesilapan** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 9.1 | Pembetulan Kesilapan | | / | | | | | | | | S | 1 | 1 | | | | | |
| 10 | **Analisis dan Tafsiran Penyata Kewangan untuk Membuat Keputusan** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 10.1 | Analisis Penyata Kewangan dan Perbandingan Prestasi | | | | | | | | | | S | 2 | 2 | / | | | | |

| TAJUK / KONSTRUK | | | BAHAGIAN A PENGETAHUAN | | | | | | | | | ARAS SOALAN | JUMLAH | JUMLAH MARKAH | BAHAGIAN B KEMAHIRAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | P01 | P02 | P03 | P04 | P05 | P06 | P07 | P08 | P09 | | | | C01 | A01 | N01 | V01 | T01 |
| **11** | **Rekod Tak Lengkap** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 11.1 | Pengenalan Rekod Tak Lengkap | | | / | | | | | | | S | 1 | 1 | | | | | |
| | 11.3 | Kaedah Analisis | | | | | | | | | | S | 1 | 1 | | / | | | |
| **12** | **Perakaunan untuk Kawalan Dalaman** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 12.2 | Penyata Penyesuaian Bank | / | | | | | | | | | S | 2 | 2 | | / | | | |
| | 12.3 | Belanjawan Tunai | | | | | | | | | | S | 1 | 1 | | / | | | |
| **13** | **Perakaunan untuk Perkongsian** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 13.2 | Akaun Pengasingan Untung Rugi | | | | | | | | | | S | 1 | 1 | | / | | | |
| | 13.3 | Ekuti Pemilik dan Penyata Kewangan Perkongsian | | | | | | | | / | | S | 2 | 2 | | / | | | |
| **14** | **Perakaunan untuk Syarikat Berhad Menurut Syer** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 14.2 | Jenis modal dan terbitan syer | | | | | | / | | | | S | 2 | 2 | | / | | | |
| | 14.4 | Dividen tunai | | | | | | | | | | S | 1 | 1 | | / | | | |
| **15** | **Perakaunan untuk Kelab dan Persatuan** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 15.2 | Akaun Penerimaan dan Pembayaran | | | | | | | | / | | S | 1 | 1 | | | | | |
| | 15.4 | Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan | | | | | | | | / | | S | 2 | 2 | | / | | | |

| TAJUK / KONSTRUK | | BAHAGIAN A | | | | | | | | | ARAS SOALAN | JUMLAH | JUMLAH MARKAH | BAHAGIAN B | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PENGETAHUAN | | | | | | | | | | | | KEMAHIRAN | | | | |
| | | P01 | P02 | P03 | P04 | P05 | P06 | P07 | P08 | P09 | | | | C01 | A01 | N01 | V01 | T01 |
| **16** | **Perakaunan Kos** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 16.1 Jenis kos dan Kerja Dalam Proses | | | | | / | | | | | S | 1 | 1 | | | | | |
| | 16.2 Akaun Pengeluaran | | | | | | | | | | S | 1 | 1 | | / | | | |
| | 16.3 Analisis Titik Pulang Modal | | | | | | | | | | S | 1 | 1 | | | / | | |
| | **JUMLAH** | **1** | **2** | **5** | **1** | **3** | **2** | **0** | **11** | **2** | | **40** | **40** | **2** | **9** | **2** | **0** | **0** |

## JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)
## ARAS SEDERHANA
## PRINSIP PERAKAUNAN KERTAS 2

| TAJUK / KONSTRUK | | BAHAGIAN A PENGETAHUAN P01 | P02 | P03 | P04 | P05 | P06 | P07 | P08 | P09 | ARAS SOALAN | JUMLAH | JUMLAH MARKAH | BAHAGIAN B KEMAHIRAN C01 | A01 | N01 | V01 | T01 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **2** | **Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 2.3 Persamaan Perakaunan | | | | | | | | | | S | 0.7 | 12 | | / | | | |
| **3** | **Dokumen Perniagaan sebagai Sumber Maklumat** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 3.2 Dokumen Sumber | | | | | | | | / | | S | 0.2 | 2 | | | | | |
| **5** | **Lejar** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 5.3 Akaun Kawalan | | / | | | | | | / | | S | 1 | 20 | | / | | | |
| **8** | **Pelarasan pada Tarikh Imbangan dan Penyediaan Penyata Kewangan Milikan Tunggal** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 8.4 Susut Nilai dan Susut Nilai Terkumpul | | | | | | | | | | S | 0.3 | 6 | | / | | | |
| | 8.5 Pelupusan Aset Bukan Semasa secara tunai | | | | | | | | | | S | 0.2 | 4 | | / | | | |
| **9** | **Pembetulan Kesilapan** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 9.1 Pembetulan Kesilapan | | | | | | | | | | S | 0.7 | 12 | | | / | | |
| **12** | **Perakaunan untuk Kawalan Dalaman** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 12.3 Belanjawan Tunai | | | | | | | | | | S | 0.2 | 2 | | / | | | |

| TAJUK / KONSTRUK | | | BAHAGIAN A | | | | | | | | | ARAS SOALAN | JUMLAH | JUMLAH MARKAH | BAHAGIAN B | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | PENGETAHUAN | | | | | | | | | | | | KEMAHIRAN | | | | |
| | | | P01 | P02 | P03 | P04 | P05 | P06 | P07 | P08 | P09 | | | | C01 | A01 | N01 | V01 | T01 |
| **13** | **Perakaunan untuk Perkongsian** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 13.2 | Akaun Pengasingan Untung Rugi | | | | | | | | / | | S | 0.95 | 20 | | / | | | |
| | 13.3 | Ekuti Pemilik dan Penyata Kewangan Perkongsian | | | | | | | | | | S | 0.25 | 7 | | / | | | |
| | 13.4 | Pembubaran Perkongsian | | | | | | | | | | S | 0.5 | 10 | | / | | | |
| **15** | **Perakaunan untuk Kelab dan Persatuan** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 15.2 | Akaun Penerimaan dan Pembayaran | | | | | | | | | | S | 0.25 | 5 | | / | | | |
| | 15.3 | Akaun Yuran Ahli | | | | | | | | | | S | 0.5 | 13 | | / | | | |
| | 15.4 | Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan | | | | | | | | | | S | 0.25 | 7 | | / | | | |
| | | | | | | | | | | | | **JUMLAH** | **6** | **120** | | | | | |

# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

## PRINSIP PERAKAUNAN

**3756/1**

**Aras Tinggi**

**Kertas 1**

**1 1/4 jam**

**Satu jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.
4. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

1. Mengapakah pihak bank menggunakan penyata kewangan?
A Untuk mentaksir dan memungut cukai pendapatan
B Untuk mengenal pasti semua hasil sesebuah perniagaan
C Untuk membuat perancangan aktiviti perniagaan pada masa yang akan datang
D Untuk mempertimbangkan kelulusan permohonan perniagaan yang ingin mendapatkan pinjaman

2. Maklumat yang berikut merupakan ciri-ciri sebuah perniagaan.

- Ditubuhkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan.
- Liabiliti tidak terhad

Perniagaan manakah yang menepati ciri-ciri di atas?
I Max Media Berhad
II Kedai Dobi Ron & Bin
III Salon Kecantikan Jin
IV Lim Enterprise

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

3. Berikut merupakan sebahagian daripada sebuah Kitaran Perakaunan:




Sekiranya perekodan tidak dilakukan dengan betul pada peringkat **X,** ramalkan kesannya terhadap perakaunan perniagaan pada akhir tempoh perakaunan.
A Baki akhir bagi semua akaun tidak dapat dihitung dengan tepat
B Ketepatan catatan bergu dalam lejar tidak dapat dikenalpastikan
C Jurnal Am dan Jurnal Khas tidak dapat disediakan dengan sistematik
D Tidak berlaku apa-apa kesan yang signifikan terhadap Penyata Kewangan

4. Urus niaga yang berikut berlaku dalam sebuah perniagaan.

| **P** | **R** |
|---|---|
| Pemilik mengeluarkan tunai pejabat untuk tujuan peribadi | Pemilik membawa masuk alatan pejabat untuk kegunaan perniagaan |

Apakah kesan urus niaga P dan R terhadap Akaun Modal?

| | **P** | **R** |
|---|---|---|
| A | Berkurang | Bertambah |
| B | Berkurang | Berkurang |
| C | Bertambah | Berkurang |
| D | Bertambah | Bertambah |

5. Maklumat yang berikut menunjukkan kesan suatu urus niaga terhadap persamaan perakaunan.

| Aset | Liabiliti | Ekuiti Pemilik |
|---|---|---|
| Berkurang | Berkurang | Bertambah |

Pilih urus niaga yang menepati kesan tersebut.

A Menjelaskan Akaun Belum Bayar dengan cek bernilai RM 4 700.
B Menerima bayaran secara tunai daripada Akaun Belum Terima RM 9 000 untuk menjelaskan hutangnya RM 9 500
C Inventori berkos RM 3 800 dijual secara tunai dengan RM 5 500. Tunai tersebut digunakan untuk menjelaskan pinjaman bank.
D Inventori berkos RM 6 000 dijual secara tunai dengan RM 5 800. Tunai tersebut digunakan untuk menjelaskan Akaun Belum Bayar.

6. Maklumat berikut diperoleh daripada Camen Trading.

*Pada 8 Mei 2021, Camen Trading telah membeli barang niaga bernilai RM 23 160 secara kredit daripada Syarikat Cempaka. Syarat kredit yang diberikan ialah 15% 10 hari; 10% 15 hari.*

*Dua hari kemudian, Syarikat Cempaka telah mengeluarkan satu Nota Kredit kepada Camen Trading untuk barang niaga yang bernilai RM 1 320 kerana barang tersebut tidak mengikut spesifikasi pembelian.*

Berapakah hutang yang perlu dibayar oleh Camen Trading pada 15 Mei 2021?

A RM18 366
B RM18 564
C RM19 686
D RM20 808

7. Dokumen di bawah diperoleh daripada Perniagaan Seyaya yang beroperasi di Miri.

**SALINAN**

**BANK BERNAMA (M) BERHAD**
**WANG TUNAI MASUK** Tarikh : 31 Julai 2021

Nama : Syarikat Opixy Bhd No. Akaun : 012099619444

| RM100 | RM50 | RM20 | RM10 | RM5 | RM1 | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 50 | 5 | 1 | 1 | | | 5 280 |

Ringgit : Lima ribu dua ratus lapan puluh sahaja

UNTUK KEGUNAAN BANK Disemak oleh Sabarudin Diluluskan oleh Ahmad

Urus niaga apakah yang berlaku pada 31 Julai 2021 di atas?

A Syarikat Opixy Bhd menyimpan tunai ke dalam bank berjumlah RM 5 280
B Perniagaan Seyaya menyimpan tunai ke dalam bank berjumlah RM 5 280
C Perniagaan Seyaya menerima bayaran daripada Syarikat Opixy Bhd bernilai RM 5 280
D Syarikat Opixy Bhd menerima bayaran daripada Perniagaan Seyaya bernilai RM 5 280

8. Pada 9 Mac 2021, Dr Kemala, pemilik Klinik Kemala, telah membeli 15 set kerusi klinik model C01 secara kredit bernilai RM 1 790 daripada IKY Design. Beliau juga telah membeli 2 set kerusi model T112 berharga RM 300 untuk kegunaannya di rumah dan dibayar menggunakan kad debit peribadinya.

Bagaimanakah urus niaga tersebut direkodkan dalam Jurnal Am Klinik Kemala?

A

**Jurnal Am**

| Tarikh | Butir | F | Debit | Kredit |
|---|---|---|---|---|
| 2021 | | | RM | RM |
| Mac 9 | Perabot | | 1 790 | |
| | Belian | | | 1 790 |
| | (Belian perabot klinik) | | | |

B

**Jurnal Am**

| Tarikh | Butir | F | Debit | Kredit |
|---|---|---|---|---|
| 2021 | | | RM | RM |
| Mac 9 | Perabot | | 2 090 | |
| | Belian | | | 1 790 |
| | Bank | | | 300 |
| | (Belian perabot secara kredit & kad debit) | | | |

C

**Jurnal Am**

| Tarikh | Butir | F | Debit | Kredit |
|---|---|---|---|---|
| 2021 | | | RM | RM |
| Mac 9 | Perabot | | 1 790 | |
| | IKY Design | | | 1 790 |
| | (Belian perabot klinik secara kredit) | | | |

D

**Jurnal Am**

| Tarikh | Butir | F | Debit | Kredit |
|---|---|---|---|---|
| 2021 | | | RM | RM |
| Mac 9 | Belian | | 2 090 | |
| | IKY Design | | | 1 790 |
| | Bank | | | 300 |
| | (Belian perabot secara kredit & kad debit) | | | |

9. Dokumen perniagaan yang manakah akan direkodkan ke dalam Buku Tunai Runcit?

A

**Kedai Runcit Ah Keng**
121, Jalan Jaya 2B
96000 Sibu

| | |
|---|---|
| Pen | RM 2.00 |
| Kertas A4 | RM11.00 |
| Tisu | RM 3.50 |
| Jumlah | RM16.50 |
| Tunai | RM20.00 |
| Baki | RM 3.50 |

25.9.2021

B

Tarikh : 1 Feb 2021
Penerima : Syarikat Mawangsa
Kerana : Sewa bulan Feb 2021

| | RINGGIT | SEN |
|---|---|---|
| Baki akhir | 60 000 | 00 |
| Wang masuk | - | - |
| Jumlah | 60 000 | 00 |
| Cek ini | 600 | 00 |
| Baki | 59 400 | 00 |

521351

C

**Memo**
***Perniagaan Selesa***

7 Jun 2021

Puan Siti Fatimah mengambil 30 helai tuala untuk kegunaannya sendiri sebanyak RM99.

*Siti Fatimah*
Pengurus

D

**ASAL** **RESIT RASMI** **R5001**
**KEDAI ALAT TULIS MELATI**
277A, Jalan Bunga Raya
98150 Bekenu, Subis
Tel: 085-719651 Faks: 085-719652

**Tarikh**: 18 Jan 2021

Diterima daripada : Perniagaan Selesa
Ringgit : Lima ratus sahaja
Untuk bayaran : Pelbagai jenis alat tulis & majalah

RM500.00

~~Tunai~~ / No. Cek : AGRO 521353

*Melati*
Pengurus

10. Petikan Buku Tunai berikut diambil daripada Putera Enterprise bagi urus niaga sepanjang bulan Mac 2021.

**Buku Tunai**

| Tarikh 2021 | Butir | Diskaun RM | Tunai RM | Bank RM | Tarikh 2021 | Butir | Diskaun RM | Tunai RM | Bank RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Mac 1 | Baki b/b | | 1 040 | | Mac 1 | Baki b/b | | | 25 760 |
| 2 | Modal | | | 16 000 | 7 | Perabot | | | 13 280 |
| 14 | Jualan | | 10 000 | 2880 | 12 | Insurans | | 640 | |
| 20 | Tunai | | | 3 760 | 20 | Bank | | 2 880 | |
| 29 | Oly | 240 | | 4 800 | 31 | Arora | 400 | | 3 600 |

Sila bantu Encik Putera untuk mencari baki Buku Tunai pada 31 Mac 2021.

| | Baki Tunai (RM) | Baki Bank (RM) |
|---|---|---|
| A | (7 520) | (15 200) |
| B | 7 520 | 15 200 |
| C | (7 520) | 15 200 |
| D | 7 520 | (15 200) |

11. Berikut adalah pesanan ringkas yang diterima oleh Tina, pembantu kedai Flora Florist daripada Puan Flora, pemilik perniagaan yang mengambil bunga untuk perkahwinan anaknya.




Bagaimanakah perkara tersebut direkodkan dalam lejar?

A

**Dt. Akaun Ambilan Kt.**

| | RM | | RM |
|---|---|---|---|
| | | Ambilan | 1 200 |

**Dt. Akaun Belian Kt.**

| | RM | | RM |
|---|---|---|---|
| Belian | 1 200 | | |

B

**Dt. Akaun Ambilan Kt.**

| | RM | | RM |
|---|---|---|---|
| Ambilan | 1 200 | | |

**Dt. Akaun Belian Kt.**

| | RM | | RM |
|---|---|---|---|
| | | Belian | 1 200 |

C

| Dt. | Akaun Ambilan | | Kt. |
|---|---|---|---|
| | RM | | RM |
| Belian | 1 200 | | |

| Dt. | Akaun Belian | | Kt. |
|---|---|---|---|
| | RM | | RM |
| | | Ambilan | 1 200 |

D

| Dt. | Akaun Ambilan | | Kt. |
|---|---|---|---|
| | RM | | RM |
| | | Belian | 1 200 |

| Dt. | Akaun Belian | | Kt. |
|---|---|---|---|
| | RM | | RM |
| Ambilan | 1 200 | | |

12. Maklumat berikut diperoleh daripada Jasmin Trading.

| | RM |
|---|---|
| *Baki debit Lejar Jualan* | *33 880* |
| *Bayaran oleh pelanggan* | *180 040* |
| *Hutang lapuk* | *4 480* |
| *Diskaun diberi* | *8 260* |
| *Pulangan masuk* | *17 220* |
| *Baki debit Lejar Jualan* | *32 900* |

Berapakah jualan kredit untuk Jasmin Trading?

A RM 151 060
B RM 177 100
C RM 182 980
D RM 209 020

13. Cantik Furniture menunjukkan maklumat berikut dalam rumusan kad inventorinya pada hujung tempoh perakaunan.

| Jenis Inventori | Kuantiti (unit) | Harga Kos Seunit RM | Harga Pasaran Seunit RM |
|---|---|---|---|
| Meja | 25 | 500 | 800 |
| Kerusi | 20 | 80 | 70 |

Berapakah nilai inventori akhir yang harus dinyatakan sebagai maklumat tambahan semasa menyediakan Imbangan Duga Terselaras?

A RM 13 900
B RM 14 100
C RM 21 400
D RM 21 600

14. Pembantu akauntan Syarikat Bambee berasa hairan apabila mendapati Akaun Untung Rugi syarikat berkenaan menunjukkan rugi bersih walaupun telah memperoleh untung kasar. Bagaimanakah situasi ini boleh berlaku?

A Syarikat Bambee telah berbelanja melebihi hasil perniagaan yang diperoleh
B Encik Bambee, iaitu pemilik perniagaan telah membuat ambilan yang banyak
C Akauntan syarikat telah memindahkan terlalu banyak wang ke dalam bank syarikat
D Ramai pekerja Syarikat Bambee telah meminta pendahuluan gaji kerana gaji mereka telah dipotong akibat kegawatan ekonomi semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pandemik Covid-19

15. Berdasarkan Ilustrasi berikut, apakah penjelasan terbaik bagi menjawab soalan Udin?




A Baki akaun nyata boleh terus digunakan oleh perniagaan dalam tempoh kewangan yang akan datang
B Baki akaun nyata tidak boleh digunakan oleh perniagaan dalam tempoh kewangan yang akan datang
C Baki akhir akaun nyata tahun semasa akan sama dengan baki akhir tempoh kewangan akan datang
D Baki awal akaun nyata tahun semasa akan menjadi baki akhir untuk tempoh kewangan akan datang

16. Patonah Sdn Bhd telah berkongsikan maklumat yang berikut:

*Syarikat kami telah mendepositkan wang berjumlah RM 100 000 sebagai simpanan tetap pada 1 April 2021 untuk tempoh 3 tahun. Pihak bank memaklumkan bahawa pulangan faedahnya adalah sebanyak 4% setahun dan akan dibayar pada setiap 6 bulan.*

*Akauntan syarikat kami akan menutup akaun pada setiap 31 Disember.*

Pada 31 Disember 2021, berapakah jumlah faedah yang belum diterima oleh Patonah Sdn Bhd?

A RM 1 000
B RM 2 000
C RM 3 000
D RM 4 000

17. Berikut ialah petikan Imbangan Duga Kedai Boxi.

| Imbangan Duga pada 31 Mac 2021 | | |
|---|---|---|
| | Debit RM | Kredit RM |
| Akaun Belum Terima | 44 000 | |
| Peruntukan Hutang Ragu | | 920 |
| Hutang Lapuk | 600 | |

**Maklumat Tambahan:**

(i) Seorang pelanggan yang berhutang sebanyak RM300 telah jatuh muflis akibat pandemik Covid-19 dan Kedai Boxi memutuskan untuk menghapuskannya sebagai hutang lapuk.

(ii) Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan kepada 2% setahun atas Akaun Belum Terima bersih.

Berapakah Peruntukan Hutang Ragu yang direkodkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan Kedai Boxi pada 31 Mac 2021?

A RM 844
B RM 862
C RM 874
D RM 880

18. Disenaraikan nilai kos dan nilai buku sebuah premis pada 1 April 2020.

| | Nilai Kos RM | Nilai Buku RM |
|---|---|---|
| Premis | 357 000 | 117 600 |

Premis tersebut disusutnilaikan pada kadar 5% setahun mengikut kaedah baki berkurangan bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2021.

Berapakah Susut Nilai Terkumpul Premis pada 31 Mac 2021?

A RM 111 720
B RM 123 480
C RM 233 520
D RM 245 280

19. Perkongsian ZaLa dalam proses membubarkan perniagaannya. Pada 5 Mei 2019, ZaLa telah menjual 2 buah mesin fotostat dengan harga RM5 985. Jumlah kos asal mesin-mesin tersebut yang dibeli pada 1 Mei 2017 ialah RM7 700. Nilai buku mesin-mesin fotostat tersebut pada hujung tempoh perakaunan 30 April 2019 ialah RM6 475.

Berapakah kerugian pelupusan mesin fotostat yang ditanggung oleh ZaLa?

A Kerugian bernilai RM 450
B Kerugian bernilai RM 490
C Kerugian bernilai RM 1 225
D Kerugian bernilai RM 1 715

20. Firma Pembinaan Rumbawa telah membeli alatan kecil berjumlah RM 1 380 pada 26 Julai 2021. Pada hujung tempoh perakaunan, iaitu pada 31 Disember 2021, alatan kecil yang masih belum digunakan untuk pembinaan bernilai RM 360.
Cadangkan catatan yang betul dalam Penyata Kewangan firma tersebut.

| | Akaun Untung Rugi | Penyata Kedudukan Kewangan |
|---|---|---|
| A | Alatan kecil RM 360 | Inventori alatan kecil RM 1 380 |
| B | Alatan kecil RM 360 | Inventori alatan kecil RM 1 020 |
| C | Alatan kecil RM 1 020 | Inventori alatan kecil RM 360 |
| D | Alatan kecil RM 1 380 | Inventori alatan kecil RM 360 |

21. Pada 31 Disember 2020, RS Enterprise memperolehi untung bersih sebanyak RM16 830.
Kesilapan berikut telah ditemui selepas pengiraan untung bersih.

- Ambilan barang niaga sebanyak RM 100 untuk kegunaan anaknya tidak direkod dalam mana-mana buku.
- Pulangan Jualan dan Pulangan Belian masing-masing terkurang catat sebanyak RM 60.
- Belanja penyelenggaraan bangunan RM 1 500 direkod dalam Akaun Bangunan.

Berapakah untung bersih selepas kesilapan tersebut dibetulkan?
A RM 15 230
B RM 15 430
C RM 18 290
D RM 18 490

22. Maklumat berikut diperoleh daripada buku AAA Trading pada 30 Jun 2021.

| | **RM** |
|---|---|
| Modal awal | 68 500 |
| Modal akhir | 78 700 |
| Modal kerja | 16 800 |
| Pulangan atas modal | 18% |

Hitungkan untung bersih.
A RM 3 024
B RM 12 330
C RM 13 248
D RM 14 166

23. Maklumat berikut dipetik daripada buku Perniagaan Sutera Emas.

| | RM |
|---|---|
| Perabot | 28 000 |
| Overdraf bank | 5 790 |
| Tunai | 1 070 |
| Inventori awal | 17 800 |
| Inventori akhir | 38 200 |
| Insurans prabayar | 500 |
| Akaun Belum Terima | 8 000 |
| Akaun Belum Bayar | 13 590 |
| Sewa belum terperoleh | 800 |
| Sewa belum terima | 200 |

Hitungkan nisbah semasa.
A 2.38 : 1
B 2.40 : 1
C 3.77 : 1
D 5.68 : 1

24. Maklumat berikut diperoleh daripada 4 buah perniagaan yang mengamalkan sistem catatan tunggal.

| Perniagaan | Modal Awal (RM) | Modal Akhir (RM) | Modal Tambahan (RM) | Ambilan (RM) |
|---|---|---|---|---|
| **W** | 18 000 | 21 000 | 1 250 | 5 000 |
| **X** | 17 400 | 19 600 | 1 300 | 4 000 |
| **Y** | 5 940 | 12 000 | 970 | 2 500 |
| **Z** | 22 300 | 25 800 | 1 700 | 5 950 |

Perniagaan manakah yang mempunyai untung bersih yang tinggi?
A W
B X
C Y
D Z

25. Puan Mira seorang peniaga tidak menyimpan rekod perniagaannya mengikut sistem catatan bergu.
Berikut adalah maklumat berkaitan jualan perniagaannya.

| | RM |
|---|---|
| Jualan tunai | 8 700 |
| Akaun Belum Terima pada 1 Jan 2021 | 6 970 |
| Akaun Belum Terima pada 31 Dis 2021 | 8 500 |
| Penerimaan daripada Akaun Belum Terima | 17 600 |
| Diskaun diberi | 420 |
| Hutang lapuk | 160 |
| Pulangan Jualan | 350 |
| Peruntukan Hutang Ragu | 125 |

Hitungkan jumlah jualan.
A RM 8 700
B RM 20 060
C RM 28 760
D RM 28 885

26. Cik Nura telah membuat pembayaran dengan cek bernilai RM 1 525. Setelah menyemak Penyata Bank, beliau mendapati terdapat kesilapan di buku tunai. Amaun yang direkod di buku tunai ialah RM 1 552.

Apakah catatan yang perlu dibuat untuk membetulkan perbezaan tersebut?

A Mendebitkan Buku Tunai RM 27
B Mengkreditkan Buku Tunai RM 27
C Mendebitkan Buku Tunai RM 1 525
D Mengkreditkan Buku Tunai RM 1 525

27. Berikut adalah Penyata Penyesuaian Bank (tanpa mengemaskini Buku Tunai) pada 31 Julai 2021.

Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Julai 2021

| | | | RM | RM |
|---|---|---|---|---|
| Baki Debit di Buku Tunai | | | | 17 800 |
| Tambah: | Cek belum dikemukakan | | | |
| | | Belian (No.cek 113456) | 400 | |
| | | Pembekal Alya (No.cek 113459) | 1 214 | |
| | **X** | | 1 230 | |
| | Faedah atas simpanan | | 783 | |
| | | | | 3 627 |
| | | | | 21 427 |
| Tolak : | Deposit belum dikreditkan | | | |
| | | Ain Enterprise | 1 928 | |
| | **Y** | | 840 | |
| | Buku Cek | | 80 | |
| | Caj Bank | | 110 | |
| | | | | (2 958) |
| Baki Kredit di Penyata Bank | | | | 18 469 |

Apakah **X** dan **Y**?

| | X | Y |
|---|---|---|
| A | Perintah sedia ada | Pindahan kredit |
| B | Cek tak laku | Perintah sedia ada |
| C | Dividen | Cek tak laku |
| D | Pindahan kredit | Dividen |

28. Puan Melly pemilik Butik Little Missy bercadang menyediakan Belanjawan Tunai butiknya mulai bulan April 2021.
Berikut ialah petikan anggaran belian bagi 3 bulan berakhir Jun 2021.

| **Jumlah belian:** | **RM** |
|---|---|
| Mac | 5 000 |
| April | 5 600 |
| Mei | 6 100 |
| Jun | 6 500 |

60% daripada jumlah belian adalah secara kredit dengan tempoh kredit selama 1 bulan.
Berapakah jumlah pembayaran bagi bulan April, Mei dan Jun 2021?

| | APRIL (RM) | MEI (RM) | JUN (RM) |
|---|---|---|---|
| A | 2 240 | 2 440 | 2 600 |
| B | 3 360 | 3 660 | 3 900 |
| C | 5 240 | 5 800 | 6 260 |
| D | 5 600 | 6 100 | 6 500 |

29. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perkongsian Aariz, Afya dan Awlya.

| | RM |
|---|---|
| Untung bersih | 117 470 |
| Ambilan | 47 000 |
| Faedah atas pinjaman | 2 350 |
| Faedah atas modal | 16 250 |
| Faedah atas ambilan | 1 380 |
| Gaji | 8 750 |

Mereka bersetuju untuk membahagikan untung atau rugi mengikut nisbah modal 3:1:1.
Hitungkan kongsi untung Aariz.
A RM 54 900
B RM 56 310
C RM 74 154
D RM 83 682

30. Petikan Akaun Realisasi berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Aina dan Aini.

**Akaun Realisasi**

| 2021 | | RM | 2021 | | RM |
|---|---|---|---|---|---|
| Mei 31 | Kenderaan | 60 000 | Mei 31 | Bank | 60 200 |
| | Lengkapan | 40 500 | | Modal Aina | 38 000 |
| | Inventori | 15 500 | | Modal Aini | 8 000 |
| | Akaun Belum Terima | 8 200 | | Akaun Belum Bayar (diskaun diterima) | 200 |
| | Bank | 800 | | | |

Untung rugi dibahagi antara Aina dan Aini mengikut nisbah 1:2.
Hitungkan untung atau rugi realisasi Aina.
A Rugi RM 6 200
B Rugi RM 12 400
C Untung RM 6 200
D Untung RM 12 400

31. Maklumat yang berikut diberikan oleh sebuah perniagaan perkongsian.

> Perniagaan Abu dan Abi mempunyai jumlah aset RM 76 000 dan jumlah liabiliti RM 8 400. Dalam proses realisasi, semua aset tersebut direalis sebanyak RM 64 000 dan liabiliti dijelaskan sepenuhnya. Belanja realisasi berjumlah RM250.
>
> Berdasarkan ikatan perjanjian perkongsian, Perniagaan Abu dan Abi bersetuju untuk membahagikan untung atau rugi masing-masing mengikut nisbah 2:3.

Hitung untung atau rugi realisasi bagi pekongsi Abi.
A Rugi RM 7 350
B Untung RM 7 350
C Rugi RM 4 900
D Untung RM 4 900

32. Syarikat Tiong Berhad memberikan maklumat berkaitan terbitan syer pada tahun 2021.

| Tarikh | Perkara |
|---|---|
| 1 Jan 2021 | Menerbitkan syer biasa sebanyak 1 500 000 unit pada harga RM1 sesyer |
| 30 Jun 2021 | Menerbitkan syer biasa sebanyak 3 000 000 unit pada harga RM0.80 sesyer |

Semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh.
Berapakah jumlah modal diterbitkan dan berbayar penuh sehingga 31 Disember 2021?

A RM 1 500 000
B RM 2 400 000
C RM 3 900 000
D RM 4 500 000

33. Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Ting Berhad pada 31 Disember 2021.

| |
|---|
| **Modal diterbitkan dan berbayar penuh**<br>2 000 000 unit 10% syer keutamaan bernilai RM2.00 sesyer |

Pada 1 Jun 2021, Lembaga pengarah telah membayar dividen interim bagi pemegang syer keutamaan.
Berapakah dividen akhir syer keutamaan yang akan dibayar oleh Syarikat Ting Berhad?

A RM 166 667
B RM 200 000
C RM 233 333
D RM 400 000

34. Pada 6 Januari 2021, modal syer Syarikat Halifa Bhd. adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| **Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh:** | |
| 2 500 000 unit 10% Syer Keutamaan | RM 2 500 000 |
| 1 000 000 unit Syer Biasa | RM 1 000 000 |

Keuntungan syarikat bagi empat tahun adalah seperti berikut:

| Tahun | Keuntungan | Pembayaran Dividen 10% Syer Keutamaan | Pembayaran Dividen Syer Biasa |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| 2018 | 320 000 | 250 000 | 70 000 |
| 2019 | 250 000 | 250 000 | 0 |
| 2020 | - | 0 | 0 |
| 2021 | 500 000 | R | S |

Berapakah nilai **R** ?

A RM 50 000
B RM 250 000
C RM 450 000
D RM 500 000

35. Maklumat yuran di bawah ini diperoleh daripada buku-buku Persatuan Seni Silat Putra Taman Setia.

| | **1 Januari 2021 RM** | **31 Disember 2021 RM** |
|---|---|---|
| Yuran belum terima | 80 | 140 |
| Yuran belum terperoleh | | 100 |

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2021, persatuan ini telah menerima yuran berjumlah RM 2 800 daripada ahli-ahlinya.
Hitung pendapatan yuran bagi tahun 2021.

A RM 2 640
B RM 2 680
C RM 2 760
D RM 2 840

36. Kelab Golf Sanwei Resort mempunyai 50 orang ahli. Setiap ahli dikenakan yuran tahunan sebanyak RM 3 000. Yuran yang telah diterima bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 ialah RM 135 000 termasuk yuran untuk 3 orang ahli bagi tahun 2022.
Berapakah yuran belum terima pada 31 Disember 2021?

A RM 6 000
B RM 9 000
C RM 15 000
D RM 24 000

37. Butir-butir berikut diperoleh daripada buku-buku akaun Kelab Pencinta Alam Taman Kinta yang mengusahakan restoran untuk menambahkan dana kelab.

| | RM |
|---|---|
| Jualan restoran | 18 460 |
| Belian restoran | 12 300 |
| Inventori awal restoran | 4 720 |
| Inventori akhir restoran | 3 740 |
| Upah pekerja restoran | 4 560 |

Berapakah untung restoran kelab tersebut?

A RM 620
B RM 580
C RM 1 600
D RM 2 580

38. Maklumat yang berikut diambil daripada Kilang Haniza yang mengeluarkan selipar yang dijual pada harga RM 8 seunit.

| | **RM** |
|---|---|
| Buruh langsung seunit | 3 |
| Buruh langsung seunit | 2 |
| Sewa kilang | 12 000 |
| Kadar bayaran | 3 000 |

Sekiranya kilang itu mensasarkan keuntungan sebanyak RM 3 000, berapakah jumlah selipar yang perlu dikeluarkan?

A 3 000 unit
B 4 000 unit
C 5 000 unit
D 6 000 unit

39. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh firma pengeluaran yang ingin mengurangkan titik pulang modal?

I Menambahkan kos tetap
II Meningkatkan harga jualan seunit
III Mengurangkan kos berubah seunit
IV Mengurangkan margin sumbangan seunit

A I dan II
B II dan III
C II dan IV
D III dan IV

40. Maklumat yang berikut diperoleh daripada Perkilangan Maju, sebuah firma yang mengeluarkan pakaian sukan.

| | **RM** |
|---|---|
| Kos prima | 100 000 |
| Kos overhed | 34 000 |
| Kerja dalam proses awal | 7 200 |
| Kerja dalam proses akhir | 2 400 |

Hitung jumlah kos pengeluaran firma tersebut?

A RM 75 600
B RM 100 000
C RM 134 000
D RM 138 800

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

## PRINSIP PERAKAUNAN

## 3756/2

## Aras Tinggi

**Kertas 2**

**2 1/2 jam**

**Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B.**
3. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
4. **Tunjukkan kerja mengira.** Ini membantu anda mendapatkan markah.
5. Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

## Bahagian A

[60 markah]

*Jawab* **semua** *soalan.*

1. (a) Baca petikan akhbar yang berikut:

> KUCHING, 6 JUN 2021, seorang akauntan Syarikat Barnie Sdn Bhd, Cik Marie telah didapati bersalah atas tuduhan pecah amanah yang melibatkan RM2 juta melalui perbicaraan di Mahkamah Tinggi pada petang hari ini.
>
> Sumber: Diubahsuai daripada *Berita Harian*, 7 Jun 2021

Berdasarkan petikan akhbar di atas, nyatakan dua kod etika yang patut dipatuhi oleh individu berkenaan.

[2 markah]

(b) Bezakan sumber modal bagi setiap jenis milikan perniagaan berikut:

POS MALAYSIA

KOPERASI TENTERA

[2 markah]

(c) Apakah perbezaan antara Aset Bukan Semasa dan Aset Semasa.

[2 markah]

(d) Maklumat berikut menunjukkan kaedah pengiraan susut nilai.

- Penilaian semula
- Garis lurus
- Baki berkurangan

Kemukakan faktor-faktor yang perlu diambil kira oleh sesebuah perniagaan supaya dapat memilih kaedah pengiraan susut nilai yang sesuai untuk perniagaannya.

[2 markah]

(e) Imbangan duga yang seimbang tidak semestinya betul. Bincangkan.

[2 markah]

2. Encik Firdaus tidak mengamalkan sistem catatan bergu dalam penyediaan rekod perakaunannya. Baki-baki aset dan liabiliti perniagaannya adalah seperti berikut:

| | **1 Julai 2020 (RM)** | **30 Jun 2021 (RM)** |
|---|---|---|
| Modal | 23 070 | **?** |
| Kenderaan (harga kos) | 40 000 | **?** |
| Susut Nilai Terkumpul Kenderaan | 12 000 | **?** |
| Inventori | 3 000 | 3 200 |
| Akaun Belum Terima | 9 200 | 9 450 |
| Akaun Belum Bayar | 5 100 | 6 300 |
| Tunai | 450 | 450 |
| Bank | 4 500 | 16 740 |
| Promosi Belum Bayar | 2 050 | - |
| Kadar Bayaran Prabayar | - | 1 800 |
| Inventori Alat Tulis | 70 | 40 |
| Pinjaman | 15 000 | **?** |

Ringkasan Buku Tunai perniagaan yang berakhir 30 Jun 2021 adalah seperti berikut:

| | **Bank (RM)** | **Tunai (RM)** |
|---|---|---|
| **Penerimaan :** | | |
| Jualan | - | 9 650 |
| Akaun Belum Terima | 85 200 | - |
| Tunai (Kontra) | **?** | - |
| **Pembayaran :** | | |
| Belian | - | 750 |
| Promosi | 3 000 | 250 |
| Akaun Belum Bayar | 63 900 | - |
| Ambilan | 2 500 | 460 |
| Bank (Kontra) | - | **?** |
| Alat Tulis | 120 | 30 |
| Kadar Bayaran | 4 000 | - |
| Pinjaman | 2 600 | - |
| Deposit Van | 5 000 | - |

**Maklumat tambahan:**

(i) Faedah atas pinjaman dikenakan sebanyak 8% setahun.

(ii) Ambilan barang niaga sepanjang tahun berjumlah RM 180 sebulan.

(iii) Pulangan jualan oleh pelanggan bernilai RM 1 200 belum direkodkan dalam buku perniagaan.

(iv) Setiap tahun, En Firdaus menganggarkan sebanyak 30% daripada Akaun Belum Terima tidak dapat dikutip.

(v) En. Firdaus telah menyumbangkan barang niaga bernilai RM 350 kepada Rumah Anak Yatim Yayasan pada 25 Jun 2021. Urus niaga ini tidak dicatatkan dalam mana-mana buku.

(vi) Pada 29 Jun 2021, pemilik telah membeli van terpakai secara kredit dari Zamri Motor Sdn Bhd bernilai RM 30 000. Wang pendahuluan sebanyak RM 5 000 telah dibayar dan bakinya akan dijelaskan dalam tempoh 5 tahun. Beliau telah menetapkan kenderaan disusutnilaikan pada kadar 30% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

**Anda dikehendaki :**

(a) menghitung jumlah tunai yang dimasukkan ke dalam bank (kontra) [1 markah]

(b) menyediakan Akaun Belum Terima [3 markah]

(c) menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2021 [12 markah]

(d) menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2021 [9 markah]

3. Cik Kiah, pemilik tunggal Kedai Runcit Kiah yang telah beroperasi sejak beberapa tahun dahulu. Berikut adalah imbangan duga perniagaannya pada 31 Julai 2021.

| | Debit (RM) | Kredit (RM) |
|---|---|---|
| Peralatan (kos) | 50 000 | |
| Kenderaan (kos) | 80 000 | |
| Pada 1 Ogos 2020: | | |
| Susut nilai terkumpul peralatan | | 12 000 |
| Inventori | 21 500 | |
| Peruntukan hutang ragu | | 500 |
| Modal | | 86 387 |
| Akaun belum terima dan Akaun belum bayar | 28 600 | 19 645 |
| Bank | 5 764 | |
| Pinjaman CIMB | | 10 000 |
| Pinjaman Maybank | | 6 000 |
| Ambilan | 12 000 | |
| Belian dan jualan | 118 040 | 254 650 |
| Pulangan | 2 471 | 3 830 |
| Angkutan belian | 1 150 | |
| Sewa | 9 600 | |
| Komisen | | 9 160 |
| Hutang lapuk | 1 247 | |
| Gaji | 68 450 | |
| Faedah pinjaman | 1 350 | |
| Belanja am | 2 000 | |
| | 402 172 | 402 172 |

**Maklumat tambahan:**

(i) Pada 31 Julai 2021, penilaian inventori akhir ialah RM 23 000 pada nilai kos dan RM 51 080 pada nilai pasaran.

(ii) Kenderaan telah dibeli pada 1 November 2020.

(iii) Penggiraan susut nilai:
   a. Peralatan – 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan
   b. Kenderaan – 15% setahun mengikut kaedah garis lurus

(iv) Seorang pelanggan telah muflis dan akaunnya berjumlah RM 300 hendaklah dihapuskan.

(v) Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 3% atas Akaun Belum Terima bersih.

(vi) Sewa dibayar setiap suku tahun. Sewa dibayar adalah termasuk RM 2 400 bagi suku tahun yang berakhir 30 September 2021.

(vii) Pinjaman:

| Jenis pinjaman | Kadar faedah | Mula | Tamat |
|---|---|---|---|
| Pinjaman CIMB | 12% setahun | 1 April 2019 | 31 Mac 2022 |
| Pinjaman Maybank | 10% setahun | 1 Januari 2020 | 31 Disember 2022 |

(viii) Maklumat komisen:

| Penerimaan | Pendapatan |
|---|---|
| RM 9 160 | RM 9 940 |

(ix) Angkutan keluar RM 420 telah direkod sebagai angkutan belian.

**Anda dikehendaki menyediakan:.**

(a) Akaun Susut Nilai Terkumpul Peralatan [2 markah]

(b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi pada 31 Julai 2021 [12 markah]

(c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2021 [11 markah]

## Bahagian B

[40 markah]

*Jawab mana-mana* **dua** *soalan sahaja.*

4(a). Perniagaan Danish dan Perniagaan Jonah adalah dua buah perniagaan yang menjual barangan elektrik.

Berikut ialah maklumat kewangan perniagaan tersebut pada 31 Mei 2021.

**Perniagaan Danish**

| | RM |
|---|---|
| Modal 1 Jun 2020 | 420 000 |
| Jualan | 1 550 000 |
| Inventori purata | 122 600 |
| Untung Kasar | 225 000 |
| Akaun Belum Terima | 81 800 |
| Akaun Belum Bayar | 75 520 |
| Pelbagai Belanja | 75 000 |

**Perniagaan Jonah**

| | |
|---|---|
| Kadar pusing ganti inventori | 12 kali |
| Pulangan atas modal | 29.81% |

**Anda dikehendaki :**

(i) menghitung perkara yang berikut bagi Perniagaan Danish :

(a) Tokokan [2 markah]

(b) Pulangan atas modal [2 markah]

(c) Kadar pusing ganti inventori [2 markah]

(ii) Pada pandangan anda, perniagaan yang manakah lebih cekap menguruskan inventori?
Berikan justifikasi anda [2 markah]

(iii) Jika anda seorang pelabur, perniagaan manakah yang akan anda pilih?
Beri alasan anda. [2 markah]

4(b). Maklumat berikut berkaitan Perniagaan Glory yang menghasilkan produk kesihatan berasaskan buah-buahan.

| | **Tahun 2020** | **Tahun 2021** |
|---|---|---|
| Unit jualan | 70 000 | 75 000 |
| Jumlah hasil | RM 210 000 | RM 225 000 |
| Jumlah kos | RM 175 000 | RM 185 000 |

Harga jualan seunit, kos berubah dan kos tetap pada dua tahun tersebut adalah malar.

**Anda dikehendaki menghitung:**

(i) Kos berubah seunit [2 markah]

(ii) Kos tetap [2 markah]

(iii) Harga jualan seunit [2 markah]

(iv) Titik pulang modal [2 markah]

(v) Jika Perniagaan Glory bercadang membelanjakan RM 25 000 untuk promosi dengan tujuan untuk mendapat keuntungan sebanyak RM 50 000.
Pada tahun 2022, berapakah unit yang perlu dijual? [2 markah]

5. Aimi dan Mimi adalah rakan kongsi Perkongsian AIMI yang beroperasi di Bandar Baru Semariang, Kuching, Sarawak. Berikut adalah Imbangan Duga perniagaan pada 31 Disember 2021.

| | Debit RM | Kredit RM |
|---|---|---|
| Premis | 95 000 | |
| Kenderaan | 60 000 | |
| Akaun Belum Terima | 15 400 | |
| Akaun Belum Bayar | | 5 500 |
| Inventori pada 1 Januari 2021 | 20 000 | |
| Bank | 15 000 | |
| Tunai | 2 000 | |
| Pinjaman dari Mimi | | 20 000 |
| Modal (1 Januari 2021) | | |
| Aimi | | 50 000 |
| Mimi | | 100 000 |
| Akaun Semasa (1 Januari 2021) | | |
| Aimi | 2 000 | |
| Mimi | | 3 500 |
| Peruntukan Hutang Ragu | | 300 |
| Ambilan : | | |
| Aimi (1 Januari 2021) | 10 000 | |
| (30 Jun 2021) | 5 000 | |
| Gaji : | | |
| Aimi | 2 500 | |
| Mimi | 3 000 | |
| Untung bersih sebelum pelarasan | | 50 600 |
| | **229 900** | **229 900** |

**Maklumat tambahan :**

(a) Pelarasan yag perlu diambilkira
   (i) Insurans prabayar RM 1 500
   (ii) Promosi belum bayar RM 2 000
   (iii) Faedah atas pinjaman belum bayar
   (iv) Seorang Akaun Belum Terima tidak dapat dikesan dan hutangnya bernilai RM 800 dihapuskira
   (v) Komisen belum terima RM 300
   (vi) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 3% atas baki Akaun Belum Terima

(b) Ikatan Perkongsian telah menetapkan perkara berikut:
   (i) Faedah atas modal 5% setahun
   (ii) Faedah atas ambilan 4% setahun
   (iii) Gaji bulanan pekongsi Aimi RM 800 dan Mimi RM 1 000
   (iv) Faedah atas pinjaman 8% setahun
   (v) Untung rugi dibahagi mengikut nisbah modal.

**Anda dikehendaki :**

(a) Menghitung untung bersih selepas mengambil kira pelarasan.
[7 markah]

(b) Menyediakan Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.
[5 markah]

(c) Menyediakan Akaun Semasa pekongsi (beruangan).
[6 markah]

(d) Menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 (Bahagian Ekuiti Pemilik sahaja).
[2 markah]

6(a). Maklumat berikut diambil dari buku Perniagaan Ameera.

| Tahun | Akaun Belum Terima (RM) |
|---|---|
| 2020 | 55 000 |
| 2021 | 48 000 |

**Maklumat tambahan:**

(i) Tempoh perakaunan berakhir 31 Disember setiap tahun.

(ii) Pada tahun 2021, Encik Abu seorang pelanggan telah diisytiharkan muflis dan hutangnya sebanyak RM 1 100 dianggap sebagai hutang lapuk.

(iii) Peruntukan hutang ragu hendaklah diselaraskan pada kadar 5% setahun.

**Anda dikehendaki:**

(i) menghitung Peruntukan Hutang Ragu bagi tahun 2020 dan 2021. [2 markah]

(ii) menyediakan Akaun Hutang Lapuk. [1 markah]

(iii) menyediakan Akaun Peruntukan Hutang Ragu bagi tahun 2020 dan 2021. [3 markah]

(iv) menyediakan Petikan Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. [2 markah]

(v) menyediakan Petikan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021. [2 markah]

6(b). Berikut merupakan ringkasan Buku Tunai Perniagaan Zaki bagi bulan berakhir 30 April 2021.

| | RM |
|---|---|
| Baki 1 April 2021 | 7 200 |
| Jumlah penerimaan | 30 600 |
| | |
| Jumlah pembayaran | 15 500 |
| Baki 30 April 2021 | **?** |

Penyata bank yang diterima pada 30 April menunjukkkan baki yang berbeza.

(i) Deposit cek berjumlah RM 2 360 pada 30 April belum dikreditkan oleh bank.

(ii) Sekeping cek bernilai RM 1 890 yang dibayar kepada Syarikat Aiman telah dicatatkan dalam buku tunai sebagai RM1 800.

(iii) Bank telah membayar ansuran van sebanyak RM1 080 dan premium insurans sebanyak RM 450 bagi pihak perniagaan menggunakan perkhidmatan perintah sedia ada.

(iv) Dua keping cek yang belum ditunaikan :

| | |
|---|---|
| Perniagaan Armand (No Cek: 127868) | RM 2 300 |
| Belian (No Cek: 127870) | RM 1 200 |

(v) Bayaran perkhidmatan bank sebanyak RM150 yang ditunjukkan dalam penyata bank belum direkodkan dalam buku tunai.

(vi) Dividen berjumlah RM 1 980 diterima terus oleh bank bagi pihak Perniagaan Zaki belum direkodkan lagi di dalam Buku Tunai.

**Anda dikehendaki menyediakan** Penyata Penyesuaian Bank dengan mengemaskinikan Buku Tunai.

[10 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**PERATURAN PERMARKAHAN**

**ARAS TINGGI**

**PRINSIP PERAKAUNAN KERTAS 1**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1 | D | 21 | B |
| 2 | D | 22 | B |
| 3 | B | 23 | A |
| 4 | A | 24 | D |
| 5 | C | 25 | C |
| 6 | B | 26 | A |
| 7 | D | 27 | C |
| 8 | C | 28 | C |
| 9 | A | 29 | B |
| 10 | D | 30 | A |
| 11 | C | 31 | A |
| 12 | D | 32 | C |
| 13 | A | 33 | C |
| 14 | A | 34 | D |
| 15 | A | 35 | C |
| 16 | A | 36 | D |
| 17 | C | 37 | A |
| 18 | D | 38 | D |
| 19 | B | 39 | B |
| 20 | C | 40 | D |

# PERATURAN PERMARKAHAN
# ARAS TINGGI
# PRINSIP PERAKAUNAN KERTAS 2

1. (a) Integriti **1**
Profesionalisme / Sifat professional / Profesional **1**

[2 markah]

(b)

| | Koperasi | | Syarikat Awam Berhad | |
|---|---|---|---|---|
| Sumber modal | Modal dikumpul daripada anggota melalui penerimaan fi masuk dan jualan saham | **1** | Modal dikumpul daripada pemegang saham melalui terbitan saham dan langganan saham | **1** |

[2 markah]

(c)

| Aset bukan semasa | | Aset semasa | |
|---|---|---|---|
| Aset perniagaan yang mempunyai tempoh hayat penggunaan melebihi setahun kewangan dan tahap kecairannya rendah. | **1** | Aset perniagaan yang mempunyai tempoh hayat penggunaan kurang daripada setahun kewangan dan tahap kecairannya tinggi | **1** |

[2 markah]

(d) - Jangka masa penggunaan aset perniagaan **1**
- Corak penggunaan aset **1**
- Manfaat yang akan diperoleh bagi perniagaan tersebut **1**
- Menggunakan prinsip ketekalan supaya perbandingan antara tempoh perakaunan syarikat dan perbandingan antara syarikat dapat dibuat **1**

[*mana-mana 2 markah]

(e) - Ketinggalan catatan urus niaga **1**
- Kesilapan komisen **1**
- Kesilapan saling mengimbangi **1**
- Kesilapan prinsip **1**
- Kesilapan amaun **1**
- Kesilapan terbalik atau songsang **1**

[*mana-mana 2 markah]

2(a) RM 8160 **1**

***Jalan Kerja:**
**Dari tunai**
= [(Baki b/b tunai + Penerimaan tunai) – (Pembayaran tunai + kontra + Baki h/b tunai)]
= [(RM 450 + RM 9 650) – (RM 750 + RM 250 + RM 460 + RM 30 + kontra + RM 450)]
= RM10 100 – RM1 940 – kontra
Kontra = RM10 100 – RM1 940
= RM 8 160

**atau**

**Dari Bank**
= [(Baki b/b bank + Penerimaan bank + kontra) – (Pembayaran bank + Baki h/b bank)]
= [(RM 4 500 + RM 85 200 + kontra) – (RM 3 000 + RM 63 900 + RM 2 500 + RM 120 + RM 4 000 + RM 2 600 + RM 5 000 + RM16 740)]
= (RM 89 700 + kontra) – RM 97 860
Kontra = RM 97 860 – RM 89 700
= RM 8 160

[1 markah]

(b)

Akaun Belum Terima

| | | RM | | | | RM | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2020 | | | | 2021 | | | |
| Jul 1 | Baki b/b | 9 200 | | Jun 30 | Bank | 85 200 | |
| 2021 | | | | | Pulangan Jualan | 1 200 | 1 |
| Jun 30 | Jualan | 85 450 | 1 | | Baki h/b (9 450 – 1 200) | 8 250 | 1 |
| | | 94 650 | | | | 94 650 | |
| 2021 | | | | | | | |
| Jul 1 | Baki b/b | 8 250 | | | | | |

[3 markah]

(c)

**Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2021**

| | RM | RM | |
|---|---|---|---|
| Jualan (85 450 + 9 650) | | 95 100 | |
| Tolak: Pulangan Jualan | | (1 200) | |
| Jualan Bersih | | 93 900 | 1 |
| **Tolak: Kos Jualan** | | | |
| Inventori awal | 3 000 | | |
| Belian (65 100 + 750 - 2 160 - 350) | 63 340 | | 1 |
| Kos barang untuk dijual | 66 340 | | |
| Tolak: Inventori akhir | (3 200) | | |
| Kos Jualan | | (63 140) | 1w |
| Untung kasar | | 30 760 | 1w |
| **Tolak: Belanja** | | | |
| Promosi (3 000 + 250 - 2 050) | 1 200 | | 1 |
| Alat tulis (70 + 150 - 40) | 180 | | 1 |
| Kadar bayaran (4 000 - 1 800) | 2 200 | | 1 |
| Susut nilai kenderaan [(40000 - 12 000) x 30% | 8 400 | | 1 |
| Faedah pinjaman (15 000 x 8%) | 1 200 | | 1 |
| Derma | 350 | | 1 |
| Hutang ragu (8 250 x 30%) | 2 475 | | 1 |
| | | (16 005) | |
| Untung bersih | | 14 775 | 1w |

[12 markah]

(d)

**Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2021**

| | Kos<br>RM | Susut Nilai Terkumpul<br>RM | Nilai buku<br>RM | |
|---|---|---|---|---|
| **Aset Bukan Semasa** | | | | |
| Kenderaan | 70 000 | (20 400) | 49 600 | 1 |
| | | | | |
| **Aset Semasa** | | | | |
| Inventori | | 3 200 | | |
| Akaun Belum Terima | 8 250 | | | |
| Tolak:Peruntukan Hutang Ragu | (2 475) | | | |
| | | 5 775 | | 1 |
| Tunai | | 450 | | |
| Bank | | 16 740 | | |
| Kadar bayaran prabayar | | 1 800 | | |
| Inventori alat tulis | | 40 | | |
| | | 28 005 | | |
| **Tolak: Liabiliti Semasa** | | | | |
| Akaun Belum Bayar | 6 300 | | | |
| Faedah pinjaman belum bayar | 1 200 | | | 1 |
| | | (7 500) | | 1 |
| **Modal kerja** | | | 20 505 | 1w |
| | | | **70 105** | |
| | | | | |
| **Ekuiti Pemilik** | | | | |
| Modal Awal | | | 23 070 | |
| Tambah: Untung Bersih | | | 14 755 | 1 |
| | | | 37 825 | |
| Tolak:Ambilan [(180 x 12) + 2500 + 460] | | | (5 120) | 1 |
| | | | 32 705 | |
| | | | | |
| **Liabiliti Bukan Semasa** | | | | |
| Pinjaman (15 000 - 2 600) | | 12 400 | | 1 |
| Akaun Belum Bayar: Zamri Motor Sdn Bhd | | 25 000 | | 1 |
| | | | 37 400 | |
| | | | **70 105** | |

[9 markah]

3(a) Akaun Susut Nilai Terkumpul Peralatan

| Tarikh | Butir | Amaun ( RM ) | Tarikh | Butir | Amaun ( RM ) |
|---|---|---|---|---|---|
| 2021 | | | 2020 | | |
| Julai 31 | Baki h/b | 15 820 1 | Ogos 1 | Baki b/b | 12 000 |
| | | | 2021 | | |
| | | | Julai 31 | Susut nilai peralatan | 3 800 1 |
| | | 15 820 | | | 15 820 |
| | | | Ogos 1 | Baki b/b | 15 820 |

[2 markah]

(b) Kedai Runcit Kiah

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2021

| | RM | RM | RM | |
|---|---|---|---|---|
| Jualan | | 254 650 | | |
| Tolak: pulangan jualan | | (2 471) | | |
| Jualan bersih | | | 252 179 | 1 |
| | | | | |
| **Tolak kos jualan**: | | | | |
| Inventori awal | | 21 500 | | |
| Belian | 118 040 | | | |
| Tolak: pulangan belian | (3 830) | | | |
| | 114 210 | | | |
| Angkutan belian (1 150 – 420) | 730 | | | 1 |
| | | 114 940 | | |
| Kos barang untuk dijual | | 136 440 | | |
| Tolak: inventori akhir | | (23 000) | | |
| Kos jualan | | | (113 440) | 1w |
| Untung kasar | | | 138 739 | 1w |
| | | | | |
| **Tambah: Hasil** | | | | |
| Komisen | | | 9 940 | |
| | | | 148 679 | |
| | | | | |
| **Tolak: Belanja** | | | | |
| Sewa (9 600 – 1 600) | | 8 000 | | 1 |
| Hutang lapuk (1 247 + 300) | | 1 547 | | 1 |
| Gaji | | 68 450 | | |
| Faedah pinjaman (1 350 + 450) | | 1 800 | | 1 |
| Belanja am | | 2 000 | | |
| Susut nilai kenderaan (80 000 X 15% X 9/12) | | 9 000 | | 1 |
| Susut nilai peralatan [(50 000 – 12 000) X 10%] | | 3 800 | | 1 |
| Pertambahan hutang ragu | | 349 | | 1 |
| Angkutan keluar | | 420 | | 1 |
| | | | (95 366) | |
| Untung bersih | | | 53 313 | 1w |

[12 markah]

(c) Kedai Runcit Kiah

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2021

| | Kos<br>RM | Susut nilai terkumpul<br>RM | Nilai Buku<br>RM | |
|---|---|---|---|---|
| **Aset Bukan Semasa** | | | | |
| Peralatan | 50 000 | (15 800) | 34 200 | 1 |
| Kenderaan | 80 000 | (9 000) | 71 000 | 1 |
| | | | 105 200 | |
| **Aset Semasa** | | | | |
| Inventori akhir | | 23 000 | | |
| Akaun Belum Terima (28 600 – 300) | 28 300 | | | 1 |
| Tolak: Peruntukan hutang ragu (500 + 349) | (849) | | | |
| | | 27 451 | | 1 |
| Bank | | 5 764 | | |
| Sewa prabayar | | 1 600 | | 1 |
| Komisen belum terima | | 780 | | 1 |
| | | 58 595 | | |
| **Tolak: Liabiliti Semasa** | | | | |
| Pinjaman CIMB | 10 000 | | | 1 |
| Akaun belum bayar | 19 645 | | | |
| Faedah pinjaman belum bayar | 450 | | | 1 |
| | | (30 095) | | |
| Modal kerja | | | 28 500 | 1w |
| | | | 133 700 | |
| **Ekuiti Pemilik** | | | | |
| Modal | | 86 387 | | |
| Tambah: Untung bersih | | 53 313 | | 1of |
| | | 139 700 | | |
| Tolak: Ambilan | | (12 000) | | |
| Modal akhir | | | 127 700 | |
| **Liabiliti bukan semasa** | | | | |
| Pinjaman Maybank | | | 6 000 | 1 |
| | | | 133 700 | |

[11 markah]

4(a)(i) (a) Tokokan = $\frac{\text{Untung kasar}}{\text{Kos jualan}} \times 100$ **1**

**atau**

$= \frac{\text{RM 225 000}}{\text{RM 1 550 000 - RM 225 000}} \times 100$ **1**

**atau**

= 16.98% **2**

[2 markah]

(b) Pulangan atas modal = $\frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Modal Awal}} \times 100$ **1**

**atau**

$= \frac{\text{RM 225 000 - RM 75 000}}{\text{RM 420 000}} \times 100$ **1**

**atau**

= 35.71% **2**

[2 markah]

(c) Kadar Pusing Ganti Inventori = $\frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Inventori Purata}}$ **1**

**atau**

$= \frac{\text{RM 1 325 000}}{\text{RM 122 600}}$ **1**

**atau**

= 10.81 kali **2**

[2 markah]

(ii) Perniagaan Jonah lebih cekap mengurus inventori. Hal ini demikian kerana Kadar Pusing Ganti Inventori Perniagaan Jonah ialah 12 kali lebih tinggi berbanding Perniagaan Danish sebanyak 10.81 kali.

[2 markah]

(iii) Saya akan memilih Perniagaan Danish kerana Pulangan atas modal Perniagaan Danish (35.71%) lebih tinggi berbanding Perniagaan Jonah (29.81%).

[2 markah]

4(b)(i) Kos berubah seunit = $\frac{\text{Perubahan Jumlah Kos}}{\text{Perubahan Unit Jualan}}$

$= \frac{\text{RM 185 000 – RM 175 000}}{\text{RM 75 000 – RM 70 000}}$

= RM 2.00

[2 markah]

(ii) Kos Tetap = Jumlah Kos – Kos Berubah

= RM 175 000 – (RM 2 X 70 000 unit)

= RM 175 000 – RM 140 000

= RM 35 000

[2 markah]

(iii) Harga jualan seunit = $\frac{\text{Jumlah hasil}}{\text{Unit Jualan}}$

$= \frac{\text{RM 210 000}}{\text{RM 70 000}}$

= RM 3.00

[2 markah]

(iv) Titik Pulang Modal = $\frac{\text{Kos Tetap}}{\text{Margin Caruman Seunit}}$

$= \frac{\text{RM 35 000}}{\text{RM 3 – RM 2}}$

= 35 000 unit

[2 markah]

(v) Jumlah Pengeluaran = $\frac{\text{Kos Tetap + Untung Sasaran}}{\text{Margin Caruman Seunit}}$

$= \frac{\text{(RM 35 000 + RM 25 000) + RM 50 000}}{\text{RM 3 – RM 2}}$

= 110 000 unit

[2 markah]

5(a)

**Perkongsian AIMI**
**Penyata menyelaraskan untung bersih**

| | RM | | RM | |
|---|---|---|---|---|
| **Untung bersih sebelum pelarasan** | | | 50 601 | |
| **Tambah :** | | | | |
| Insurans Prabayar | 1 500 | 1 | | |
| Komisen Belum Terima | 300 | 1 | | |
| | | | 1 800 | |
| | | | 52 401 | |
| **Tolak :** | | | | |
| Promosi Belum Bayar | 2 000 | 1 | | |
| Faedah Atas Pinjaman Belum Bayar (RM 20 000 x 8%) | 1 600 | 1 | | |
| Hutang Lapuk | 800 | 1 | | |
| Hutang Ragu [(RM 14 600 x 3%) - RM 300] | 138 | 1 | | |
| | | | (4 538) | |
| **Untung bersih selepas pelarasan** | | | **47 863** | 1of |

[7 markah]

(b)

**Perkongsian AIMI**
**Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakir 31 Disember 2021**

| | RM | RM | RM | |
|---|---|---|---|---|
| Untung Bersih | | | 47 863 | 1of |
| Tambah : Faedah Atas Ambilan [1] | | | 500 | 1 |
| | | | 48 363 | |
| Tolak : Faedah Atas Modal [2] | | 7 500 | | 1 |
| Gaji [3] | | 21 600 | | 1 |
| | | | (29 100) | |
| | | | 19 263 | |
| Akaun Semasa: [4] | | | | |
| Aimi | | 6 421 | | |
| Mimi | | 12 842 | | |
| | | | (19 263) | 1of |
| | | | 0 | |

[5 markah]

**Nota**:

1. Faedah atas ambilan:
   Aimi = (RM 10 000 X 4%) + (RM 5 000 X 4% X 6/12) = RM 500

2. Faedah atas modal:
   Aimi = RM 50 000 x 5% = RM 2 500
   Mimi = RM 100 000 X 5% = RM 5 000

   RM 2 500 + RM 5 000 = RM 7 500

3. Gaji:
   Aimi = RM 800 X 12 = RM 9 600
   Mimi = RM 1 000 X 12 = RM 12 000

   RM 9 600 + RM 12 000 = RM 21 600

4. Akaun Semasa:
   Aimi = RM 19 263 X 1/3 = RM 6 421
   Mimi = RM 19 263 X 2/3 = RM 12 842

(c)

**Akaun Semasa**

| **Tarikh** | | **Aimi** | **Mimi** | **Tarikh** | | **Aimi** | **Mimi** | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | **RM** | **RM** | | | **RM** | **RM** | |
| 2021 | | | | 2021 | | | | |
| Jan 1 | Baki b/b | 2 000 | | Jan 1 | Baki b/b | | 3 500 | 1fb |
| Dis 31 | Ambilan | 15 000 | | Dis 31 | Faedah Atas Modal | 2 500 | 5 000 | 1fa |
| | Faedah Atas Ambilan | 500 | | | Faedah Atas Pinjaman | | 1 600 | 1 |
| | | | | | Gaji | 7 100 | 9 000 | 1fb |
| | | | | | Akaun Pengasingan Untung Rugi | 6 421 | 12 842 | 1fb |
| | Baki h/b | | 31 942 | | Baki h/b | 1 479 | | |
| | | 17 500 | 31 942 | | | 17 500 | 31 942 | 1fa |
| 2022 | | | | 2022 | | | | |
| Jan 1 | Baki b/b | 1 479 | | Jan 1 | Baki b/b | | 31 942 | |

[6 markah]

(d)

**Perkongsian AIMI**
**Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020**

| | RM | RM | |
|---|---|---|---|
| **Ekuiti Pemilik** | | | |
| **Akaun Modal** | | | |
| Aimi | 50 000 | | 1fb |
| Mimi | 100 000 | | |
| | | **150 000** | |
| **Akaun Semasa** | | | |
| Aimi | (1 479) | | (1offb) |
| Mimi | 31 942 | | rujuk baki akhir akaun semasa |
| | | **30 463** | |
| | | **180 463** | |

[2 markah]

6(a).
(i)

| 2020 | 2021 |
|---|---|
| PHR = RM 55 000 X 5%<br>= RM 2 750 **1** | PHR = (RM 48 000 – RM 1 100) X 5%<br>= RM 2 345 **1** |

[2 markah]

(ii) Akaun Hutang Lapuk

| Tarikh | Butir | | Jumlah | Tarikh | Butir | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 2021 | | | RM | 2021 | | RM |
| Dis 31 | Akaun Belum Terima : Abu | 1 | 1 100 | Dis 31 | Akaun Untung Rugi | 1 100 |
| | | | 1 100 | | | 1 100 |

[1 markah]

(iii) Akaun Peruntukan Hutang Ragu

| Tarikh | Butir | Jumlah | | Tarikh | Butir | Jumlah | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2020 | | RM | | 2020 | | RM | |
| Dis 31 | Baki h/b | 2 750 | | Dis 31 | Akaun Untung Rugi | 2 750 | 1 |
| | | **2 750** | | | | **2 750** | |
| 2021 | | | | 2021 | | | |
| Dis 31 | Akaun Untung Rugi | 405 | 1 | Jan 1 | Baki b/b | 2 750 | |
| | Baki h/b | 2 345* | | | | | |
| | | **2 750** | | | | **2 750** | |
| | | | | 2022 | | | |
| | | | | Jan 1 | Baki b/b | 2 345* | 1fb |

[3 markah]

(iv) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 (Petikan)

| | RM | | | RM | |
|---|---|---|---|---|---|
| Hutang Lapuk | 1 100 | 1 | Pengurangan Peruntukan Hurang Ragu | 405 | 1 |

[2 markah]

(v) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 (Petikan)

| | RM | |
|---|---|---|
| **Aset Semasa** | | |
| Akaun Belum Terima | 46 900 | 1 |
| Tolak: Peruntukan Hutang ragu | (2 345) | 1 |
| | **44 555** | |

[2 markah]

6(b).

**Buku Tunai**

| Tarikh | Butir | RM | | Tarikh | Butir | RM | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2021 | | | | 2021 | | | |
| April 30 | Baki b/b | 22 300 | 1 | April 30 | Syarikat Aiman | 90 | 1 |
| | Dividen | 1 980 | 1 | | Ansuran Van | 1 080 | 1fb |
| | | | | | Insurans | 450 | |
| | | | | | Perkhidmatan Bank | 150 | 1 |
| | | | | | Baki h/b | 22 510* | |
| | | 24 280 | | | | 24  280 | |
| Mei 1 | Baki b/b | 22 510* | 1fb | | | | |

[6 markah]

**Perniagaan Zaki**
**Penyata Penyesuaian Bank pada 30 April 2021**

| | RM | RM | |
|---|---|---|---|
| Baki **Debit** Buku Tunai | | 22 510 | 1of+w |
| Tambah : Cek yang belum dikemukakan | | | |
| Perniagaan Armand (No Cek: 127868) | 2 300 | | 1fb |
| Belian (No Cek: 127870) | 1 200 | | |
| | | 3 500 | |
| | | 26 010 | |
| Tolak : Deposit belum dikreditkan | | (2 360) | 1 |
| Baki **Kredit** di Penyata Bank | | 23 650 | 1w |

[4 markah]

Catatan :

1 fb: Baki h/b dan baki b/b tepat

1 of rujuk baki b/b di buku tunai dikemaskini

**SKEMA PERMARKAHAN TAMAT**

# JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)

## ARAS TINGGI

## PRINSIP PERAKAUNAN KERTAS 1

| TAJUK / KONSTRUK | | | BAHAGIAN A | | | | | | | | | ARAS SOALAN | JUMLAH | JUMLAH MARKAH | BAHAGIAN B | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | PENGETAHUAN | | | | | | | | | | | | KEMAHIRAN | | | | |
| | | | P01 | P02 | P03 | P04 | P05 | P06 | P07 | P08 | P09 | | | | C01 | A01 | N01 | V01 | T01 |
| **1** | **Pengenalan Kepada Perakaunan** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 1.1 | Perakaunan, sub bidang perakaunan, kerjaya dan badan profesional | | | | | | | | | | T | 1 | 1 | / | | | | |
| | 1.3 | Penyata Kewangan | | | | | | | | | | T | 1 | 1 | | | / | | |
| | 1.5 | Entiti perniagaan | | | | | | | | | / | T | 1 | 1 | | | | | |
| **2** | **Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 2.3 | Persamaan Perakaunan | | | | | | / | | | / | T | 2 | 2 | | | | | |
| **3** | **Dokumen Perniagaan sebagai Sumber Maklumat** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 3.2 | Dokumen Sumber | | | | | | | | / | | T | 2 | 2 | | | | / | |
| **4** | **Buku Catatan Pertama** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 4.2 | Jurnal Am | | | | | | | | | | T | 1 | 1 | | / | | | |
| | 4.4 | Buku Tunai | | | | | | | | | | T | 1 | 1 | | / | | | |
| | 4.5 | Buku Tunai Runcit | | / | | | | | | | | T | 1 | 1 | | | | | |
| **5** | **Lejar** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 5.2 | Sistem Catatan Bergu | | | | | | | | | | T | 1 | 1 | / | | | | |
| | 5.3 | Akaun Kawalan | | | | | | | | | | T | 1 | 1 | | / | | | |

| TAJUK / KONSTRUK | | | BAHAGIAN A PENGETAHUAN | | | | | | | | | ARAS SOALAN | JUMLAH | JUMLAH MARKAH | BAHAGIAN B KEMAHIRAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | P01 | P02 | P03 | P04 | P05 | P06 | P07 | P08 | P09 | | | | C01 | A01 | N01 | V01 | T01 |
| **6** | **Imbangan Duga** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 6.2 | Hubungan antara Imbangan Duga, Inventori Akhir dan Penyata Kewangan | | | | | | | | | | T | 1 | 1 | | / | | | |
| | **Penyata Kewangan Milikan Tunggal Tanpa Pelarasan** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 7.1 | Akaun Perdagangan dan Untung Rugi (bentuk "T" dan format penyata) | | | | | | | | | / | T | 1 | 1 | | | | | |
| | 7.3 | Penutupan akaun hasil, akaun belanja dan akaun inventori pada akhir tempoh kewangan | | / | | | | | | | | T | 1 | 1 | | | | | |
| **8** | **Pelarasan pada Tarikh Imbangan dan Penyediaan Penyata Kewangan Milikan Tunggal** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 8.2 | Pelarasan akaun nominal | | | | | | | | | | T | 1 | 1 | | / | | | |
| | 8.3 | Hutang Lapuk, Hutang Lapuk Terpulih dan Peruntukan Hutang Ragu | | | | | | | | | | T | 1 | 1 | | / | | | |
| | 8.4 | Susut Nilai dan Susut Nilai Terkumpul | | | | | | | | | | T | 1 | 1 | | / | | | |
| | 8.5 | Pelupusan Aset Bukan Semasa secara tunai | | | | | | | | | | T | 1 | 1 | | / | | | |
| | 8.7 | Penyata Kewangan dengan pelarasan | | | | | | | | | / | T | 1 | 1 | | | | | |

| TAJUK / KONSTRUK | | | BAHAGIAN A | | | | | | | | | ARAS SOALAN | JUMLAH | JUMLAH MARKAH | BAHAGIAN B | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | PENGETAHUAN | | | | | | | | | | | | KEMAHIRAN | | | | |
| | | | P01 | P02 | P03 | P04 | P05 | P06 | P07 | P08 | P09 | | | | C01 | A01 | N01 | V01 | T01 |
| **9** | **Pembetulan Kesilapan** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 9.2 | Penyata Kewangan selepas pembetulan kesilapan | | | | | | | | | | T | 1 | 1 | | / | | | |
| **10** | **Analisis dan Tafsiran Penyata Kewangan untuk Membuat Keputusan** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 10.1 | Analisis Penyata Kewangan dan Perbandingan Prestasi | | | | | | | | / | | T | 2 | 2 | | | | | |
| **11** | **Rekod Tak Lengkap** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 11.2 | Kaedah Perbandingan | | | | | | | | | | T | 1 | 1 | | | | / | |
| | 11.3 | Kaedah Analisis | | | | | | | | | | T | 1 | 1 | | / | | | |
| **12** | **Perakaunan untuk Kawalan Dalaman** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 12.2 | Penyata Penyesuaian Bank | | / | | | | | | | / | T | 2 | 2 | | | | | |
| | 12.3 | Belanjawan Tunai | | | | | | | | | | T | 1 | 1 | | / | | | |
| **13** | **Perakaunan untuk Perkongsian** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 13.2 | Akaun Pengasingan Untung Rugi | | | | | | | | | | T | 1 | 1 | | / | | | |
| | 13.4 | Pembubaran Perkongsian | | | | | | | | | | T | 2 | 2 | | / | | | |
| **14** | **Perakaunan untuk Syarikat Berhad Menurut Syer** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 14.2 | Jenis modal dan terbitan syer | | | | | | | | | | T | 1 | 1 | | / | | | |
| | 14.4 | Dividen tunai | | | | | | | | | | T | 2 | 2 | | / | | | |

| TAJUK / KONSTRUK | | BAHAGIAN A PENGETAHUAN | | | | | | | | | ARAS SOALAN | JUMLAH | JUMLAH MARKAH | BAHAGIAN B KEMAHIRAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | P01 | P02 | P03 | P04 | P05 | P06 | P07 | P08 | P09 | | | | C01 | A01 | N01 | V01 | T01 |
| **15** | **Perakaunan untuk Kelab dan Persatuan** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 15.3 Akaun Yuran Ahli | | | | | | | | | | T | 2 | 2 | | / | | | |
| | 15.4 Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan | | | | | | | | | | T | 1 | 1 | | / | | | |
| **16** | **Perakaunan Kos** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 16.2 Akaun Pengeluaran | | | | | | | | | | T | 1 | 1 | | / | | | |
| | 16.3 Analisis Titik Pulang Modal | | / | | | | | | | | T | 2 | 2 | | / | | | |
| | **JUMLAH** | **0** | **4** | **0** | **0** | **0** | **1** | **0** | **3** | **5** | | **40** | **40** | **2** | **22** | **1** | **2** | **0** |

## JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)

## ARAS TINGGI

## PRINSIP PERAKAUNAN KERTAS 2

| TAJUK / KONSTRUK | | BAHAGIAN A | | | | | | | | | ARAS SOALAN | JUMLAH | JUMLAH MARKAH | BAHAGIAN B | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PENGETAHUAN | | | | | | | | | | | | KEMAHIRAN | | | | |
| | | P01 | P02 | P03 | P04 | P05 | P06 | P07 | P08 | P09 | | | | C01 | A01 | N01 | V01 | T01 |
| 1 | **Pengenalan Kepada Perakaunan** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 1.1 Perakaunan, sub bidang perakaunan, kerjaya dan badan profesional | | | | | | | | | | T | 0.2 | 2 | | | | / | |
| | 1.5 Entiti perniagaan | | | | | / | | | | | T | 0.2 | 2 | | | | | |
| 2 | **Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 2.1 Komponen Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan | | | | | | | | | | T | 0.2 | 2 | | | / | | |
| 6 | **Imbangan Duga** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 6.1 Imbangan Duga | | | | | | | | | | T | 0.2 | 2 | | | | / | |
| 8 | **Pelarasan pada Tarikh Imbangan dan Penyediaan Penyata Kewangan Milikan Tunggal** | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 8.3 Hutang Lapuk, Hutang Lapuk Terpulih dan Peruntukan Hutang Ragu | | | | | | | | | | T | 0.5 | 10 | / | | / | | |
| | 8.4 Susut Nilai dan Susut Nilai Terkumpul | | | | | | | | / | | T | 0.53 | 4 | | | / | | |

| TAJUK / KONSTRUK | | | BAHAGIAN A PENGETAHUAN | | | | | | | | | ARAS SOALAN | JUMLAH | JUMLAH MARKAH | BAHAGIAN B KEMAHIRAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | P01 | P02 | P03 | P04 | P05 | P06 | P07 | P08 | P09 | | | | C01 | A01 | N01 | V01 | T01 |
| | 8.7 | Penyata Kewangan dengan pelarasan | | | | | | | | | | T | 0.67 | 23 | | | / | | |
| **10** | **Analisis dan Tafsiran Penyata Kewangan untuk Membuat Keputusan** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 10.1 | Analisis Penyata Kewangan dan Perbandingan Prestasi | | | | | | | | / | | T | 0.5 | 10 | | | | / | |
| **11** | **Rekod Tak Lengkap** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 11.3 | Kaedah Analisis | | | | | | | | | | T | 1 | 25 | | / | / | | |
| **12** | **Perakaunan untuk Kawalan Dalaman** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 12.2 | Penyata Penyesuaian Bank | | | | | | | | | | T | 0.5 | 10 | | | / | | |
| **13** | **Perakaunan untuk Perkongsian** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 13.2 | Akaun Pengasingan Untung Rugi | | | | | | | | | | T | 0.25 | 5 | | | / | | |
| | 13.3 | Ekuti Pemilik dan Penyata Kewangan Perkongsian | | | | | | | | | | T | 0.75 | 15 | | | / | / | |
| **16** | **Perakaunan Kos** | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 16.3 | Analisis Titik Pulang Modal | | | | | | | | | | T | 0.5 | 10 | | | / | | |
| | | | | | | | | | | | | **JUMLAH** | **6** | **120** | | | | | |